

DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA (BAJET)

Shah Alam, Rabu , 29 Oktober 2008

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

TURUT HADIR

(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, 1959)

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS., AMS.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Shukri bin Mohamad Hamin
Setiausaha

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh
Penolong Setiausaha

Cik Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi
Penolong Pegawai Tadbir

BENTARA

Encik Md. Saref bin Salleh

PELAPOR PERBAHASAN

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Cik Siti Salina bt. Muftar

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wata'ala wabarakatuh.* Aturan urusan mesyuarat ketiga bajet penggal pertama Dewan Undangan Negeri Selangor ke-12 di sambung semula dengan bacaan doa.

I. DOA

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan sambungan.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PEMULIHARAAN TAPAK SEJARAH

45. Dalam Bajet 2009 kerajaan pusat, sejumlah RM50 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja pemuliharaan di Melaka dan Pulau Pinang. Negeri Selangor juga mempunyai tapak-tapak sejarahnya sendiri yang memerlukan usaha-usaha pemuliharaan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam menjaga tapak-tapak sejarah dalam negeri agar terus kekal?
- b) Di manakah tapak-tapak sejarah yang sudah dikenal pasti?
- c) Bagaimana dikekalkan pengusaha-pengusaha produk seni yang ada kaitannya dengan sejarah lama seperti seni ukiran, seni tekad (sulaman) dan anyaman dan lain-lain?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi rahmani rahim.* Salam sejahtera. Tuan Speaker, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, Lembaga Muzium Selangor telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi merangka beberapa cadangan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak-tapak tanah bersejarah dan monumen. Mengikut RMK-9, Lembaga Muzium Selangor telah diperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi aktiviti-aktiviti pembangunan Muzium. Namun bagi kerja-kerja memelihara dan pemuliharaan tapak-tapak tanah bersejarah dan monumen-monumen, Lembaga hanya diperuntukkan token

RM10.00 sahaja sepanjang tempoh RMK-9 iaitu 2006 hingga 2010. Walau bagaimanapun, Jabatan Warisan Negara ada menyediakan peruntukan bagi kerja-kerja konservasi tapak tanah bersejarah dan monumen bagi Gedung Raja Abdullah, Klang dan Balai Polis lama, Jugra di Kuala Langat. Antara usaha-usaha bagi menjaga tapak-tapak sejarah tersebut agar terus kekal adalah seperti berikut :-

1. Mengenal pasti tapak-tapak bersejarah dan menyediakan kertas cadangan bagi tujuan pewartaan, gazet dan diserahkan kepada Jabatan Warisan Negara.
2. Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bagi semua tapak tanah bersejarah yang telah diwartakan di Negeri Selangor tertakluk kepada peruntukan yang diperolehi dari Kerajaan Negeri serta bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara.

Sebanyak 13 tapak-tapak tanah bersejarah dan monumen telah diwartakan di bawah Akta Benda Purba 168, 1976 bagi tujuan pemeliharaan dan produk pelancongan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, perintah penerusan telah dibuat bagi butiran yang diwartakan di bawah Akta Benda Purba 1976, Akta 168 agar terus diguna pakai pewartannya di bawah peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005, Akta 645. Lembaga Muzium Selangor bertanggungjawab dalam mengekalkan produk-produk seni khususnya berkaitan dengan Negeri Selangor. Namun demikian, dalam usaha untuk mengekalkan pengusaha-pengusaha produk seni di Negeri Selangor, pihak Kraf tangan Malaysia cawangan Selangor telah memainkan peranan dengan menjalankan beberapa usaha sepertimana berikut :-

1. Pembangunan produk setiap usaha yang berdaftar melalui cawangan ini akan dibantu dalam mempelbagaikan produk kraf.
2. Pembangunan usaha kraf, kompetensi usahawan kraf akan dipertingkatkan agar mempunyai kebolehan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang membantu dalam meningkatkan pengeluaran produk kraf.
3. Pemasaran dan promosi domestik, saiz pasaran kraf tempatan akan dipertingkatkan dengan penyertaan usahawan-usahawan dalam promosi-promosi yang akan diadakan di peringkat Nasional.

TUAN SPEAKER : Bangi?

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Ada dua (2) soalan :-

1. Sejauh manakah usaha dilakukan untuk menjadikan tapak-tapak sejarah di Negeri Selangor ini sebagai daya tarikan pelancong seperti yang dilakukan oleh Negeri Melaka?
2. Selangor agak miskin dari segi identiti budaya termasuk sejarah dan sebagainya sehingga kita tidak dapat mengenal pasti identiti ke '*Selangorian*' umpamanya. Kalau kita kata umpamanya Pahang dengan tokoh-tokoh Pahlawannya, Melaka dari segi bahan-bahan sejarahnya, Kelantan dengan budayanya. Tetapi Selangor ni kita nak petik suatu identiti yang mencerminkan sifat Selangor, tak jelas. So bagaimana kita nak menimbulkan identiti ni supaya Selangor

mempunyai imej tersendiri yang kukuh dari segi pandangan masyarakat dan nilai budayanya. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Bangi. Tentang usaha untuk kita menjadikan tapak-tapak sejarah terutama yang diwartakan untuk dijadikan pusat pelancongan sebagaimana yang disebutkan dalam jawapan tadi telah pun diusahakan dan usaha ini akan digembleng dan di promosi dengan lebih giat lagi dengan sumbangan daripada Jawatankuasa *Investment*, Pelaburan. Sumbangan daripada Jabatan Pelancongan, cawangan Pelancongan, Jabatan Pelancongan di Negeri Selangor ini dan juga usaha ini boleh di buat oleh PBT-PBT seperti yang terdapat di Shah Alam, seperti yang terdapat di Petaling Jaya dan di tempat-tempat yang lain. Di Kuala Selangor misalnya banyak tempat-tempat sejarah yang telah pun diwartakan, yang boleh di promosi sendiri oleh PBT-PBT. Sebab itu suatu masa nanti kita mengharapkan ada satu Seksyen kecil di PBT-PBT khusus untuk menilai kemampuan tempat-tempat sejarah, artifak-artifak yang ada itu untuk di promosi sebagai satu daripada produk pelancongan yang kita dapati dibandingkan dengan Melaka misalnya yang disebutkan oleh Y.B. tadi. Agaknya kita agak ketinggalan dari segi produk-produk untuk dipasarkan kepada pelancong-pelancong dalam dan luar Negeri. Kemudian itu, identiti. Ini satu benda yang akan saya sentuh dalam hala tuju nanti. Bila kita membincangkan, menjawab soalan-soalan daripada Y.B.-Y.B, iaitu identiti kita. Kalau kita turun kapal terbang, tengok di Subang, mana identiti? Identiti Malaysia di mana? Masuk ke Shah Alam, masuk ke Sepang, masuk ke Banting, masuk ke Kuala Selangor, Hulu Selangor, apa identitinya? Kita tak nampak identiti. Seperti kalau saudara pergi di Bali, saudara turun daripada lapangan terbang, pergi ke Bali, saudara tengok bangunannya beridentiti. Jalannya beridentiti. *Signage* nya beridentiti. Bahkan kalau kita pergi Brunei pun, kita dapat satu identiti. Masuk saja Brunei, turun kapal terbang, kita sudah melihat satu suasana identiti. Kita pergi Thailand misalnya, kita pergi Thailand, tempat yang metropolitan seperti Bangkok pun ada identiti Thailand. Apa lagilah kalau kita pergi tempat-tempat di Utara yang jauh di Chiang Mai dan sebagainya, kita dapati identiti itu lebih menyerap dalam masyarakat. Begitu juga kalau kita pergi India, di New Delhi, saya tengok binaan-binaan yang ada, bukan sahaja Taj Mahalnya, binaan-binaan Parlimennya menggambarkan identiti India. Begitu juga kalau kita pergi ke Negeri China misalnya, memanglah Negeri China memanglah identitinya mestilah Negeri China. Dan ini yang jelas. Kalau kita pergi Scotland misalnya, kita akan dapati beza pakaian mereka yang tradisi pun berbeza antara *Scottish* dengan *English* misalnya. Ini adalah merupakan identiti-identiti yang perlu ada. Dan Selangor harus bagi saya dalam rancangan hala tuju pembangunan kita, ini adalah salah satu daripada yang patut di cipta tentang melahirkan satu identiti Selangor. Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : (ingin mencelah).

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mengemukakan soalan nombor 46. Terima kasih.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

**TAJUK : KRISIS KENAIKAN HARGA MINYAK (PETROL DAN DIESEL)
DAN MENANGANI MASALAH INFLASI**

46. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah-langkah khusus yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk meringankan bebanan rakyat hasil kenaikan bahan bakar petrol dan diesel?
- b) Berapakah peruntukan kewangan yang digunakan untuk melaksanakan langkah-langkah bagi meringankan beban rakyat berkenaan?
- c) Apakah agensi-agensi pelaksana yang digunakan untuk menjayakan rancangan berkenaan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Permatang. Soalnya, mengenai krisis kenaikan harga minyak petrol dan diesel dan menangani masalah inflasi. Saya ingin ingatkan Dewan yang mulia ini. Terdapat satu perbahasan yang sangat hangat apabila Kerajaan Barisan Nasional terus menaikkan harga petrol yang begitu tinggi sehinggakan terdapat perdebatan antara Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Penerangan Malaysia. Tetapi yang paling penting dalam debat itu, kajian-kajian pernah dibuat sebelum kita mengadakan perbahasan tersebut. Satu perkara yang Permatang mesti ingat, kajian harus dilakukan apabila kita mengambil tindakan sesuatu dan kesannya kepada ekonomi. Dalam kajian yang kita buat sebelum perbahasan tersebut, kita mengkaji apakah ada hubung kait hal kenaikan dengan harga petrol dengan inflasi. Kita sudah buat kajian. Kajian itu dibuat selama 15 tahun di Malaysia. Maknanya, kita ikut masa, *the time* 15 tahun dan kita tengok graf harga petrol dengan inflasi. Jawapan yang kita dapati daripada situ, terdapat positif *co-relation*. Maknanya, harga petrol dan inflasi itu dia ada hubung kait yang sangat, dalam bahasa Melayu kita katakan sangat intim. Maknanya *co-relation, co-efficient* nya melebihi 0.6. Maknanya ia *very related*.

Jadi apabila kita membahaskan dalam Parlimen, kita katakan tindakan menaikkan harga petrol secara mendadak boleh memberi kesan kepada inflasi. Malangnya, jawapan kita betul tetapi masyarakat yang merana. Umpamanya, apabila harga petrol itu dinaikkan dan hasilnya inflasi Malaysia daripada 3% naik sampai 6% dan ia merupakan fakta yang harus kita kaji dan saya berharap saya segera menulis surat kepada EPU untuk menyediakan beberapa kajian supaya kita lain kali, kita tidak lakukan. Dan dalam perbahasan tersebut, kalau kita ikuti perbahasan tersebut, Dato' Seri Anwar ada mengatakan harga petrol sudah sampai ke satu peringkat yang tinggi dan ada kemungkinan besar ia turun. Jangkaan kita itu agak baik tetapi yang merana juga masyarakat Malaysia. Maknanya terlalu menaikkan sebab hingga sampai ke satu peringkat sebab kajian yang kita buat bagi mengkaji belanjawan negeri-negeri di Asia Barat atau Timur Tengah dan apakah andaian belanjawan mereka untuk tahun 2009.

Melalui beberapa perbincangan dengan beberapa *Institute Strategic Studies* yang ada di Timur Tengah, dan daripada kajian tersebut, andaian mereka harga petroleum yang dijangkakan, *revenue*, hasil daripada harga petroleum yang hendak dibuat untuk tahun

2009 ialah.... Sekarang baru kita tahu, iaitu USD70 satu tong. Jadi ini malangnya, malangnya Kerajaan Barisan Nasional... boleh jadi itu kajian yang dilakukan Pakatan Rakyat. Malangnya dia tidak menerima perbincangan tersebut dan terus menegakkan benang basah. Dan apa yang terjadi sekarang ialah apabila harga petrol sudah menurun sampai ke USD60 setong tetapi masih menggunakan harga petrol yang lama, Sudah cuba kita mengurangkan tetapi harga barangan di pasar tidak menurun sebab kajian menunjukkan apabila harga naik, sebenarnya dinaikkan oleh kalangan pengusaha. *It is sticky downward*. Maknanya ia tidak boleh menurun. Sebabnya *it's practical reason, very practical reason*. Orang yang....sebagai contoh yang senang, orang yang membuat roti canai apabila naik harga petrol dia naikkan harga dua puluh sen. Tetapi apabila harga petrol turun, harga roti canai tak turun. Jadi kita juga marah kepada dia.

Jawapannya begini. Apabila tauke roti canai itu hendak membuat roti canai dia beli tepung bukan untuk satu hari, tetapi beli tepung untuk tiga bulan. Jadi harga tepung yang dia beli ialah pada masa harga yang naik. Jadi, apabila dia buat roti canai, dia tak ada upaya hendak menurunkan. Kalau diturunkan marginnya berkurang. Itu sebabnya *sticky*. Jadi begini, saya rasa dalam tiga bulan yang mendatang lebih kurang barulah kita ada satu keadaan penurunan harga barangan. Bukan terus menerus. Bermakna, harga minyak turun, harga barang runcit jua turun. Tidak. Saya berharap ini saya terangkan kerana strategi pengurusan ekonomi ini sangat penting dan sebab itu langkah-langkah itu hendaklah dibuat untuk menyelesaikan masalah yang kita reka. Yang itu saya hendak terangkan. Jadi kita tidak naikkan harga petrol sedikit-sedikit, tapi apabila harga petrol dah turun kita boleh turunkan dengan sedikit-sedikit. Sekarang kita turun harga petrol sedikit-sedikit tapi tidak melihatkan kesan kepada barangan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedia menghadapi, memahami krisis ini itulah sebabnya kita meningkatkan tahap atau pun garis panduan untuk mereka yang dikatakan miskin ke pendapatan seisi rumah berjumlah 1,500.00 daripada 700.00 kepada 800.00 ringgit. Dan cara ini kita akan berusaha untuk mencari program bagaimana kita dapat mengurangkan beban ini dan lebih kurang setengah juta lima ratus ribu kita ada lakukan untuk memberi beberapa bekalan beras, gula dan seterusnya. Ini pada saya tidak menyelesaikan masalah pokok. Masalah pokok ialah bagaimana kita hendak mempertingkatkan pendapatan mereka dan bagaimana usaha yang kita lakukan. Selepas ini saya pergi ke Parlimen untuk berbincang di Parlimen dalam usaha menyatakan apakah kesan kemelesetan global kepada ekonomi Malaysia. Apakah kesannya? Dan apakah langkah-langkah yang hendak dibuat oleh Kerajaan Malaysia untuk membendung kesan kemelesetan terhadap ekonomi Malaysia?

Kajian menunjukkan dunia menghadapi kemelesetan. Jadi kalau ada yang mengatakan tidak apa-apa untuk Malaysia itu satu kenyataan yang tidak benar. Tapi, yang paling penting bagi kita kalau kita tahu keadaan tersebut, apakah kesan dan langkah-langkah yang kita perlu adakan seperti juga dalam perbincangan inflasi dan harga petroleum. Sebab itu saya rasa pengurusan ekonomi ini mesti dijaga dengan tertib. Sebab hasilnya sangat susah kita untuk mengubah. Walau bagaimanapun, saya dan rakan-rakan EXCO hendak sentiasa memantau keadaan ini dan mencuba menolong masyarakat di Negeri Selangor yang miskin dan juga memberi beberapa agihan bekalan. Juga mencari jalan bagi mereka meningkatkan pendapatan mereka supaya mereka dapat hidup dalam keadaan yang lebih mencukupi. Terima Kasih.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, soalan tambahan. Berhubung dengan kenaikan minyak dalam konteks kenaikan minyak ini, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, dulu harga minyak US\$ 147 satu *barrel*. Sekarang lebih kurang US\$ 65. Adakah wajar minyak itu diturunkan kepada ke paras RM 1.80 Tan Sri. Itu saja soalan saya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Itu, bukan senang. Kita tengok sahaja harga pasaran dengan langkah kita untuk menurunkan harga bukan senang. Saya rasa itu bukan sebab perniagaan minyak dibuat di peringkat antarabangsa, perniagaan runcit dibuat di dalam negara. Ada beberapa langkah. Kedua, Kerajaan Malaysia juga sudah mengambil kiraan memberi subsidi melalui orang yang empunya kereta. Dah berapa bilion sudah habis. Walhal, kalau kerajaan turunkan harga minyak dan kena *double*, dua kali ia kena. Dah beri duit kepada semua orang dan harga pun turun dan subsidiya lagi bertambah. Jadi dua kali, dua kali. Itu sebabnya kita sudah terangkan dua kali. Oleh itu, kalau saudara-saudara ada kereta tak minta lagi subsidi saya cadangkan cepat kalau tidak, kalau saya jadi Menteri Kewangan saya tidak beri lagi dah. Tetapi kalau, daripada segi subsidi, itu teknik, a *managing technic*. Sekarang subsidi sudah diberi untuk dijangkakan setahun tetapi dalam masa enam bulan harga sudah menurun kepada satu peringkat yang seperti dahulu. Jadi, bagaimanakah kita hendak mengatur? Sebab itulah kerajaan tak berani nak turunkan banyak, sebab kalau diturunkan banyak duit dah lepas keluar dan kena beri subsidi pula. Bermakna, dua kali kerajaan kena.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya cuba mendapatkan jawapan daripada, mendapatkan jawapan kepada soalan yang saya kemukakan daripada jawapan-jawapan Yang Berhormat Ijok, Cuma saya ingin mengajukan satu lagi soalan mungkin soalan ini agak relevan kalau sidang tidak di tangguh dahulu pada waktu krisis berlangsung. Cuma saya hendak bertanyakan dalam menyelesaikan satu permasalahan ini kadang-kadang kita ada jalan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang. Contohnya kalau kita ziarah rumah orang terbakar, kadang-kadang kita bagi *donation* RM 1,000.00 mungkin tak boleh bina rumah dia yang hangus lima, enam puluh ribu atau pun seratus ribu. Jadi kita ada langkah jangka panjang mungkin membina di masa yang akan datang. Jadi dalam keadaan krisis ekonomi, atau pun apa ni kenaikan harga petrol beberapa bulan yang dahulu saya tengok sekurang-kurangnya kerajaan pusat ada mengambil langkah termasuk menyediakan rebet tunai.

TUAN SEPEAKER : Yang Berhormat, jangan buang masa , terus pada soalan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya lah, saya Tuan Speaker, boleh saya panjangkan sedikit.

TUAN SPEAKER : Saya dah banyak kali mengulangi di sini, masalahnya ,

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jadi soalan saya,

TUAN SPEAKER : Dengar saya cakap dulu, masa pertanyaan saya minta terus pada soalan. Kita hanya ada satu jam sahaja. Kalau, kalau semua orang hendak berhujah, kita rampas masa kita sendiri untuk bertanya soalan kepada EXCO.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan saya Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, terus pada soalan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Okey, Terima Kasih. Soalan saya, dalam waktu kita menghadapi kenaikan harga minyak. Satu contohnya, mungkin Kerajaan Negeri boleh paling tidak membantu rakyat pada waktu itu adalah dengan menurunkan cukai pintu sebagaimana yang dijanjikan dan paling tidak atau pun apa-apa contoh lain diberi subsidi dan sebagainya sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan Pusat. Saya hendak tanya itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Permatang. Walaupun Permatang cuba menyeleweng, namun, saya terima. Tetapi kajian saya mengenai perbelanjaan di PBT menunjukkan kos, kos yang kita ajukan dalam perbelanjaan tersebut tidak kita usahakan supaya dia mendapatkan hasil yang sebaik-baiknya. Maknanya, saya terangkan dahulu, kalau kita berbelanja RM1,000.00 untuk kos di PBT, hasil *the value of the work* merupakan hasil daripada kerja itu lebih kurang 60% ke 70%. Enam ratus, tujuh ratus dalam enam ratus, maknanya tiga puluh sen atau pun tiga puluh peratus itu sudah hilang dalam usaha tersebut. Sebab itu, sebagai profesional saya mengatakan kalau ini berlaku kita perlu selesaikan perkara ini dahulu sebelum kita bincang tentang memberi diskaun pada cukai-cukai pintu. Walau bagaimanapun, kita kena lihat dalam jangka panjang kita lakukan perkara tersebut. Tetapi untuk masa sekarang pendapatan di PBT digunakan sepenuhnya untuk perbelanjaan. Jawapannya betul. Dia dapat duit dia gunakan sepenuhnya. Tetapi, penggunaan hasil tersebut tidak setimpal dengan perkhidmatan atau kerja yang dilakukan sebab kita menjalankan secara umum apa yang dipanggil *negeotiated contracts*. *Negeotiated Contracts* itu termasuk tiga puluh peratus keuntungan kepada mereka yang mendapat kontrak tersebut. Dan ini dalam masa satu tahun, dua tahun ini kita cuba kurangkan dan jika ini berlaku ada besar kemungkinan kita boleh memberikan potongan-potongan cukai pintu. Terima Kasih.

TUAN SPEAKER : Sg. Pelik.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima Kasih, Tuan Speaker. Soalan 47.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KAWASAN PENTERNAKAN BABI LADANG TUMBUK

47. Kawasan penternakan babi di Kawasan Tumbuk, tanjung Sepat telah di isytihar sebagai kawasan penternakan bersepadu oleh Kerajaan Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Bilakah projek penternakan babi bersepadu di Tumbuk akan dilaksanakan?

- b) Berapakah jumlah perbelanjaan atau peruntukan akan digunakan untuk projek ini?
- c) Jenis bantuan apakah Kerajaan Negeri akan disalurkan atau membantu kepada penternak-penternak?

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullah.* Tuan Speaker, saya menjawab sekali soalan berkaitan daripada Dengkil ah! Permatang dan Taman Templer. Seperti diusulkan supaya projek-projek yang baik yang diaturkan oleh Kerajaan terdahulu supaya diteruskan, kita menyahut seruan ini. Sebab itu untuk memulakan ini, saya mula dengan kata pantun. Sudah gaharu cendana pula. Dah tahu bertanya pula. Saya rasa ada sebahagian daripada ADUN terdahulu dah pun melawat program-program untuk memodenkan penternakan babi di Selangor ekoran daripada masalah pencemaran yang keterlaluan. Kerajaan Negeri seperti yang dinyatakan bahawa akan meneruskan usaha-usaha yang terdahulu dan oleh kerana setelah saya menyemak kontrak yang diberi oleh Kerajaan terdahulu adalah kepada syarikat milik pimpinan UMNO yang bukan dari Selangor, saya telah dinasihatkan oleh Yang Amat Mufti supaya tidak diberi kepada orang Melayu yang beragama Islam. Sebab itu, kita sedang menyemak semula semua peraturan yang ada, teknologi-teknologi yang ada dan memastikan bahawa supaya penternak-penternak ini mendapat faedah dari program tersebut. Kajian menyeluruh sedang dibuat dan sesudah kajian selesai kita akan *announce* kan program ini dengan baik. Terima Kasih.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Tuan Speaker, soalan 48.

TUAN SPEAKER : EXCO. Soalan No. 48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kemudahan pengangkutan awam bagi meringankan beban rakyat Selangor melihatkan kenaikan harga minyak yang mendadak?
- b) Bilakah langkah-langkah ini akan dilaksanakan?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan Speaker, minta maaf ya. Kemudahan pengangkutan awam yang ditanyakan ya, kita memang mengetahui tentang masalah-masalah pengangkutan awam terutama di Lembah Kelang, di bandar-bandar yang besar di Petaling Jaya di Shah Alam dan sebagainya, apa lagi dalam keadaan musim tengkujuh yang akhir-akhir ini kita dapati air hujan turun dengan begitu banyaknya, maka didapati kenderaan-kenderaan awam, peraliran kenderaan awam tidak berjalan dengan baik, dalam perjalanan sesudah saudara-saudara dari Shah Alam

menghala ke Kuala Lumpur sebagaimana yang saya sebut apa jawapan lepas mengambil masa kadang-kadang mengambil 2 jam. Apa yang sedang dilakukan sekarang ini dalam perancangan Hala Tuju mestinya yang akan saya sentuh lebih panjang lagi waktu menjawab soalan-soalan yang akan dibangkitkan mengenai pengangkutan awam ini. Kajian yang komprehensif sekarang ini kita memikirkan sama ada dia *road bes* atau dia *rel bes*. *Road bes* atau *rel bes* dalam kajian dibuat dalam pembentangan prabudget yang kita adakan di sesi-sesi tersebut pakar-pakar menyatakan kepada kita *road bes* adalah lebih baik daripada *rel bes* sebab itu kemungkinannya pendekatan yang diambil kedua-dua sekali agaknya. *Rel bes* pun mempunyai sumbangan yang besar, *road bes* pun mempunyai sumbangan yang besar. Dan pada masa yang sama dari segi perancangan ada 2 kaedah namanya dan ini yang masuk adalah yang keluar. Maknanya kita melihat penghuraian daripada *transport*..... atau dalam kenderaan itu disukat apa satu-satu jarak masa di sebelah pagi, sebelah tengah hari, sebelah petang, sebelah malam. Daripada mana jangka-jangka masa itu yang menyebabkan aliran trafik begitu tinggi yang menyebabkan menghalang kepada kelancaran perjalanan trafik terutamanya di Lembah Klang dan mana-mana yang saya sebutkan tadi. Apa yang hendak disebutkan di sini Tuan Speaker ya lah bahawa Kerajaan Negeri melalui Hala Tuju perancangan yang akan berakhir perancangan pada Tahun 2025 dan *beyond* dan selepas itu juga satu daripada yang kritikal sekali yang akan diberi perhatian adalah persoalan pengangkutan awam, soal kenderaan yang berlebihan dari segi bilangan, soal meletakkan kereta, soal *parking*, soal perjalanan, soal kos yang terlibat dan sebagainya. Soal pelebaran jalan dan sebagainya ini soal-soal yang perlu diperjelaskan. Walau bagaimanapun sebagaimana yang saya sebutkan untuk mengakhiri jawapan saya ini. Pertimbangan sedang dibuat sama ada dua pendekatan kalau di Eropah kebanyakan *rel bes* kalau kita lihat misalnya di, di Sweden dan di Norway dan juga di London juga begitu kita dapati *rel bes* ini nampaknya berfungsi di samping *road bes*. Dan saya mencadangkan agaknya di Malaysia ini mungkin saya akan bincang dengan UPEN, bincang dengan Jabatan Perancang Dan Desa kemungkinan kita akan cadangkan gandingan di antara *road be* dan *rel bes* tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN : Minta penjelasan jawapan dia.

TUAN SPEAKER : Damansara

Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN : Minta penjelasan berkenaan dengan pengangkutan awam. Memandangkan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk mengatasi menyelesaikan masalah pengangkutan awam di daerah Petaling Jaya. Adakah di Negeri Selangor apa-apa cadangan untuk memulakan atau memulihkan pengangkutan awam di Lembah Klang.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Sebagaimana yang disebutkan soalan itu walaupun ringkas. Tetapi sebenarnya mempunyai implikasi dari segi projek dan sebagaimana yang kita tahu apa yang dirancang dari segi pengangkutan di Negeri Selangor terutamanya di Lembah Klang perancangannya tidak lain tidak bukan kita lihat menambah jalan raya, membesarkan jalan raya, membuat lebuhraya-lebuhraya berbagai-bagai-bagai lagi misalnya MRU dan sebagainya ini merupakan penguraian namanya penguraian trafik yang dibuat selain kita tempatkan Polis, menempatkan Rel dan sebagainya di kampung-kampung untuk membuat penguraian tentang trafik tersebut. Jadi macam yang dicadangkan oleh Damansara Utama yang nak tahu tentang apa rancangan-rancangan yang sedang kita jalankan. Sudah tentulah kita lihat PBT-

PBT pun tidak duduk diam, kalau kita lihat pun Polis pun tidak duduk diam. Kalau kita lihat Lembaga Lebuh Raya pun tidak duduk diam. Dan kalau kita lihat yang diberikan konsesi tentang lebuh raya pun tidak duduk diam. Kalau kita tengok JKR pun tidak duduk diam. Tetapi saya sebagai EXCO yang bertanggungjawab haruslah berkonotasikan untuk kita menyelesaikan masalah ini (dengan izin) Tuan Speaker. Jadi bagi saya *Insyah-Allah* saya akan menjawab dengan lebih lanjut lagi dalam pembentangan dalam jawapan mengenai Hala Tuju Perancangan Pembangunan di Negeri Selangor pada Tahun 2025 selepas ini nanti. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Klang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker soalan No. 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENCAHAYAAN KAWASAN PADA WAKTU MALAM

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila kemukakan butiran jumlah perbelanjaan pencahayaan waktu malam di seluruh negeri Selangor mengikut pecahan daerah dan berapakah perbelanjaan di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)?
- b) Apakah garis panduan dan peraturan bagi pencahayaan taman-taman permainan pada waktu malam di kawasan-kawasan taman perumahan?
- c) Adakah terdapat rekod aduan yang mengaitkan peningkatan jenayah berkadar dengan kawasan-kawasan gelap yang mempunyai kurang pencahayaan pada waktu malam?

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih. Tuan Speaker. Yang Berhormat daripada Hulu Kelang ingin menyoalkan isu mengenai pencahayaan kawasan pada waktu malam. Tuan Speaker sebanyak 24,900,756.00 telah dibelanjakan sehingga September 2008 bagi pencahayaan kawasan waktu malam. Berikut pecahan perbelanjaan mengikut PBT:

BIL	PBT	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1.	MBSA	3,700,000.00
2.	MBPJ	2,800,000.00
3.	MPK	1,350,000.00
4.	MPSJ	3,960,000.00
5.	MPAJ	979,816.80
6.	MPS	2,593,323.00
7.	MPSP	1,427,151.39
8.	MPKJ	4,800,000.00
9.	MDHS	1,200,000.00
10.	MDKS	582,675.66
11.	MDSB	651,744.00
12.	MDKL	6,045.15
JUMLAH		24, 090, 756.00

Jadi mengikut kos ini kos purata sebulan untuk semua PBT lebih kurang 2.7 Juta. Maksudnya bagi satu tahun lebih 30 juta akan digunakan sebagai kos elektrik untuk pencahayaan sahaja. Sebab itu pejabat saya telah meninjau bagaimana kita boleh merendahkan atau mengurangkan kos elektrik ini kerana begitu tinggi dan beberapa komposer atau cadangan kita telah terima daripada beberapa syarikat bagaimana dapat mengurangkan kos elektrik ini. Yang Berhormat juga ingin hendak tahu butir-butir di MPAJ. Perbelanjaan pencahayaan kawasan MPAJ mengikut daerah adalah seperti berikut:

i).	DUN Cempaka	:	RM 276,064.17
ii).	DUN Hulu Kelang	:	RM 156,298.89
iii)	DUN Lembah Jaya	:	RM 161,070.81
iv).	DUN Bukit Antarabangsa	:	RM 197, 981.31
v).	DUN Teratai	:	RM 188,401.02

JUMLAH **RM 979.816.80**

Jadi jumlahnya 979 ribu. Setakat ini tiada garisan panduan khususnya diguna pakai oleh PBT di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun setiap PBT telah mensyaratkan kepada pemaju bagi setiap permohonan kelulusan Landskap bagi projek perumahan dan pembangunan swasta dan agensi kerajaan lain memasang lampu taman dan lampu gelanggang di dalam garis panduan yang diguna pakai oleh setiap PBT. Dan setakat ini PBT-PBT tidak mempunyai rekod-rekod mengaitkan peningkatan kadar jenayah yang serius di kawasan-kawasan gelap yang mempunyai kurang pencahayaan pada waktu malam. Walau bagaimanapun terdapat aduan awam di beberapa PBT daripada orang

awam yang memohon agar kawasan-kawasan taman permainan diberi pencahayaan yang cukup dengan menambah lampu-lampu taman. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Burung

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker . Kita dapati kawasan-kawasan pentadbiran Pihak Kuasa Tempatan telah pun memperluaskan di kawasan pinggir-pinggir bandar dan kawasan luar bandar. Soalannya dari segi pemasangan lampu-lampu jalan atau pencahayaan lampu jalan ini bilakah kerajaan akan juga melaksanakan pemasangan lampu-lampu di kawasan pinggiran bandar dan luar bandar. Ada beberapa kawasan di jalan utama seperti di Road 5 (dengan izin) yang melalui kawasan pekan-pekan kecil yang termasuk di dalam kawasan pentadbiran Pihak Kuasa Tempatan. Akan tetapi pada masa ini dari segi lampu-lampu yang terputus-putus misalnya kalau kita berjalan daripada Meru ke Kapar kemudian itu ada lampu kemudian tak ada lampu dari Kapar ke Sungai Sembilang di Pekan Sungai Sembilang ada lampu. Tapi di antara Pekan Kapar dan Pekan Sungai Sembilang ke Jeram dan Kuala Selangor terus tak ada lampu. Jadi soalan saya bilakah kerajaan akan melaksanakan pemasangan lampu-lampu jalan di kawasan Road 5 ini supaya membolehkan kawasan yang paling sibuk ini dapat diterangi pada waktu malam bagi mengurangkan terutamanya masalah yang boleh menyebabkan kemalangan jalan raya. Sekian.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima Kasih Yang Berhormat. Saya ingin meminta Majlis Daerah Sabak Bernam kerana Sungai Burung di bawah Sabak Bernam. Untuk mengambil perhatian...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Pembetulan Kuala Selangor...

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Kuala Selangor... saya minta Kuala Selangor untuk mengambil perhatianlah. Walau bagaimanapun memang ada tanggungjawab semua PBT untuk memastikan semua lampu tiang akan dinyalakan semua lampu akan dinyalakan. Tetapi saya ingin memberitahu Dewan bahawa bukan semua lampu jalan di bawah jagaan PBT ada yang di bawah Tenaga Nasional ada yang di bawah *highway* Autoriti katakan di jalan di *highway* di lebuh raya di bawah jagaan LLN dan banyak lagi di bawah TNB di jalan-jalan utama dan sebagainya. Jadi ada bukan semuanya di bawah PBT. Jadi kita mintalah ADUN-ADUN semua Yang Berhormat memahami perkara ini apabila membuat aduan ke dan sebagainya kena mengenal pasti adakah lampu itu di bawah PBT ataupun TNB ataupun Lebuh Raya. Sekian, Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker nak penjelasan pada soalan tadi sebab....

TUAN SPEAKER : Sungai Burung kena minta izin dulu jangan terus nak bercakap...saya beri Hulu Klang sebab dia dah berdiri dulu....

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tak sebab Tuan Speaker nak hubungkan soalan itu nak bagi penjelasan sikit nak bertanya.....

TUAN SPEAKER : Kita tak minta ADUN memberi penjelasan yang nak memberi penjelasan adalah EXCO....

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sebab maklumat yang saya minta

TUAN SPEAKER : Saya minta

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Maklumat yang diberikan tidak berapa tepat

TUAN SPEAKER : Sungai Burung saya minta duduk dulu..... Terima kasih. Hulu Klang

Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan. Soalan saya dari maklumat yang diberikan tentang DUN-DUN di MPAJ. Hulu Kelang kos pembayaran pencahayaan adalah 156 ribu yang menunjukkan yang terkecil daripada kelima-lima DUN. Jadi soalan saya adakah belanja kurang ini disebabkan kawasan kecil ataupun memang ternyata terbukti di Hulu Kelang kurang kawasan yang sepatutnya diberi pencahayaan tidak berikan pencahayaan. 156 ribu berbanding di tempat-tempat lain mencecah 200 ribu.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Yang Berhormat saya tidak pastilah adakah kerana Hulu Klang kecil ke ataupun bagaimanapun saya ingin haraplah MPAJ mengambil perhatian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baik saya berlaku adil kepada Sungai Burung..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. Kerana telah memberi keadilan kepada saya. Saya cuma nak bertanyakan tadi bukan apa..

TUAN SPEAKER : Terus kepada soalan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan saya ni, apa yang saya tanyakan tadi adalah di kawasan PBT, dia tidak melibatkan agensi-agensi lain. Oleh sebab *route 5* ini telah masuk ke kawasan PBT jadi kita nak tanya bila rancangan kerajaan nak melaksanakan supaya kawasan-kawasan pinggir di dalam kawasan PBT ini dan juga jalan di kawasan *route 5* ini akan dipasang dengan lampu-lampu jalan pada waktu malam supaya ini dapat terutamanya menjaga keselamatan jalan raya. Itu soalan saya. Di kawasan ini memang di dalam kawasan PBT.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bercadang Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor mengambil perhatian dan membuat tinjauan, adakah kedudukan kewangan daerah dapat mempercepatkan proses untuk menambah ataupun untuk mengadakan tiang lampu untuk kawasan yang tersentuh oleh Sungai Burung. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 50.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PROJEK JALAN BUKIT KEMUNING

50. Dalam RMK 9, Jalan Bukit Kemuning (daripada Taman Sri Muda ke bulatan Batu 5 Jalan Kebun) sepatutnya dinaiktarafkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Jalan yang sibuk ini sering dilanda masalah banjir kilat dan kerosakan jalan yang ketara akibat daripada penggunaan maksimum kenderaan berat di kawasan-kawasan industri di sekitarnya. Difahamkan JKR telah menunda projek ini disebabkan tiada peruntukan walaupun ia telah diiklankan dalam surat khabar arus perdana.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan negeri sedar tentang projek ini dan huraikan tentang arah tujuhnya dan apakah peranan Kerajaan Negeri dalam memastikan hal ini dapat diteruskan.
- b) Apakah status terkini projek pembinaan tersebut? Adakah ianya dibatalkan atau ditunda sementara dan berapakah anggaran kos projek ini dan bilakah ianya dijangka dimulakan
- c) Kerajaan Negeri dipohon mendesak agar ia segera dilaksanakan kerana penundaan projek ini mengundang peningkatan kos berlipat kali ganda.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan Speaker adalah dimaklumkan bahawa projek di atas adalah keutamaan pertama dalam kajian separuh penggal RMK9 iaitu projek Jalan Bukit Kemuning dari Jalan Sri Muda ke bulatan Batu 5 Jalan Kebun yang sepatutnya dinaiktarafkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Walau bagaimanapun disebabkan masalah kewangan Yang Berhormat Sri Muda peruntukan yang sepatutnya ada dalam RMK9 setelah diberi senarai keutamaan didapati projek ini tidak dimasukkan ke dalam RMK9 akibat dari ketiadaan peruntukan.

No. 2, status terkini untuk projek di atas adalah di peringkat siap reka bentuk dan anggaran kos oleh perunding untuk melaksanakan projek tersebut berjumlah RM120juta. Skop kerja adalah menaik taraf bulatan Kemuning, membina jejambat dan menaik taraf jalan dari satu hala kepada dua hala sepanjang 6 kilometer sebagaimana yang disebutkan oleh soalan Yang Berhormat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Oleh sebab kelewatan disebabkan ketiadaan peruntukan dan sebagainya saya ingin bertanya kepada kerajaan negeri adakah kerajaan negeri boleh memperuntukkan sedikit dana daripada peruntukan luar jangka dan sebagainya untuk melebarkan beberapa laluan sempit khususnya atas jambatan kerana jalan ini sepanjang lebih kurang 5 kilometer ada lebih kurang 7 jambatan yang kritikal jadi saya ingin bertanya adakah boleh kerajaan negeri menyegerakan atau menyalurkan apa-apa bentuk bantuan supaya permasalahan kesesakan yang mengganggu keselamatan pengguna khususnya anak-anak sekolah ini boleh kita laksanakan. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Tuan Speaker. Seperti mana yang diminta oleh Sri Muda supaya kerajaan negeri dapat memberikan sedikit peruntukan untuk mengurangkan kesesakan yang berlaku terutama yang menjurus kepada bulatan tersebut ini memerlukan perbincangan dan saya berjanji saya akan melihat perkara ini dan merundingkan dengan Kementerian Kerja Raya dan kalau misalnya kita mempunyai saranan-saranan yang kuat, mempunyai sebab-sebab yang kuat dan kalau misalnya Yang Berhormat dapat membantu saya kalau dapat ambil gambar-gambar pada masa sesak dan pendapat daripada penduduk-penduduk dan sebagainya. Kalau dapat kajian-kajian awal Yang Berhormat buat bukan kajian teknikal mungkin ini dapat membantu saya untuk meyakinkan Kementerian Kerja Raya supaya kita sama-sama kerajaan negeri sebagaimana yang kita ketahui ini adalah projek federal, ini adalah jalan federal. Jadi bila jalan federal kita nak masuk sikit, nak bina sikit dan sebagainya sudah tentulah dia *ni encroaching* dia punya *turf*, dia punya *federal turf and the state turf*. Jadi sebab itu saya rasa yang paling baiknya Yang Berhormat ialah bagi saya dan teman-teman yang terlibat dalam infrastruktur termasuk JKR dan sebagainya merundingkan perkara ini dengan pihak Kementerian Kerja Raya. Dan ini saya akan lakukan dan saya harap Yang Berhormat dapat menolong kami untuk menyediakan data-data untuk digunakan dalam perundingan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : CABARAN SEMASA – KENAIKAN PETROL / KRISIS MAKANAN

51. Dunia semasa mengalami pencabaran yang hebat terutama sekali dari segi kenaikan harga petrol dan masalah kekurangan makanan. Kita memerlukan pemimpin yang lebih agresif, proaktif dan inovatif.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah benar Y.A.B akan letak jawatan sebagai Ahli parlimen Kawasan Bandar Tun Razak untuk menjadi Y.A.B Menteri Besar sepenuh masa (*full time*) di Negeri Selangor?
- b) Adakah Y.A.B mengarahkan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Selangor mesti bekerja sebagai pentadbir sepenuh masa?
- c) Jika tidak, bagaimana untuk mengatasi masalah yang tersebut di atas?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merupakan Ex-Officio yang terdiri dari penjawat awam dan lantikan politik. Kesemua lantikan politik merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri yang dilantik DYMM di atas nasihat Menteri Besar selari dengan perkara 83 perenggan 2 perenggan B Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertanggungjawab kepada Dewan Undangan Negeri oleh itu

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bukan pentadbir sepenuh masa, walau bagaimanapun mereka di minta untuk mengutamakan tanggungjawab mereka sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai amanah yang telah diberi oleh rakyat Selangor. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertemu hampir setiap minggu pada hari Rabu dan mesyuarat tersebut digunakan untuk memastikan setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bekerja keras menyelesaikan masalah-masalah yang mendesak bagi rakyat Selangor.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Tuan Speaker ikut peraturan 24 (2) saya Kuala Kubu Baharu kemukakan soalan 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : BANJIR KILAT

52. Banjir kilat sering melanda kampung-kampung tradisi akibat sistem perairan yang tidak di selenggara dengan cekap dan berkesan . Contohnya di Kampung Batu 30, Kampung Sg. Kamin, Taman Seri dan beberapa kampung di daerah Hulu Selangor .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang di ambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah banjir ini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan bantuan kepada mangsa banjir ini?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih. Saya pun tak nak menjawab secara *detail* walaupun saya dah ada jawapan ini tapi eloklah saya mengatakan sebagaimana yang telah saya janjikan dalam jawapan saya dua hari yang lalu untuk mengatasi banjir ini sama ada langkah-langkah jangka pendek atau jangka panjang selain dari apa yang saya huraikan nanti dalam jawapan mengenai hala tuju rancangan pembangunan Selangor 2025. Saya telah memberitahu kepada Dewan yang mulia ini Tuan Speaker bahawa mesyuarat akan saya panggil khusus bagi membincang apa juga perkara yang telah dibangkitkan mengenai banjir di negeri Selangor ini. Bukan banjir di Bangi, bukan banjir di Rawang, bukan banjir di Kuala Selangor, bukan banjir di Hulu Selangor sahaja tetapi di seluruh negeri Selangor. *We have to focus on Selangor at large*. Bukan hanya pada sesuatu *area* sahaja seperti Batang Kali dan sebagainya. Sebab itu mesyuaratnya tapi Batang Kali kita tak panggil dalam mesyuarat tu sebab ini mesyuarat teknikal. Jadi mesyuaratnya hari Jumaat, dua hari akan datang pada 31hb Oktober 2008 jam 3.00 petang. Yang dijemput ialah JPS, JKR, Pejabat Daerah, PBT, LUAS, Pejabat Hutan, Jabatan Alam Sekitar dan beberapa jabatan-jabatan lain yang saya fikirkan ada kaitan langsung sama ada penyumbang kepada banjir, sama ada jabatan-jabatan yang dapat membantu mengurangkan banjir, ini kita akan panggil dalam mesyuarat tersebut. Saya harap JPS telah menyediakan kertas untuk dibincangkan. Saya akan bincang selepas ini. Habis aja ini saya akan berbincang dengan Pengarah JPS untuk membincangkan kertas yang akan dibincangkan dalam mesyuarat yang akan diadakan pada hari Jumaat akan datang ini. Walau bagaimanapun supaya Batang Kali

tidak terkilan untuk jangka pendek bagi Kampung Batu 30 Ulu Yam, bagi Kampung Sungai Buaya di Serendah, bagi Kampung Sungai Kamin di Ulu Yam, Taman Seri di Batang Kali insya-Allahlah kerja-kerja membersihkan dan mengorek Sungai Pedang, mengorek, mendalam dan membersihkan Sungai Guntung, parit tepi jalan tidak dibersihkan kerana ia di bawah penyelenggaraan JKR Hulu Selangor ini bagi Sungai Kamin di Ulu Yam dan parit dalam taman ini tidak dibersihkan kerana ia di bawah penyelenggaraan Majlis Daerah Hulu Selangor. Ini untuk Taman Seri di Batang Kali. Kita lihat di sini mungkin masalah penyelarasan ini telah ditimbulkan banyak kali sebenarnya. Dan ini adalah satu contoh yang klasik kita fikir koordinasi atau penyelarasan yang lebih baik perlu dilakukan terutama dalam hal untuk menangani banjir.

Tapi soalan yang berikut ini, sedikit tambahan tentang pemindahan bagaimana misalnya berlaku banjir apa tugas yang dilakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membantu orang-orang yang terlibat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat pembangkang dan kerajaan di Kedah masih banjir lagi, di Perak masih banjir lagi, di Sarawak lagi teruk masih banjir lagi dan di Sekinchan akan banjir. Sebab itu apa yang kita buat yang pertama sekali ialah membuka pusat-pusat pemindahan dan melakukan proses pemindahan. Bagi mereka yang tak pindah sebenarnya kita akan pujuk mereka polis akan sama-sama Jabatan Kebajikan Masyarakat, RELA terutama mereka yang mendiami kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sungai. Kewajipan untuk berpindah itu adalah sesuatu yang wajib. Kita akan tentukan orang-orang ini akan dipindahkan. Bila sudah pindah mereka ini akan ditempatkan di tempat-tempat pemindahan maka makannya, minumannya, kalau kawasan pemindahan itu berada dalam dewan besar begitu bercampur antara lelaki dan perempuan Jabatan Agama juga akan dipanggil untuk melihat bagaimana akhlak-akhlak supaya mereka yang diam dua tiga hari, dua tiga malam di situ menyempurnakan akhlak-akhlak yang kita nak supaya tidak timbul masalah-masalah di penempatan tersebut. Kemudian permohonan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengadakan satu rekod khas orang ini terjejas dengan banjir, kerugiannya apa sama ada rumahnya tenggelam, sama ada barang-barang elektriknya tenggelam dan dihanyutkan oleh air. Ini adalah bancian yang dibuat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menentukan kuantum bantuan yang akan diberikan kepada mangsa-mangsa banjir. Kemudian menghantar bantuan makanan, menyelaraskan pendaftaran petugas sukarelawan dan kita mengucapkan syabas kepada RELA dan syabas kepada Pasukan Polis Diraja dan kita mengucapkan syabas kepada sukarelawan-sukarelawan seperti kita tengok sukarelawan yang biasa yayasan amal, brigid amal dan sebagainya Nisa' dan berbagai-bagai lagi yayasan amal yang saya tahu yang telah memberikan banyak sumbangan kepada kita. Kemudian menyelaraskan derma yang disumbangkan oleh orang ramai. Ini pun untuk mengelakkan fitnah. Sebenarnya jika kita tengok di Kedah suatu masa dahulu bila tsunami melanda di Kedah kita dapati selepas tsunami melanda bila bantuan diberikan selepas itu fitnah pula kononnya orang itu makan duit, orang itu menyonglap duit dan sebagainya, kononnya duit itu tidak dibahagikan sama rata. Ini sebenarnya sudah menjadi satu *banch mark* kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menentukan keadilan dalam penyaluran bantuan. Dan akhirnya Tuan Speaker membuat siasatan dan penilaian terhadap kerugian dan kemusnahan yang dialami oleh mangsa-mangsa termasuk rumah dan harta benda tanaman dan ternakan dan seterusnya menimbang untuk meluluskan bantuan pemulihan di bawah skim-skim bantuan yang telah disediakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Saya ingin menanyakan dua soalan kepada Gombak Setia. Pertamanya adakah kerajaan bercadang untuk membina *retention ponds* atau kolam takungan air yang terbukti di Kampung Budiman di tempat saya tu selepas dibina tu memang kurang sangat banjir. Dulu sekejap sahaja hujan dan banjir.

Yang keduanya saya dapat maklumat bahawa bantuan daripada Kebajikan Masyarakat atau Lembaga Zakat di beritahu mangsa-mangsa banjir ini diberi bantuan kewangan cuma setahun sekali sahaja, adakah itu benar?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Encik Meru. Tentang pembinaan kolam takungan ini (*retention pond*) ini pun masalah teknikal. Saya tak boleh jawab terus saja. Tapi kalau misalnya YB kata dengan pembinaan kolam takungan itu menyebabkan banjir dapat dikurangkan, banjir *can be mitigated* jadi saya rasa itu langkah yang baik. Saya rasa membina kolam takungan ini pun tak memerlukan belanja yang banyak dan kita kena tengok pula macam di Selangor ini kita nak cari tanah-tanah yang sesuai untuk membina kolam. Itu pun satu hal. Kalau banjir berlaku di Shah Alam ini nak bina kolam di mana. Ini pun perlu kajian teknikal dibuat. Tentang bantuan kebajikan masyarakat, bantuan kebajikan masyarakat ini ada beberapa jenis. Saya tahu yang pertama adalah *one off*, *one off* ni bagi sekali itulah dia. Ada juga bantuan kebajikan masyarakat seperti mana yang kita tahu secara bulanan. Kepada orang kurang upaya bulanan. Dia punya tokeh ada kat sini. Itu fasal saya menjawab tak nak lebih dari tokeh. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH : Terima kasih Tuan Speaker untuk soalan 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN *HARBOUR CITY* DI PELABUHAN KLANG

53. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan status terkini pembangunan *Harbour City* di Pelabuhan Klang dan sejauh mana ianya dapat memberi impak positif pada pembangunan ekonomi Pelabuhan Klang?
- b) Sila nyatakan peranan Kerajaan Negeri dalam pembabitan merencanakan pembangunan di Pelabuhan Klang dan khususnya di dalam projek *Harbour City*.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Kelang. Pemaju *Habour City* adalah Tetuan Asa Niaga *Habour City* Sdn Bhd. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bil. 29/2004 bertarikh 3 November 2004 telah meluluskan permohonan serah tanah dan pemberimilikan semula tanah kepada Tetuan Asa Niaga *Harbour City* Sdn Bhd. Pada asalnya tanah ini sebahagian tanah kerajaan

negeri seluas 15 ekar dan sebahagiannya tanah rizab KTM berkeluasan 5.76 ekar dan jumlah keseluruhan tanah adalah 20.676ekar. Permohonan kebenaran merancang telah diterima oleh majlis pada 15 Ogos 2005 dan pelan kebenaran merancang telah diluluskan pada 14 Jun 2006. Cadangan pembangunan adalah seperti berikut:-

“Bangunan Kompleks Terminal Antarabangsa dan Domestik, Bangunan Kompleks Kastam dan Imigresen, Bangunan Kompleks Bebas Cukai dan Perniagaan, Bangunan Restoran Makanan Laut dan Perniagaan, meliputi 3.229 ekar. Lepas tu *cafe* dan *‘bus stand’*, *‘taxi stand’*, 0.069 ekar, jeti pejalan kaki, kawasan landskap 6.397 ekar, laluan dalaman *‘ram’* 1.114 ekar, loji kumbahan 0.547 ekar, rizab jalan 2.339 ekar, dan Fasa 2, pembangunan yang akan datang 6.981 ekar”.

Pelan kerja tanah telah diluluskan pada tahun 2005 dan pelan bangunan untuk bangunan Kastam dan imigresen telah diluluskan pada bulan September 2008. Pelan-pelan bangunan untuk lain-lain komponen tiada tindakan susulan daripada Perunding. Projek ini sepatutnya disiapkan pada hujung tahun 2008. Walau bagaimanapun, sehingga kini kemajuan kerja-kerja di tapak hanya siap 10 peratus yang melibatkan bangunan Kastam dan Imigresen sahaja dan lain-lain kerja belum lagi bermula. Impak positif kepada ekonomi negeri Selangor, kalau projek ini berjaya:-

1. Keadaan jeti sedia yang semakin buruk dan tidak selesa tidak sesuai lagi dijadikan sebagai salah satu pintu masuk utama ke negara ini yang sepatutnya merupakan tarikan utama kepada peniaga asing. Melalui pembinaan jeti baru yang menyediakan perkhidmatan domestik dan antarabangsa secara langsung dapat menyediakan kemudahan jeti yang lebih selesa secara langsung, dapat menarik pengguna menggunakan perkhidmatan jeti tersebut sekali gus dapat menjana ekonomi Pelabuhan Klang, khususnya dan Selangor khususnya;
2. Menyediakan kemudahan jeti Pelabuhan Antarabangsa yang melibatkan negara Indonesia, Malaysia, Thailand dan membentuk IMTGT *‘Golden Triangle’* dengan izin. Secara langsung menggiat aktiviti pusat serantau antara tiga (3) negara;
3. Menyediakan kemudahan yang lebih selesa dan meningkatkan kemudahan sedia ada melalui pembinaan dan menaik taraf kemudahan di Kompleks Terminal Kompleks Kastam, Restoran Makan, Bangunan Perniagaan dan lain-lain;
4. Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan;
5. Memberi imej baru kepada bandar Pelabuhan Klang dan merupakan tarikan kepada pelabur dan peniaga dari luar untuk melabur dan berniaga di sini;
6. Kemasukan barangan dapat dikawal dengan lebih baik dengan kawalan aktiviti jeti;
7. Pembangunan ini juga menjadi pemangkin dan sokongan kepada aktiviti pelaburan yang lain

Kerajaan negeri akan memantau dan memastikan pelaksanaan projek pembangunan ini dapat disiapkan dan beroperasi mengikut jadual yang ditetapkan.

TUAN SPEAKER : Waktu pertanyaan sudah tamat.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Usul Dasar Pembangunan Rancangan Negeri Selangor 2025, sambungan.

TUAN SPEAKER : Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk usul ini saya akan memberikan setiap Ahli yang mengambil bahagian 10 minit dan perbahasan akan tamat pada pukul 12.50, selepas itu Yang Berhormat Gombak Setia akan gulung dan kita buat keputusan sebelum pukul 1.00 tengah hari nanti. Dipersilakan Kampung Tunku untuk sambung.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima Kasih, saya akan cuba pendekkan ucapan saya pagi ini. Semalam saya bercakap tentang Kampung Baru. Sebagai permulaan pagi ini saya ingin menyentuh sedikit tentang pelaburan. Tuan Speaker, semasa perbahasan bajet peringkat dasar saya pernah membangkitkan persoalan tentang bekalan elektrik oleh TNB dan tidak stabil dan juga ketiadaan bekalan gas ke Pulau Indah oleh Gas Malaysia semasa perbahasan di peringkat dasar. Dalam usaha kita untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur dari luar negara kita perlu mengadakan satu perancangan jangka panjang sehingga tahun 2025 untuk memastikan kualiti perkhidmatan syarikat-syarikat di PBT. Ini memenuhi tahap keperluan pelanggan dan juga pelabur. Syarikat-syarikat ini adalah seperti TNB, Syabas, Gas Malaysia, Telekom Malaysia dan sebagainya. Jadi ini adalah satu pertanyaan daripada saya, apakah perancangan kita. Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh tentang pemilihan CEO-CEO ataupun Pegawai-Pegawai Tinggi dalam syarikat-syarikat kepunyaan kerajaan negeri Selangor. Saya berpendapat untuk memastikan syarikat-syarikat ini dapat menunjukkan prestasi yang berpanjangan prestasi yang memberangsangkan untuk jangka masa yang panjang, pemilihan Pegawai CEO yang berkaliber adalah amat penting untuk jawatan-jawatan ini. Dan saya di sini ingin mencadangkan supaya kita boleh tubuhkan satu jawatankuasa untuk memantau pemilihan ini dan kita perlu memilih jawatan calon ini mengikut kredibiliti mengikut kemampuan dan juga mengikut kompetensi calon-calon ini. Saya rasa adalah amat penting untuk kita supaya memilih dengan izin dalam Bahasa Inggeris '*The Best Brain*' otak yang paling baik untuk menerajui syarikat-syarikat ini, saya rasa tidak ada gunanya kalau kita memilih seseorang itu kalau Melayu tetapi dia menggadaikan hak Melayu, menggadaikan kebajikan orang Melayu seperti yang ditunjukkan dalam media keratan media oleh Tan Sri Menteri Besar bahawa lebih 75 peratus daripada projek yang dilaksanakan oleh PKNS selama 44 tahun yang lalu diberikan kepada syarikat bukan Melayu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini adalah satu sebab mengapa kita kena tukar supaya hala tuju PKNS memenuhi keperluan dan kebajikan seluruh rakyat negeri Selangor bukan sahaja Melayu bahkan seluruh rakyat, sama seperti semua program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat selama ini ianya tidak dihadkan untuk rakyat tertentu sahaja. Ia dibuka untuk semua rakyat dan saya amat kesal dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kuang, pagi ini dia '*absent*' dan ponteng lagi. Yang meminta ini pula melaga pihak Istana dengan Pakatan Rakyat mahu campur tangan Istana gaji pelantikan Menteri Besar. Saya rasa pada masa-masa sekarang ini, janganlah kita berpolitik, kita membincangkan hala tuju kita mahu menetapkan satu '*mindset*' yang pesat yang ada hala tujunya untuk membangunkan ekonomi sosial negeri Selangor. Sahsiah rakyat negeri Selangor, kalau kita terus main politik macam ini lambat laun UMNO akan gulung tikar, ini bukan saya kata ini dikatakan oleh Dato' Sri Rais Yatim kerana politik wang, saya rasa kalau Yang Berhormat Kuang

ada di sini rakan-rakannya boleh, berpesanlah kepada dia supaya kita lebih baik kita merenung kembali kepada kelemahan-kelemahan diri kita sendiri sebelum kita terus memainkan politik macam ini.

Tuan Speaker,

GOC ini sebenarnya amat penting untuk kerajaan Negeri Selangor ianya juga adalah sangat penting untuk rakyat negeri Selangor kerana jatuh atau bangunan kerajaan Pakatan Rakyat bergantung kepada prestasi syarikat-syarikat GLC ini. Di bawah Barisan Nasional saya ingin bertanya berapa banyak rumah pangsa kos rendah yang telah dibina oleh PKNS? Saya kebelakangan ini telah melawat ke beberapa tempat di Kajang dan Bangi. Saya lihat ada banyak sangat projek-projek usaha sama di antara PKNS dan syarikat-syarikat pemaju swasta. Tapi saya rasa amat pilu kerana rumah yang dibina oleh PKNS melalui syarikat-syarikat usaha sama ini ialah rumah-rumah kos tinggi, banglo besar. Ini adalah rumah untuk orang kaya, kita tidak memerlukan tanah PKNS yang diberikan kepada syarikat ini untuk membina rumah orang kaya. Kita memerlukan tanah ini untuk membina rumah kos rendah untuk rakyat biasa rakyat yang miskin rakyat yang menunggu satu rumah kepunyaan mereka. Itu adalah '*basic requirement*' keperluan asas untuk setiap manusia yang hidup dengan martabat yang tinggi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, boleh minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya, Ya, Ya Silakan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kampung Tunku, adakah sedar bahawa selama ini PKNS bukan satu agensi Kerajaan Negeri yang telah dan menyumbang ke arah pembangunan pembelaan golongan berpendapatan rendah. Kalau kita lihat di Shah Alam ini sendiri, kita pergi daripada seksyen 16 sampai seksyen 27, kebanyakan pembangunan-pembangunan rumah yang didirikan di sana adalah untuk golongan yang pendapatan rendah. Adakah Kampung Tunku sedar akan maklumat perkara ini dan janganlah kita menyelewengkan maklumat-maklumat yang telah disumbangkan oleh PKNS ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya bersetuju kalau kenyataan daripada Sungai Burung, memang ada rumah-rumah yang dibina oleh PKNS dalam awal dalam masa-masa PKNS ditubuhkan tetapi kalau kita rujuk kembali dalam 10 tahun kebelakangan ini khususnya di bawah pimpinan Yang Berhormat Sungai Panjang berapa banyak rumah kos rendah yang dibina di kawasan-kawasan yang dikira sebagai '*point*' yang dikira sebagai penting untuk pembangunan dalam harus pembangunan perdana. Bukan kawasan-kawasan desa

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, boleh ...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat saya belum habis lagi. Yang Berhormat 75 peratus daripada projek ini diberikan kepada syarikat bukan Melayu baik secara langsung atau tidak langsung, ini juga merupakan satu hakikat telah membantut peluang syarikat-syarikat Melayu untuk berkembang maju, duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan syarikat-syarikat yang lain. Jadi ini adalah satu kelemahan di dalam PKNS yang perlu diperbetulkan. Dan ini adalah apa yang ingin saya sampaikan ya... Sungai Burung, maafkan saya tidak boleh memberi laluan terlalu

banyak topik ini sebab masa saya pun 10 minit saya akur dengan... Saya juga boleh mengalu-alukan kalau Sungai Burung boleh mengambil bahagian dalam perbahasan kita pada pagi ini.

Tuan Speaker,

Ini adalah berkenaan dengan PKNS sudah habis, saya juga ingin menyebut tentang Bandar Selamat dan konsep Bandar Selamat telah disebut-sebutkan dalam laporan ini dan saya juga mengambil peluang menyentuh sedikit sebanyak tentang CCTV dan walaupun kita tidak dapat mengelakkan diri kita daripada menggunakan peralatan ini untuk membanteras jenayah kita juga perlulah bijak, bijak, bijak, pandai-pandai dalam perancangan kita untuk memastikan pemasangan CCTV ini memberi manfaat yang paling optimum kepada masyarakat umum.

Kita telah baru-baru ini melihat dengan mata kita sendiri bagaimana satu rompakan yang begitu besar berlaku di Seksyen 26 yang melibatkan Bank CIMB di Shah Alam ini di mana perompak-perompak yang cerdik pandai ini merompak sebuah mesin deposit tunai bank dengan menyembur cat dan mengaburi imej CCTV. Dan ini adalah sebab salah satu contoh yang mana kita tidak boleh mengharap sangat terhadap CCTV ini bahawa ia boleh membanteras jenayah. Tetapi dalam perancangan, perancangan bandar perancangan pembangunan kita juga boleh menetapkan syarat-syarat kepada pemaju ataupun pemilik-pemilik kedai supaya pasang CCTV secara mandatori di tempat-tempat yang berisiko tinggi seperti di lorong kaki lima di bank dan juga kedai-kedai barangan emas. Buat sementara waktu bahawa saya difahamkan oleh ialah bank-bank dan kedai-kedai barang kemas ini mereka hanya memasang CCTV di dalam premis mereka sahaja dan mereka tidak memastikan tidak disyaratkan untuk memasang CCTV di kaki lima, lorong-lorong '*corridor*'. Dan ini menyebabkan kadang kala kalau ada pelanggan yang melangkah keluar dari bank atau kedai emas ini mereka dirompak dan perompak itu tidak dapat dikesan wajah rupa mereka. Jadi ini adalah satu syor oleh saya dan secara '*micro*' nya konsep Bandar Selamat ini perlu diterap ke dalam segala aspek Perancangan Bandar dan Desa di Selangor. Ia tidak harus dikaitkan dengan kadar jenayah yang rendah sahaja malahan ia konsep Bandar Selamat meliputi aspek yang lebih luas yang mana kemalangan jalan raya ianya mestilah rendah dan jalan raya kita ini mestilah selamat diguna oleh pengguna-pengguna jalan raya.

Tuan Speaker,

Saya juga ingin menyentuh tentang pembangunan pendidikan tinggi dan saya ingin bertanya sama ada kita telah menentukan satu wawasan untuk UNISEL untuk unjuran 20 tahun yang akan datang, adakah kita akan menjadikan Universiti ini sebuah Universiti '*Multy Disciplinary*' dengan izin, ataupun status nya kita kekalkan seperti sekarang iaitu sebuah Universiti Teknikal sahaja sebab sekarang ini saya nampak UNISEL ini hanya menawarkan beberapa kursus dalam 'bioteknologi', IT dan sebagainya dan ia bukan satu Universiti '*Multi Disciplinary*' dan kita juga ketahui bahawa jawatan Naib Canselor ini masih lagi kosong, saya ingin bertanya apakah kriteria-kriteria yang diterapkan untuk pemilihan Naib Canselor, sama ada kita juga bercadang membentuk '*search comunity*' dengan izin, untuk memilih calon Naib Canselor yang paling sesuai untuk UNISEL sebab dua (2) tahun yang lalu saya pernah mendengar tentang satu '*term*' bergelar '*search comunity*' ini yang dikenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, jadi saya juga ingin bertanya, adakah kita berhasrat untuk berbuat demikian? Cadangan saya ialah pemilihan calon Naib Canselor ini perlulah juga mempertimbangkan semua calon tanpa

mengira keturunan, kelas, bangsa, latar belakang dan sebagainya. Ianya mestilah dibuat berpandukan kelayakan dan kekuatan akademik yang ada pada seseorang profesor itu. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang alam sekitar konsep hutan dalam bandar iaitu ia juga disebutkan dalam bajet kita. Kita juga tahu bahawa PBT membelanjakan wang yang besar untuk tujuan penghijauan dan landskap setiap tahun di Selangor tetapi selalunya wang yang diperuntukkan untuk menanam pokok ini tidak digunakan dengan baik di mana saya lihat di kebanyakan PBT, pokok yang ditanam itu ialah pokok spesies sawit yang tidak dapat memberi kesan teduhan yang baik untuk penduduk-penduduk di kawasan bandar. Dan ini secara tidak langsung menjejaskan kualiti hidup di bandar-bandar Selangor ini. Dan saya meminta di sini supaya program penghutan bandar ini dapat di perembangkan dengan berkesan dan mencadangkan supaya Jabatan Perhutanan memulakan projek perintis Perhutanan bandar di PBT-PBT tertentu seperti di Shah Alam, Petaling Jaya sebagai langkah pertama untuk memajukan bidang ini di peringkat PBT dan seterusnya kalau kita berjaya, kita mewujudkan bandar-bandar yang hijau di Selangor menjelang tahun 2025. Kita menginginkan supaya Negeri Selangor ini bukan sebuah negeri yang penuh dengan bandar-bandar konkrit sahaja tetapi kita mestilah mengadakan satu bandar yang ada hutan, ada kehijauannya untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan di bandar di Selangor. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Rancang Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas dalam perancangan pembangunan kita. Dan masalah yang selalu dihadapi oleh penduduk dan perancang bandar pada masa sekarang di Selangor ialah pembangunan dijalankan tanpa mengikut rancangan yang telah ditetapkan. Sama ada kita ada rancangan kita tidak ikut atau pun kita tidak langsung tidak ada rancangan dan kita buat sesuka hati.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, satu minit lagi ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, *last pages* ya. Dan rakyat di Petaling Jaya amat prihatin terhadap rancangan tempatan mereka. Biarpun RTPJ 1 (Rancangan Tempatan Petaling Jaya) telah di wartakan tetapi RTPJ 2 sekarang ini masih belum kita ketahui keputusannya walau pun beberapa siri bantahan awam telah diumumkan. Dan RTPJ 2 ini sebenarnya meliputi kawasan yang lebih luas di seluruh Petaling Jaya dan saya minta supaya kita boleh mempercepatkan proses ini dan juga secara umumnya saya juga ingin mencadangkan supaya konsep-konsep seperti Dasar "*Green and Clean*" bersih dan hijau dan juga "*Transit-Oriented Development*" seperti yang telah disebutkan dalam laporan ini diperbesarkan, dikembangkan dan dilaksanakan di Selangor ini untuk mempertingkatkan kualiti hidup Negeri Selangor. Saya juga ingin menyentuh tentang peruntukkan tempat letak kereta untuk bangunan perumahan bertingkat di bawah garis panduan dan piawaian perumahan Negeri Selangor. Saya ingin menyatakan bahawa di bawah garis panduan sedia ada untuk perumahan bertingkat kos rendah tempat letak kereta yang dirancang sekarang ini adalah tidak mencukupi hanya satu unit satu TLK satu tempat letak kereta untuk satu unit tambahan 20% untuk pelawat dan apa yang hairankan ialah hanya 1 motosikal sahaja untuk 2 unit kediaman. Ini langsung tidak mencukupi. Saya tidak tahu lah sama ada ini dasar perumahan PKNS atau tidak. Saya berpendapat ini tidak mencukupi lah, langsung tidak cukup untuk penghuni rumah kos rendah dan saya rasa kita perlu menilai kembali peruntukan ini malahan untuk kondominium dan juga perumahan bertingkat kos sederhana dan tinggi dan kita juga perlu mengambil kira pertimbangan bahawa kebanyakan rumah yang dibeli ini mereka tidak diduduki oleh pemilik asal. Mereka ini menyewa rumah-rumah ini kepada orang luar dan selalunya 1 unit ini didiami oleh 3 sampai 4 orang penyewa yang masing-masing mempunyai kereta sendiri. Dan ini secara tidak langsung memeritkan masalah

kekurangan tempat letak kereta di kawasan-kawasan ini. Jadi, oleh itu saya juga mencadangkan supaya garis panduan ini dinilai kembali dan dipertingkatkan kuotanya supaya kita boleh mengurangkan kesesakan jalan yang disebabkan oleh letak kereta di luar pangsapuri kos rendah dan juga kondominium ini. Dan saya juga ingin menyentuh sedikit tentang

TUAN SPEAKER : Masa dah cukup.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Oh, ok..ok.. terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya ingin merakamkan rasa bersyukur dengan misi Negeri Selangor yang bukan sahaja meneruskan pembangunan fizikal tetapi juga dengan mengimbangi dengan nilai kerohanian. Hasil daripada jalinan hubungan yang menjadi asas sesuatu masyarakat iaitu hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan pencipta dan manusia dengan alam sekitar. Salah satu identiti unggul yang terdapat dalam ajaran Islam ialah kesyumulannya. Islam adalah agama yang syumul. Syumul berasal daripada perkataan daripada Arab yang bermaksud sempurna atau pun lengkap. Adalah tidak betul kalau kita membataskan ajaran Islam hanya kepada ibadah solat, sembahyang, berpuasa, membayar zakat dan menunaikan haji. Sesungguhnya perkara-perkara pokok mendasari sistem ekonomi, sistem pembelajaran, sistem politik dan seluruh sistem kehidupan manusia ini terdapat dalam ajaran suci Islam yang berlandaskan Al-Quran dan sunah Rasulullah s.a.w. Allah SWT sebut dalam Al-Quran Nur Karim “ **(bahasa Arab)** ” dengan izin *dan tidaklah kami alpakan satu perkara pokok pun yang menjadi asas kepada kehidupan manusia ini di dalam kitab Al-Quran.* Kalaulah Allah SWT mengutus nabinya hanya untuk tujuan solat, berpuasa dan menunaikan haji sahaja maka Rasulullah s.a.w. mampu menyempurnakannya dalam masa dua tahun sahaja. Namun hakikatnya sejarah menunjukkan kepada kita bahawa baginda dihidupkan 23 tahun selepas wahyu yang pertama yang diterima. Membuktikan kepada kita bahawa persoalan-persoalan pokok yang berkaitan dengan ekonomi, keadilan, politik, sosial dan pentadbiran negara telah ditangani dengan bijak oleh Baginda berpandukan kepada kitab Al-Quran Nur Karim. Di antara ayat yang terakhir yang diturunkan dalam Al-Quran ialah ayat ketiga dalam surah Al-Ma'idah yang berbunyi dengan izin “ **(bahasa Arab)** ” *Pada hari ini kata Allah aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan telah Ku cukupkan kepada kamu nikmatKu dan Ku telah redhai Islam itu menjadi agama bagimu.* Hari ini kita mendengar masyarakat dunia berbincang mengenai globalisasi, masyarakat kosmopolitan dan konflik perkauman universal namun untuk pengetahuan dewan yang mulia ini Al-Quran Nur Karim telah pun menyebut mengenai persoalan ini sejak dari 1400 tahun yang lampau. Allah berfirman di dalam Surah Al-Kohjrat ayat 13 “ **(bahasa Arab)** ” wahi manusia sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal, saling faham memahami, sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah itu maha mengetahui lagi maha mengenal. Jelas dari ayat ini, Islam tidak pernah mengajar umatnya untuk bermusuhan dan bersikap negatif kepada bangsa atau kepada penganut agama lain malah menyeru penganut-penganutnya bermesra, saling menghormati dan mengenali di antara satu sama lain. Musuh-musuh Islam dari barat dan timur, dari luar negara dan dalam negara telah melabelkan agama Islam dengan gambaran yang jauh terpesong dari gambarannya

yang sebenar. Mereka telah berusaha kuat dengan menggunakan apa saja kekuatan yang ada pada mereka sama ada dari sudut kedudukan politik mereka, pengaruh mereka, media cetak perdana milik mereka, media elektronik mereka dan hatta kekuatan penguat kuasa-penguat kuasa dan tentera mereka untuk menyekat mesej dan tasawuf sebenar Islam di sampaikan kepada seluruh lapisan masyarakat. Umat Islam telah dilabelkan sebagai umat yang ganas tidak berperikemanusiaan, ekstrem, terrorist dengan izin anti pembangunan, kolot, anti kemajuan dan tidak bertolak ansur. Dengan gambaran yang terpesong inilah yang menyebabkan perjuangan Islam tidak disenangi malah digeruni dan ditentangi oleh banyak pihak termasuk yang sedihnya oleh orang-orang Islam itu sendiri. Orang-orang Islam sendirilah yang melarang keras para-para Ustaz yang berkelulusan dari universiti-universiti tempatan dan luar negara yang bertaraf dunia untuk menyampaikan Islam yang Syumul apa yang lengkap itu kepada masyarakat. Mengheret mereka ke mahkamah tanpa asas yang kukuh dan munasabah seperti mana yang berlaku kepada Gombak Setia. Dan yang lebih malang perkara itu berlaku dalam masjid-masjid sendiri. Adakah mereka tidak takut dengan ancaman Allah, apabila Allah menyebut “ (**bahasa Arab**) ” dan siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang menghalangi-menghalangi menyebut nama Allah dalam masjid-masjidnya dan berusaha untuk menghapuskan kemakmuran di dalam masjid-masjid tersebut. Penceramah-penceramah ini untuk pengetahuan dewan yang mulia ditahan hanya kerana tidak mempunyai tauliah sedangkan mereka adalah graduan-graduan yang mempunyai sijil-sijil dalam bidang-bidang dakwah, syariah, usuluddin, ilmu Quran dan hadis dari universiti-universiti yang diiktiraf dunia seperti Universiti Al-Azhar di Mesir, Universiti di Jordan, Universiti Dimas di Syria, Universiti Ummulqura di Saudi Arabia dan lain-lain. Mereka cuma ingin menyampaikan amanah yang telah divedok, digali dan ditekuni bertahun lamanya untuk menyampaikan gambaran Islam yang syumul kepada masyarakat di segenap lapisan. Sebab itulah sebelum ini perjuangan PAS tidak pernah mendapat tempat di hati majoriti orang-orang Islam sendiri. Apatah lagi di kalangan orang-orang Cina dan India di negara ini tetapi tsunami politik yang berlaku di bulan Mac tahun ini ada satu petanda bahawa segala usaha untuk menjauhkan dan menakut-nakutkan pengundi kepada perjuangan Islam yang syumul dan dibawa oleh PAS melalui TV, radio, media massa dan sebagainya ternyata gagal sama sekali apabila rakyat berbilang kaum di negara ini bangun dan menunjukkan anjakan paradigma hingga jatuhnya lima negeri kepada Pakatan Rakyat. Allah mengingatkan kita dalam surah Al-Imran “ (**bahasa Arab**) . ” dan mereka membuat perancangan dan Allah juga membalas perancangan mereka itu. Dan Allah adalah sebaik-baik pembalas perancangan mereka. Islam adalah agama yang menyeru dan memandang tinggi kepada golongan yang berilmu malah menggalakkan umatnya rajin membaca. Ini yang disebut oleh Y.A.B. Tan Sri Khalid, Menteri Besar bahawa orang Melayu ini kurang membaca sebenarnya Islam menyuruh kita membaca malah ayat yang pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang memang tidak tahu menulis dan membaca ialah Iqra (**bahasa Arab**) bacalah dengan menyebut nama Tuhan mu yang mencipta

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, macam ceramah agama je.

Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Ia, memang nak sampaikan ni. Dan surah Al-Zuhman, Allah sebut “ (**bahasa Arab**) ” katakanlah adakah sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu. Sesungguhnya hanya orang yang berakallah dapat menerima pelajaran. Tidak benar kalau dikatakan bahawa kita ikut Islam negara menjadi mundur. Negara menjadi anti pembangunan tidak adil dan miskin. Tuan-tuan saya pernah pergi ke negara Republik Islamik Iran, bukanlah nak kata saya ni orang

Syiah bukan, tetapi kita tengok sendiri di sana macam mana di sana pembangunan yang cukup hebat. Ada pondok-pondok polis dan di anggotai oleh wanita sahaja khas untuk *Criminal* daripada golongan wanita. Dua orang mayor ataupun Datuk Bandar yang terdiri daripada orang wanita. Kemudian kita tengok bagaimana Yahudi-yahudi di sana, saya pergi melawat *Yahudi-yahudi* di sana, mereka ada *signal boards* yang cukup cantik dan mereka bebas untuk menjalankan apa saja aktiviti agama mereka. Dan kita tengok *bullet train* dengan izin, *underground tube* yang cukup sama saja di Yokohama. Kemudian yang kita tahu sekarang ini, Iran pun telah membina *nuclear power* tuan-tuan, satu benda yang menggerunkan Amerika Syarikat sendiri. Saya nak beritahu kepada sidang yang mulia ini bahawa berdasarkan perkara-perkara begini kita tengok bahawa apa saja polisi yang kita sebut di dewan yang mulia ini yang pentingnya orang-orang yang di bawah *grass root* ini, rakyat ini mereka nak tengok *result*, mereka nak tengok *result* siapa, atau pun utusan, mereka nak tengok apa yang kita lakukan. Jadi kita tengok macam di Selangor ni naik sampai 45% daripada tahun 2004 hingga 2009. Kes-kes rogol di masa yang sama juga naik 112% sepatutnya kita, seperti mana yang kita tahu pusat-pusat urut atau pun rumah-rumah urut dan juga pub-pub *house* yang sepatutnya sama ada di hapuskan ataupun dikurangkan. Ini yang disebut dalam Al-Quran “(**bahasa Arab**) ” *prevention is better than cure*. Jepun pernah beritahu kita bahawa “*dont repeat our mistakes*” jangan ulangi apa yang telah kami buat. Kami telah mengejar pembangunan sehingga lupa nilai-nilai kemanusiaan. Institusi kekeluargaan yang runtuh di Jepun majoriti yang menjunam dan “*free sex alcoholic*” masalah sosial yang melambak adalah hasil daripada benda-benda begini. Jadi saya berharap biarlah mesej Islam yang sebenar itu dapat di fahami oleh semua golongan. Setakat itu, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Terima kasih. Kota Damansara ingin menyertai *debate* tentang Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025. Ucapkan syabas kerana hala tuju ini *detail* amat *detail* dan membabitkan banyak-banyak sektor dan beberapa perkara yang harus kita lalui dan harus kita bertindak. Saya berharap teguran yang akan saya buat dapat membantu dan juga pohon di ambil kira. Dan kalau kita lihat dalam buku ini berkenaan dengan guna tanah pada muka 15 kita dapat lihat bahawa dari segi guna tanah peruntukkan untuk tanah tepu bina dari segi industri perumahan itu lebih tinggi dibandingkan dari segi pertanian. Mungkin kita boleh mengatakan pertanian dengan “*high technology*” dengan izin walaupun tanahnya sedikit tapi masih boleh produktif. Yang kami risaukan adalah imbalan antara industri dengan pertanian kerana juga telah saya sebutkan dahulu kita lebih daripada eksport *oriented* dan maka itu juga apabila berlaku krisis ekonomi kita bermasalah. Dan juga saya percaya bahawa kalau kita melibatkan sangat eksport *oriented* kita tidak memikirkan dari segi tempatan khususnya dari segi cuba berdikari maka kita akan timbul masalah dari segi *power tan* yang sengaja diwujudkan supaya kita sentiasa mengikut rentak negara-negara yang maju. Kita juga dapat lihat bahawa sering kita tidak dibincangkan apabila kita merangkakan program-program bahawa kita ini adalah dalam alam sistem kapitalis yang juga pada peringkat awalnya berkaitan dengan pedagang bebas dah sampai ke peringkat monopoli pada tiap-tiap aspek itu pekerja menjadi sasaran dan tidak ada juga analisis yang memberi gambaran bahawa kita ini secara tidak langsung dan langsung tertakluk kepada cengkaman ekonomi di peringkat antarabangsa dan kita juga, hubungan kita juga terlibat ke arah itu. Maka itu juga kita mengharapkan satu imbalan dan juga dari segi saististik yang ada pada 2020 rakyat kita, rakyat Selangor 7.3 juta bagaimana nak menampung keperluan kerana keadaan

berubah ekonomi berubah dan kita berharap apa yang ada itu dapat membantu kita untuk maju ke hadapan. Dan juga kita dapat lihat tenaga buruh juga akan meningkat daripada 2,766.5% kepada 70.7% 2020. Bermakna juga kita dapat lihat apabila kita membincangkan “*supply demand*” dengan izin, ia bukan hanya melibatkan barangan ia melibatkan juga tenaga pekerja. Bermakna tenaga pekerja juga di masuk saham, apa ni saham lah bermakna juga tertakluk kepada “*supply demand*”. Ini juga menyediakan, pernah juga pemimpin-pemimpin pergi ke luar negara menceritakan datang ke Malaysia kerana pekerja boleh ditakluki, persatuan lemah maknanya boleh tinas supaya keuntungan melimpah ruah. Maka itu juga kita dapat lihat bahawa isu kemiskinan memang belum dapat diselesaikan. Berpuluh-puluh tahun kerana kalau kita kaji kemiskinan itu dalam sistem ini amat diperoleh, kerana golongan miskin lah dapat diperah dengan tenaga yang lebihlah akan dijadikan keuntungan. Maka itu juga kita bangga bahawa kerajaan Negeri Selangor sanggup mengkaji semula dari segi garis kemiskinan ke 30% dan sekarang kita nak tahu bagaimana kita nak mengatasi mengurangkan kemiskinan ini. Tuan Speaker, kita juga dapat lihat bahawa program-program kita ini berkaitan dengan produktiviti. Produktiviti juga saya telah sebutkan berkenaan hubungan antara kemiskinan dengan kesihatan pemakanan dan juga produktiviti dan berbalik kepada kemiskinan kerana hubungan itu amat rapat hingga menimbulkan masalah kepada golongan pekerja yang menjadi lemah hingga boleh buang kerja. Yang penting juga kita dapat lihat bahawa gaji pekerja kerap kali tidak seimbang, tidak selaras, tidak setimpal dengan produktiviti mereka. Maka itulah kita bermasalah dengan undang-undang, buruh bermasalah dengan majikan, bermasalah dengan kerajaan juga yang kerap kali memihak kepada majikan. Data-data yang dalam ini juga telah menunjukkan tabung isi rumah mengikut pendapatan juga menunjukkan bahawa dari segi peratus dan juga pendapatan memang senget maka itu juga kalau dah kita pernah dengar mengatakan yang kaya menjadi lebih kaya yang miskin papa kedana memang benar dan gini *confusion* pun telah menunjukkan begitu. Maknanya isu ini harus ditangani dengan aspek ketegasan politik sama ada pucuk pimpinan ada ketegasan politik untuk mempertingkatkan masalah yang akan timbul secara timbul dalam masyarakat kita ini. Ketegasan politik ini memang diharapkan pada pucuk pimpinan kerana kerap kali melawan arus mempertikaikan penindasan dan perlu kita perlu memberi sokongan kepada kerajaan negeri ya, cuba melakukan sesuatu untuk menguntungkan rakyat Selangor secara keseluruhan tidak kira kaum, jantina dan darjat. Saya menghormati Yang Amat Berhormat sebagai seorang tokoh korporat yang cuba, yang berpengalaman cuba memahami pentadbiran cuba menggerakkan khususnya GLC dan isu juga telah timbul isu PKNS di mana sekarang ini ialah masyarakat kita ini isu kaum, isu agama memang senang nak tangkap kerana cuba dengan cara itu cuba memecahbelahkan mengelirukan. Saya memang berharap sangat bahawa kita memikirkan rakyat jangan kita main-mainkan agama dan kaum untuk kepentingan diri ataupun parti. Maka itu juga selepas isu Puan Low dipilih dan timbul lah dalam akhbar-akhbar tapi kita baca, Puan Low sudah 35 tahun berkhidmat di PKNS iaitu selama 11 tahun berjawatan Timbalan Pengurus Korporat dan Akaun dan juga dilantik beliau memangku jawatan Pengurus Besar sementara. Pada kami, pada saya yang penting itu siapa saja yang boleh menguntungkan kerajaan negeri yang boleh menguntungkan rakyat kita nak sokong kerana inilah rakyat kita yang mereka berkemampuan untuk melakukannya. So, saya memang berharap sangat sebagai seorang sosialis memang kita tidak pilih kaum, agama kalau sanggup kita ingin bersama dan bersamalah kita majukan. Jangan kita terperangkap dengan isu kaum dan agama hingga kita pun terheret sampai bila-bila kita tidak akan selesai masalah isu kaum dan agama. Saya berharap kita fikirkan secara mendalam kalau kita nak mengubah kerajaan dan mengubah haluan pembangunan. Tuan Speaker, yang penting di sini juga nak saya

sebutkan adalah berkenaan penyertaan rakyat dalam pembangunan termasuklah dari segi kepimpinan, kesinambungan kerana pengalaman saya telah memberikan gambaran bahawa walaupun pada peringkat awal rakyat tak nampak boleh diperkasakan apabila mereka bersama dalam perjuangan tentang hak asasi mereka, mereka lebih berani, lebih kuat dan itu yang kita hendak pada rakyat kerana mereka yang menentukan siapa pemimpin yang mereka hendak dan tidak ada orang lain yang boleh putar belitkan keadaan mereka. Dan juga kita harus mendengar selepas pilihan raya, mereka telah memberitahu bahawa mereka inginkan perubahan dan perubahan itu juga patut kita ambil kira bahawa isu kaum dan agama itu patut kita imbangkan. Jangan kita terpengaruh kerana mengejar kedudukan seterusnya dan nak saya juga telah jadi mangsa juga dalam perkara ini. So, pengalaman saya apabila kita bersama dengan rakyat mendengar keluhan mereka, mengatur semula keluhan mereka kerana mereka berpengalaman hanya cara mereka memarah itu berterabur hanya kita aturkan balik pengalaman mereka dan apabila mereka sudah faham siapa musuh siapa kawan, mereka tahu meletakkan keutamaan. Dan pengalaman saya dah dekat 30 tahun selepas berjuang bersama, mereka tidak takut lagi kena tahan pun sanggup kerana mereka mempertahankan kampung halaman, mempertahankan rakyat biasa bukan hanya diri sendiri maka itu juga saya memang amat memberatkan dari segi memperkasakan rakyat kerana ini mementingkan seluruh negeri dan negara. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak menyentuh sedikit tentang Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor dari aspek tenaga boleh diperbaharui atau "*renewable energy*" kerana saya melihat ini sesuai dengan teras menjana sumber pertumbuhan baru dan juga menguruskan pembangunan alam sekitar yang mampan yang disebut oleh Yang Berhormat EXCO kita. Saya merasakan kalau kita rujuk kepada ucapan bajet Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar beliau ada menyebut tentang hak tenaga solar dengan pelaburan 5 bilion oleh syarikat pembuat sel tenaga solar terbesar Q-sel dan ia patut diperkembangkan dalam bentuk hak tenaga solar, tetapi saya melihat ia lebih jauh lagi di mana kita jangan fokus kepada tenaga solar semata-mata tetapi kita lihat kepada tenaga yang boleh diperbaharui secara tuntasnya. Alhamdulillah kita di anugerahkan Allah SWT dengan negara yang kaya dengan khazanah hasil masyhur termasuk minyak petroleum yang begitu banyak. Malah dalam dekad yang terakhir ini penyumbang terbesar pertumbuhan ekonomi dan pendapatan kerajaan ialah hasil petroleum negara. Namun hasil masyhur ini tidak akan bertahan sampai bila-bila bahkan Petronas menjangkakan hasil petroleum negara akan habis kurang daripada 20 tahun lagi. Maka sekiranya kita tidak mengubah dasar kita yang mana kita tidak melaburkan pemberian Allah SWT ini untuk faedah jangka masa panjang negara kita akan menjadi seperti banyak negara pengeluar petroleum yang lain, yang mana hasil lumayan tersebut menyebabkan kerajaan leka dan tidak membangunkan ekonomi secara tidak produktif. Inilah yang dipanggil "*resources*" dengan izin yang mana khazanah semula jadi bertukar menjadi satu sumpahan. Sekarang pun kita lihat banyak hasil Petronas digunakan untuk projek-projek mewah kerana campur tangan politik kerajaan UMNO Barisan Nasional. Kalau kita bandingkan dengan Norway yang mempunyai hasil minyak di *North Sea*, kumpulan wang amanah petroleum mereka melebihi 1 Trion ringgit untuk pembangunan anak cucu mereka. Penulis buku "*Hot Flag and Crauded Thomas Fithman*" menggariskan revolusi tenaga hijau atau boleh diperbaharui ini sebagai *trend* utama untuk menjana pertumbuhan ekonomi pada abad

ke-21. Justeru sekiranya Selangor menjadi perintis untuk memperkembangkan industri “renewable energy” ini di negara kita, maka kita akan menjadi satu perintis kepada industri terpenting abad ke-21 ini. Ini akan memberikan kita “first movement advantage” dengan izin, dengan industri yang mempunyai potensi besar untuk berkembang pesat. Malah mengatasi Singapura yang juga sedang melihat dalam sektor ini. “Global situation port” tahun 2006 mendapati 18% daripada bekalan tenaga dunia di dapati daripada tenaga boleh diperbaharui, 3% daripadanya daripada tenaga hidro, sementara tenaga solar, *utemer*, angin dan lautan secara keseluruhan hanya menyumbang 0.8%. Jadi sekarang saya rasa kita boleh lihat suatu potensi yang cukup luas untuk tenaga diperbaharui ini berkembang dalam abad ke-21. Walau pun tekanan untuk tenaga “renewable energy” mungkin lentur sedikit apabila harga se tong minyak mentah turun daripada 150 dolar US se tong kepada 80 dolar US sekarang tapi kita seharusnya melihat keperluan jangka panjang untuk melabur dalam sektor ini sebagaimana yang telah dikatakan tadi, memandangkan petroleum tidak akan berkekalan sampai bila-bila. Dan juga kesan pemanasan global yang semakin serius hari ini khususnya bagi Negeri Selangor sebagai sebuah Negeri Maju. Masa harga petroleum 22 dolar se tong tidak lagi akan tiba dan kita juga lihat Kerajaan Persekutuan menerusi bajet 2009 ada memberi pengecualian duti import dan jualan peralatan foto *voltek* yang terlibat dalam industri tenaga solar. Walau pun ini langkah yang baik tetapi kita memerlukan keazaman politik yang lebih tegas bagi memastikan pembaharuan ini menjadi realiti yang berkekalan dan saya berharap pentadbiran Selangor dapat menunjukkan contoh yang baik dengan memimpin perubahan ini. Kalau kita lihat kembali dalam ayat Al-Quran pun disebut bagaimana Allah SWT menegaskan kepentingan menjaga alam sekitar surah Al-Rom ayat ke-41 maksudnya telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia. Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang telah mereka lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat. Di samping itu pelaburan di dalam tenaga boleh diperbaharui juga akan membuka ruang penjimatan kos yang akan membantu rakyat terbanyak. Saya merasakan kita boleh libatkan UNISEL sebagai sebuah institusi kerajaan negeri untuk terlibat dalam kaji selidik tenaga boleh diperbaharui ini dengan mendapatkan pakar-pakar terbaik bagi memperkembangkan seluruh sektor ini. Saya yakin sekiranya kerajaan negeri bekerjasama dengan kerajaan persekutuan menerusi Suruhanjaya Tenaga dan Pusat Tenaga Malaysia merangka dasar menjadikan Selangor sebagai hak tenaga boleh diperbaharui dengan *First Mover Advantage* dengan izin maka kita akan mendapat ekonomi skala, atau *economy source skill* bagi teknologi ini berkembang pesat. Kita dapat melihat contoh, ya bagaimana perkara ini bukan hanya dilakukan oleh kerajaan negeri-negeri maju malah kerajaan West Bengal di India, Kerajaan Negeri mereka telah membentuk *West Bengal Renewbal Energy Development Agency* yang mengkaji secara menyeluruh tentang sektor tenaga boleh diperbaharui dan saya yakin ini seiring dengan matlamat kerajaan menjadikan Selangor negeri idaman, maju dan sejahtera dengan kehidupan rakyat yang bestari atau *sustainable* di masa hadapan dengan izin. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA : Terima Kasih. Terima Kasih kepada Tuan Speaker yang telah mengizinkan saya untuk membahaskan hala tuju perancangan pembangunan Selangor 2025. Negeri Selangor seperti apa yang kita ketahui adalah sebuah negeri di dalam Malaysia yang telah ter ke hadapan berbanding dengan negeri-negeri yang lain dengan panggilan Selangor Negeri Maju. Tetapi panggilan ini

janganlah mengelirukan kita kerana tidak seharusnya sebuah negeri maju itu telah sudah sempurna dan tiada masalah. Dan apa yang kita lihat, kemajuan yang sudah ada dan sedang di kecapai ada bersamanya permasalahan-permasalahan dan cabaran-cabaran. Kemajuan dari segi pembangunan fizikal memang dapat dilihat begitu pantas tetapi apa yang mengecewakan atau yang menyedihkan adalah rakyat negeri Selangor ini sudah ketinggalan dari segi pembangunan insan. Bandar-bandar yang kita lihat mempunyai infrastruktur yang termoden dan terkini dan tidak dapat dinikmati sepenuhnya oleh seluruh penduduk negeri Selangor kerana mereka tidak tahu menggunakannya. Tidak hairanlah kalau kita lihat pangsapuri-pangsapuri yang kelihatan rupa seperti hotel-hotel yang mewah menggantikan rumah-rumah setinggan masih dihantui permasalahan seperti kebersihan, pencemaran alam, persefahaman antara jiran tetangga dan juga keceriaan kawasan tersebut. Pembangunan yang dibuat tidak dirancang dengan baik dan menyeluruh sehingga mengabaikan aspek kemanusiaan yang sebenarnya adalah elemen yang tersangat penting dalam apa jua pembangunan yang dilakukan. Saya berharap dengan usul Dasar Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 ini tidak akan mengabaikan lagi aspek kemanusiaan ini. Dengan mengenal pasti cabaran-cabaran seperti isu berkaitan sosial dan kemanusiaan, penggunaan tanah, kawasan sensitif alam sekitar, perbandaran, perumahan, tanah perkuburan, tanah lapang dan juga kemudahan bagi masyarakat dan saya tak tahu lah Taman Medan nak rasa lega ataupun cemas kerana isu-isu dan cabaran-cabaran negeri Selangor yang terkandung dalam pelan perancangan hala tuju 2025 ini ada 13 cabaran, dan daripada 13 itulah 8 semuanya ada di dalam Taman Medan. Jadi saya kira ini adalah 1 perkara yang Kerajaan Negeri ataupun Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 ni, perlu mengambil berat dan menitik berat kawasan-kawasan seperti Taman Medan yang diselubungi dengan berbagai permasalahan, jadi satu perancangan yang holistik yang diceritakan di dalam pelan perancangan ini amat dialukan kerana dia melihat keseluruhan pembangunan itu dari berbagai perspektif. Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan Perbandaran, melihatkan kepada pertambahan penduduk Semenanjung Malaysia yang akan bertambah ya dari tahun 2000 berjumlah 19.57 juta kepada tahun 2020 meningkat kepada 26.8 juta, penduduk Selangor juga tidak terkecuali ya, jumlah yang akan meningkat daripada 7.3 juta pada tahun 2020 merangkumi 27 peratus yang akan tinggal di bandar-bandar. Dan kita lihat sebenarnya tumpuan penduduk ke bandar-bandar ini adalah untuk merebut peluang pekerjaan dan juga kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan kita tahu perbandaran ini ataupun *Urbanization* dengan izin memberi banyak kesan-kesan positif dan tidak juga terkecuali kesan negatifnya. Kesan positifnya kita dapat kenal pasti adalah peningkatan daripada segi kemudahan awam, pendidikan, pendapatan hidup dan juga gaya hidup. Namun kesan negatif perbandaran adalah terhadap keselamatan dan juga sosial yang sangat ketara di kawasan-kawasan bandar. Jadi status indeks jenayah di Negeri Selangor bagi tempoh Januari hingga April 2004-2005 telah merekodkan jenayah keganasan bukan jenayah biasa-biasa sahaja ya. Tetapi ini jenayah keganasan yang melibatkan nyawa dan juga kecederaan serius. Sebanyak 2294 kes, manakala jenayah harta benda mencatatkan peningkatan kepada 11809 kes, maka dengan peningkatan kadar jenayah di kawasan-kawasan bandar ni adalah amat penting bagi perancangan hala tuju 2025 ini mengenal pasti apakah punca peningkatan kadar jenayah tersebut dan bagaimanakah cara penyelesaian yang paling baik. Sebab kita mendengar cadangan dan saranan CCTV dan sebagainya tetapi kajian juga menunjukkan dengan pemasangan CCTV tidak dapat menyelesaikan permasalahan jenayah ini. Jadi saya memohon, kepada Yang Berhormat supaya melihat kepada perkara ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang kemudahan awam khususnya kemudahan rekreasi dan kawasan hijau. Setelah banyak kawasan-kawasan di bandar diteroka, maka berlaku tepu tanah di mana jumlah tapak yang masih ada untuk pembangunan sudah menjadi berkurangan, jadi pembangunan sesudah tepu ini perlulah diambil kira kerana kalau saya bercerita tentang kawasan-kawasan Taman Medan sendiri apa yang kita dapat lihat adalah pembinaan perumahan di kawasan perumahan dan juga kawasan awam yang nampaknya tidak terancang. Jadi dalam kepesatan membangunkan bandar-bandar, saya kira Taman Medan agak ketinggalan ya daripada arus pembangunan ini. Walaupun duduk letaknya di Petaling Jaya sebuah bandar satelit. Jadi kawasan Taman Medan sendiri menghadapi masalah ini oleh kerana keuntungan menjadi faktor penentu banyak pangsapuri-pangsapuri yang berbelas-belas tingkat duduk bersebelahan ya berbuah-buah ya dan kita lihat kependudukan di kawasan ini adalah sangat tinggi. Namun dengan bilangan penduduk yang begitu ramai kemudahan asas seperti keperluan kepada kemudahan rekreasi dan juga kawasan hijau tidak disediakan, malah ada tapak-tapak yang telah diperuntukkan untuk kegunaan tersebut telah ditukar statusnya kepada membina bangunan-bangunan pangsapuri yang lain. Jadi saya mendesak agar kerajaan negeri Selangor yang prihatin mencari jalan penyelesaian dan saya ingin mencadangkan satu lagi tapak yang agak besar ya yang keluasanya dalam 18 ekar yang masih ada di Taman Medan iaitu sebuah lombong yang telah ditinggalkan, lombong Sri PJS 3 Sri Manja yang kini sedang dirawat, saya tak tahu lah apa yang dirawat, tetapi sehingga hari ini gas beracun hidrogen sulfida, masih dikeluarkan yang saya dapat tahu hanya air yang telah dilarutkan gas tersebut dirawat, jadi punca kepada masalahnya tidak ditangani. Jadi saya harap ya, kalau sekiranya tiada tindakan yang serius untuk menghentikan pengeluaran gas beracun ini dilakukan maka kerajaan negeri mengambil alih rawatan ataupun merawat semula lombong tersebut dan tukarkan ia kepada kawasan rekreasi dan kawasan hijau bagi kawasan di sekitarnya. Dan saya mengimpikan ya, membayangkan daripada tahun 2010 hingga 2025 dapatlah rakyat Taman Medan menghirup udara yang bersih yang tak beracun dan juga dapat bersiar-siar di kawasan rekreasi yang baru ini iaitu di sebuah tapak bekas lombong. Saya juga ingin menyentuh tentang penekanan kepada memantapkan institusi kekeluargaan. Sebab kita akhir-akhir ini kita dapati banyak berita-berita ataupun permasalahan sosial seperti sumbang muhrim, *delinquency* di kalangan remaja, keruntuhan akhlak dan kadar perceraian yang sangat tinggi di negeri Selangor berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Jadi saya ingin menyarankan kepada kerajaan negeri supaya lebih banyak ya kursus-kursus keibubapaan diberikan kepada ibu-bapa-ibu-bapa supaya mereka dapat tangani permasalahan dan juga cabaran-cabaran di zaman ini. Dan saya juga membayangkan ya dengan kukuhnya institusi-institusi kekeluargaan ini, maka unit-unit ini akan membentuk sebuah masyarakat yang lebih mantap dengan ya, kita lihat salah satu teras yang ditekankan dalam perancangan hala tuju 2025 ini, menguruskan negeri maju berteraskan nilai murni, nilai sejagat dan keunggulan budaya tradisi. Jadi, kita tidak lagilah menghadapi ibu-bapa yang sudah lanjut usianya ditinggalkan bersendirian untuk menghabiskan sisa-sisa hidup mereka tanpa dipedulikan oleh anak-anak mereka. Jadi, saya berharap selepas ini, tumpuan akan diberikan khusus kepada kawasan-kawasan yang amat memerlukan bantuan daripada pembangunan kerajaan negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada Speaker yang telah memberikan ruang untuk saya berbahas dalam

dasar ataupun usul hala tuju perancangan pembangunan negeri Selangor tahun 2025. Tuan Speaker, ahli kerajaan dan ahli dewan yang saya kasihi sekalian. Pertamanya apabila melihat satu perancangan jangka panjang kita harus sedar ada beberapa perkara yang harus diteliti kepada pembuat dasar tersebut, dasar jangka panjang dipanggil 10 tahun ataupun 5 tahun sebelum ini jangka sederhana dan jangka pendek ini merupakan satu tradisi yang bermula di negara Eropah kalau boleh disebut sebagai Rusia ataupun *Survenian* selepas mereka mengalami masalah ekonomi. Namun begitu sebagai sebuah masyarakat yang majmuk dan sebagai sebuah masyarakat yang terdiri daripada perbagai bentuk ruang yang tidak boleh menyeragamkan manusia kita harus sedar bahawa dasar jangka panjang ini harus diikuti dengan dasar-dasar jangka pendek. Kalau kita lihat, pengalaman Malaysia kita mengeluarkan dasar jangka panjang negara, Rancangan Malaysia Ke-2, Rancangan Malaysia ke-3 sampai Rancangan Malaysia Ke-9, kita lihat ada beberapa sasaran yang tersasar. Sebagai contoh dasar ekonomi baru yang mensasarkan 30% pemilikan ekuiti orang Melayu hanya mensasarkan sekitar 18% selepas melebihi daripada tahun 1950 yang telah disasarkan melalui Dasar Ekonomi Baru tersebut. Justeru saya menyeru kepada pihak pembuat dasar ini ataupun kepada kerajaan negeri agar dasar jangka panjang ini harus diikuti pelan-pelan jangka pendek 3 tahun atau 5 tahun begitu untuk memastikan perancangan-perancangan yang diaturkan 5 dasar, 7 dasar ataupun 7 teras yang disebutkan oleh EXCO yang berkenaan ini menepati dan mencapai kepada sasaran yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, kita lihat kepada pertumbuhan penduduk yang kita lihat mendadak naik khususnya di Negeri Selangor. Pada tahun 1991 dalam pembentangan dalam buku yang telah diedarkan ini kita lihat penduduk di sekitar negeri Selangor sekitar 2.41 juta selepas itu pada tahun 2010 satu pertumbuhan yang cukup hebat 4 juta lebih penduduk telah dikenal atau dikesan pasti di negeri Selangor. Dan sekarang dalam tempoh 8 tahun kita telah mempunyai penduduk sekitar 5.1 juta malahan dalam rancangan jangka panjang ini kalau dilihat kepada unjuran yang telah dibukakan bahawa penduduk yang akan hadir ataupun yang akan wujud di negeri Selangor ini adalah sekitar 7.3 juta pada tahun 2020. Kalau lihat kepada perkembangan-perkembangan daripada 2.4 juta kepada 4 juta lebih kemudian masuk pada 5 juta dan unjuran 7.3 juta itu harus dinilai semula apakah mungkin dengan kemakmuran ekonomi di negeri Selangor dengan pertumbuhan dan peluang politik dan ekonomi yang lebih luas dan peluang sosial yang akan dibuka dengan dasar kerajaan terbuka kerajaan negeri ini akan menarik orang-orang luar daripada negeri Selangor akan hadir termasuk pekerja-pekerja asing yang mungkin kita nilaikan. Dengan pertambahan penduduk seperti ini, segala perancangan yang telah disusun Rancangan Perumahan baik, Perancangan rumah ibadat, masjid, kuil dan sebagainya itu sudah pasti memerlukan satu pertambahan yang kadangkala boleh menyebabkan kita terlari dan terkeluar daripada sasaran yang telah dibentangkan ataupun sasaran yang telah diberikan. Justeru saya menyeru kepada pihak EXCO dan kerajaan negeri, pentadbir eksekutif kerajaan negeri supaya mempunyai pelan jangka pendek untuk mencapai 17 tahun daripada tempoh 2008 sehingga 2025 ini melihat dari tahun ke tahun melihat selepas 3 tahun dan melihat selepas 5 tahun untuk memastikan kita tidak terkeluar daripada landasan yang telah ditetapkan ataupun yang telah disasarkan.

Tuan Speaker, Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Kita mensasarkan satu pembangunan yang holistik, Meru menyebutkan sebagai pembangunan yang syumul dengan syarah yang agak panjang terutama dalam berkaitan dalam usul ataupun dalam, dalam konteks pembangunan Islam. Dan sudah pasti saya menyokong cadangan ini, satu pembangunan yang holistik yang merangkumi

pembangunan fizikal dan pembangunan mental dan juga pembangunan rohaniah dan juga pembangunan intelektual. Justeru saya melihat beberapa aspek harus ditekankan dalam konteks pembangunan sosial. Semalam kita menyebutkan ataupun Batu Caves telah menyebutkan tentang kepentingan untuk mewujudkan budaya ataupun sebuah perkembangan dan pusat kebudayaan di Negeri Selangor. Justeru saya melihat kepada kertas yang telah dibentangkan. Wujudnya usaha untuk mewujudkan Selangor sebagai sebuah kawasan multi fokus maknanya pembangunan fizikal, pembangunan industri dan pembangunan kawasan-kawasan tertentu itu tidak tertumpu di satu kawasan sahaja yang disebut Shah Alam, Petaling Jaya dan kawasan Subang Jaya yang cukup padat dan sendat dengan penduduk dan akhirnya boleh menyebabkan masalah-masalah sosial yang lain. Justeru fokus ini juga harus dikembangkan daripada unsur kebudayaan ataupun unsur sosial. Pembangunan sukan sebagai contoh, pembangunan pusat kebudayaan sebagai contoh, pembangunan pusat-pusat Hub Pendidikan sebagaimana yang dicita-citakan oleh Bangi. Bangi ada, tidur ke apa ? (Dewan Gelak)

Tuan Speaker, Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Sebab itu usaha ini harus difokuskan terhadap sumber-sumber yang sedia ada. Bangi menyebut adanya Kolej Darul Hikmah, Universiti Kebangsaan Malaysia, KUIM yang dulu dituk....KUIS dan sebagainya ini harus dilindungi oleh satu suasana yang baru dan suasana yang saya cadangkan ini kepada EXCO terlibat, EXCO Pendidikan supaya meletakkan suntikan-suntikan yang agak berbeda daripada universiti-universiti tempatan. Kita lihat hasil daripada universiti-universiti tempatan menghasilkan sebahagian besarnya daripada mereka adalah mereka-mereka yang hanya bersedia untuk bekerja tapi tidak bersedia untuk mencari dan mencipta ruang pekerjaan. Bermakna ada masalah pemikiran kreatif, ada masalah pemikiran yang ada menyerapi di kalangan mahasiswa-mahasiswi dan sudah pasti kepada mahasiswa-mahasiswi tempatan ia melibatkan kepada akta universiti dan kolej universiti. Walaupun UNISEL, KUIS, INSPEN dan sebagainya nanti apabila terlibat sebagai sebuah universiti yang masih lagi tertakluk di bawah universiti ataupun kementerian pengajian tinggi, kita tidak seharusnya duduk diam dan menyalahkan begitu sahaja, harus ada suntikan-suntikan semangat yang diberikan termasuk memperkaya persatuan-persatuan pelajar, memberi ruang kepada mereka untuk menyelusur dan menjelajah kepada ruang-ruang tertentu yang sudah pasti boleh mencambahkan pemikiran kreatif dan seterusnya mampu melahirkan satu perkembangan yang lebih holistik dan perkembangan yang sangat baik untuk pelajar dan mahasiswa-mahasiswi di universiti.

Tuan Speaker, Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Oleh itu saya rasa, untuk langkah pertama apa salahnya kita jemput pelajar UNISEL untuk hadir ke dewan untuk belajar sedikit bagaimana perbincangan ini berlangsung untuk faham bagaimana kita tadbir. Ini bukan sebab maksud politik kita tak nak *doctrine* mereka sebagaimana Latihan Biro Tatanegara yang pernah di duduki oleh EXCO di sana.

Tuan Speaker, Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Sebab itu apabila kita sebutkan tentang perancangan fizikal ataupun perancangan sosial ini, kita seharusnya juga melihat kepada pertumbuhan sukan yang merupakan Selangor merupakan sebuah negeri yang diiktiraf dengan pembangunan sukannya begitu matang dan pembangunan sukannya yang begitu ke depan berbanding dengan negeri-negeri

lain. Malahan kalau boleh saya sebutkan mengikut daripada data yang kita perolehi perancangan sukan di Negeri Selangor ini turut diikuti dan di .. seminit lagi .. diikuti oleh Majlis Sukan Negara. Justeru kita yang sudah mempunyai satu lokasi sukan yang tersendiri di Seksyen 13, harus dimajukan. Sukan bukan hanya kepada lokasi-lokasi infrastruktur-infastruktur seperti stadium dan sebagainya tapi harus melibatkan industri-industri sukan yang lain. Pusat-pusat beli-belah sukan, pusat-pusat pertumbuhan sukan, akademi-akademi sukan harus dilihat dan dijanakan di tempat-tempat tersebut, justeru dapat memberikan ruang kepada atlet-atlet muda dan atlet-atlet yang telah matang berlatih di Negeri Selangor dan insya-Allah kita meneruskan kuasa kita sebagai kuasa sukan di Negeri Selangor.

Tuan Speaker, Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Oleh itu saya juga menyeru agak sektor pelancongan ini dimajukan khususnya Batu Caves mempunyai *interest* ataupun kepentingan yang cukup besar kalau dilihat kepada kertas yang telah dibentangkan dengan *quarts* terpanjang di dunia ataupun di Malaysia ataupun di Asia yang ada di kawasan Batu Caves. Dengan jaringan dan pelan Batu Caves yang sangat baik dan sangat menarik khususnya untuk *extreme game* malahan telah diakui di peringkat dunia di antara jaringan-jaringan yang terbaik ataupun tempat pendakian bukit yang terbaik yang ada di dunia dan kita harus menjadikan ruangan-ruangan ini sebagai salah satu tarikan dunia dan menjadikan bahawa kegiatan sukan ini bukan sahaja sebagai kegiatan riadah bukan sahaja kegiatan kebanggaan sebaliknya membawa kepada satu aspek ekonomi yang disebut sebagai pelancongan sukan dan kegiatan sukan sebagai sebuah industri. Saya mohon menyokong usul ini, Tuan Speaker. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, Sekinchan juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul hala tuju perancangan dan pembangunan Negeri Selangor 2025. Agenda Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor perlu ditejermah dengan satu dasar yang jelas memandangkan janji kita untuk memperjuangkan hak dan kepentingan serta kebajikan rakyat Negeri Selangor semasa kempen pilihan raya ke -12 yang lalu. Oleh itu saya suka mencadangkan agar visi Negeri Selangor dalam perancangan dan pembangunan Hala Tuju 2025 ini diperkemas dengan pencapaian matlamat Selangor negeri idaman, maju, sejahtera dan berkeadilan. Usaha kita melestarikan kehidupan rakyat untuk kesejahteraan hubungan dengan tuhan dan sekitar dan alam sekitar adalah elemen yang sangat penting demi untuk meraih generasi akan datang yang mempunyai nilai keharmonian yang kental, bersahsiah, mulia ke arah pembentukan masyarakat madani dan insan rabbani menjelang tahun 2025. Sekiranya kita gagal menuju ke arah tersebut maka fenomena masyarakat dewasa ini akan terus berdehawa memandangkan di sekeliling kita agak kelam kabut seolah-olah hilang pedoman gejala-gejala negatif seperti budaya lepak, mat rempit, seks bebas.. bebas, pengambilan najis dadah, pil *ecstasy*, *cyber sex* dan sebagainya terus berleluasa dan sukar dibendung. Tuan Speaker dengan adanya kertas kerja hala tuju ni yang terperinci ini akan memudahkan lagi Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Selangor untuk mengorak langkah ke depan langkah ke depan dan bekerja keras untuk mencapai misi dan matlamat yang ditetapkan. Di samping itu juga, ini adalah satu isyarat, isyarat yang jelas kepada Barisan Nasional bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor sudah bersiap sedia bukan sahaja mahu memerintah 1 penggal tapi paling kurang 5 Penggal akan datang, Insya-Allahlah. Tuan Speaker dalam kita ni sekarang nak bincang dengan hala-

hala tuju Negeri Selangor 2025 akan datang ni kita sebagai ahli politik persepsi kita Tuan Speaker kita perlu bincang juga hala tuju bagaimana ahli politik seperti saya ni Tuan Speaker. Sejak 8 Mac yang lalu, kekalahan pertama UMNO dan Barisan Nasional sejak 50 tahun, ini mereka tidak boleh terima Tuan Speaker, tidak boleh terima maka sehingga sekarang 8 bulan sudah berlalu tak ada satu isu pun yang bangkit tidak terlepas daripada kepompong perkauman Tuan Speaker, tidak terlepas satu pun. Satu pun isu-isu yang kecil mesti tidak lari daripada hak orang Melayu terhakis. Maruah orang Melayu digadaikan oleh Pakatan Rakyat, Melayu Selangor dipinggirkan, tamparan hebat orang Melayu di Selangor dan bermacam-macam-macam lagi sebab apa UMNO ini Barisan Nasional khususnya UMNO ini parti perkauman. Jadi memang itu kerja mereka. Oleh yang demikian saya minta kawan-kawan dari Pakatan Rakyat kita jangan terikut-ikut dengan rentak Barisan Nasional khususnya UMNO ini. Sebab apa, sebab mereka memang budaya sempit, budaya politik sempit, budaya politik yang perkauman.. yang perkauman. Jadi..sebab apa sebab saya renung di dalam kitab ..makin ku renung berdetup-detap..

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tak bagi laluan sebab masa tak cukup... makin ku renung berdetup-detap. Pasaran akan datang, politik akan datang, politik masa depan adalah Pakatan Rakyat DAP, Pas dan Keadilan, untuk UMNO sudah tidak relevan, sebab apa.. perkauman. Politik akan datang ialah politik kepelbagaian. Tuan Speaker.. politik perkauman..sudah ketinggalan, sebab apa.. slogan UMNO “dulu, kini dan selamanya”, sudah saya tukarkan kepada “dulu, kini dan sampai di sini sahaja” (Dewan mengetuk meja). Untuk 2000 akan datang Pakatan Rakyat... Insya-Allahlah.. Bukan.. saya nak bongkak sebab saya nak beritahu tengok kita sebagai pembangkang waktu dulu pun kita kerja kuat. Sekarang tengok saja macam mana .. Kalau dah tak berupaya nak kerja, sudah penat, sudah letih macam Sungai Panjang, macam Sri Serdang, macam Sungai Air Tawar, Sementanya, Moribnya, Ulu Bernam, Tanjung Sepat, kalau dah letih.. kaki ponteng.. sudah letih, tak upaya nak kerja, letih.. letih.. soalan pun tak bagi.. dah letih, kita minta rakyat Negeri Selangor pilihan raya akan datang tukar yang letih ini.. tukar yang letih kita bagi kalau boleh saya bagi cadangkan Templer atau Kuang jadi Ketua Pembangkang sebab mereka ini rajin.. (Dewan bertepuk tangan)...Tuan Speaker...cukup..cukup..Tuan Speaker kita sedia maklum hasil kutipan cukai pintu yang diperolehi oleh Majlis Daerah Sabak Bernam...

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : 36 (6)..

TUAN SPEAKER : Sekinchan.. aturan..

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Peraturan 36 ni sangkaan jahat ni.. menuduh orang yang tak datang, tak ada kat sini. Mereka datang..mereka datang, tengok buku kedatangan tu, mereka datang.

TUAN SPEAKER : Okey.. Baik-baik...Saya dah ...

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Mereka datang.. tapi..

TUAN SPEAKER : Baik.. sila..sila..

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Mereka datang, tapi janganlah tuduh sangkaan jahat kata mereka tak datang, mereka ponteng. Ada masa dia orang keluar, ada hal lah macam tu.

TUAN SPEAKER : Saya dah bagi peraturan.. *point* dah saya tahu.. duduklah. Nak saya buat keputusan... ada *point* dikata sangka jahat sebab datang tapi faktanya setahu saya dari pagi duduk sampai sekarang yang depan-depan ni, Sungai Panjang, Sri Serdang, Sungai Tawar, Sementa nampaknya belum masuk memang dia tak ada sekarang lah. Jadi nak kata sangka sangkaan jahat tu tak tepat juga. Teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker.. terima kasihlah kepada Sungai Burong kerana dia datang...dia rajin sikitlah daripada mereka ini, ini teruk. Kita sedia maklum hasil kutipan cukai pintu yang diperolehi oleh Majlis Daerah Sabak Bernam tidak cukup untuk menampung perbelanjaan majlis dan saya sering dimaklumkan tentang masalah kekurangan dana kewangan untuk pembangunan dan pentadbiran. Ada kalanya permintaan untuk menaikkan projek-projek kecil-kecilan seperti membuat jalan dan memasang lampu-lampu jalan di tempat tertentu memerlukan juga tidak dapat juga dilaksanakan. Sehubungan itu, kadar kemiskinan di daerah Sabak Bernam merupakan yang tertinggi di Negeri Selangor. Kita tidak perlu mengikut jejak langkah Kerajaan Barisan Nasional lepas kononnya kadar kemiskinan di Negeri Selangor hanya satu sekitar..sekitar.. satu peratus sahaja .. satu peratus..sebaliknya hanya di Sabak Bernam saja menurut laporan statistik lembaga zakat jumlah rakyat yang di kategori dalam miskin tegah sudah mencapai 2003 orang manakala jumlah rakyat miskin adalah 1030 orang, belum lagi di campur rakyat yang berpendapatan bawah paras kemiskinan 1500.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat boleh pergi jauh sikit tak, kita ni hala tuju 2025..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya..ya.. saya nak cerita bagaimana 2025 kita nak kurangkan orang miskin..kita nak kurangkan orang miskin..ini ada kaitan dengan hala tuju, kalau hala tuju tu tak betul, nak menyimpang, itu salah. Ini hala tuju ni betul sebab dengan orang miskin ni. Jadi kita mintalah kerajaan mesti ada satu pan yang terperinci satunya bagi peruntukan yang lebih kepada Majlis Daerah Sabak Bernam untuk membangunkan kawasan tersebut. Yang ke-2, bagaimana cara untuk menolong orang miskin di situ keluar supaya mereka dapat kewangan dan keluar daripada masalah kemiskinan belunggu kemiskinan itu. Tuan Speaker, sistem pengangkutan yang sedia ada masih tidak mampu menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas dan janji-janji dari Kerajaan Pusat yang kononnya menaikkan harga petrol dan diesel satu ketika dulu adalah untuk menaikkan sistem pengangkutan awam di Malaysia dan di Negeri Selangor khususnya. Tetapi janji hanya tinggal janji, sampai sekarang kita tak nampak sistem pengangkutan awam yang bersepadu dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Tuan Speaker, kita harus menjadi pengajaran daripada kegagalan perancangan sistem pengangkutan yang lalu khususnya di Lembah Klang. Kita tengok sahaja di Lembah Klang.. wah cepatnya... ada 16 buah lebuhraya. Semuanya bertol. Jadi kalau boleh 2025 akan datang tol ini kita makin hari kita makin kurangkan, yang boleh dihapuskan, kita hapuskan. Kalau boleh kalau boleh dengan izinlah. Saya cadangkan, sebab apa, rakyat derita dengan tol-tol ini sebab itulah barisan kalah, tol terlalu banyak. Kerajaan Pakatan Rakyat harus ambil iktibar jangan perbanyakkan tol...ni saya..saya.. nasihat saya ya.. nasihat orang tua ni kena dengar sikit. Tuan Speaker saya nak cerita masalah tentang kekurangan rumah di Sekinchan, mintalah kerajaan peruntukan tanah yang lebih di Sekinchan cari tempat alternatif untuk buat rumah di Sekinchan. Sebab di

Sekinchan khususnya di Sekinchan kalau kawasan lain saya tak tau, permintaan rumah terlalu mendesak. Anak-anak muda yang baru berkahwin terpaksa pindah keluar ke Sekinchan, sebab apa, rumah tak ada. Jadi saya mintalah Yang Berhormat EXCO, EXCO Yang Berhormat dari ADUN Chempaka prihatin. Jadi ini hala tuju juga, kalau akan datang 2025 tak ada rumah macam mana? Ini penting.. oleh kerana masa pun dah sampai saya taklah cakap lebih kalau tidak ni satu jam nak bercakap.. terima kasihlah..

TUAN SPEAKER : Hulu Klang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Saya Hulu Kelang ingin mengambil bahagian terutamanya saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, memandangkan ramai yang hendak mengambil bahagian sekarang ini saya hadkan masa kepada 5 minit sahaja.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih. Persoalan yang paling penting dalam perancangan Selangor 2025 adalah keseimbangan, mengimbangkan di antara pembangunan fizikal dan pembangunan insan. Dan dengan izin *the challenge is to manage the soft side of development and hard side of development*. Bagi saya ini kita perlu membebaskan perancangan masa depan Negeri Selangor daripada kerangka *neo liberal capitalism* yang telah ditinggalkan oleh Barisan Nasional. Kalau *capitalism* berkaitan dengan modal, maka *neo liberal capitalism* berkaitan dengan *cronyism* di mana tidak modal tetapi kenal hubungan dengan pihak politik tertentu, pihak politik dan sebagainya dan akan mendapat sokongan yang kuat hinggalah apa yang telah kita buktikan di dewan yang mulia, tanah-tanah diusahakan dengan konsep JV yang sebenarnya merupakan konsep tanah pawah yang dengan kerugian sebesar 30 bilion ringgit bagi Negeri Selangor seluruh 30 tahun yang lepas. Jadi persoalan yang sangat penting yang perlu kita ketengahkan di sini adalah bagaimana kita nak mengeluarkan daripada keadaan tersebut agar pembangunan negeri Selangor tidak terperangkap dengan apa yang sendiri dinyatakan di dalam muka surat 50 buku ini iaitu kemiskinan di negeri ini di wujud hasil dari pembangunan ekonomi yang pesat.

Kita perlu membebaskan pembangunan negeri Selangor daripada apa yang telah dibuktikan dengan izin *Gini Coefficient, Gini Index* yang menyatakan jurang pengumpulan kekayaan dibolot oleh sebilangan orang yang sedikit di mana rata-rata di Malaysia 60% kekayaan dimiliki oleh 35 ke 40% penduduk. Jadi jurang inilah sekiranya tidak kita tangani dalam membangunkan aspek pembangunan fizikal maka akan terpinggir langsung orang yang terpinggir. Dalam Islam pendekatan yang di bawa adalah apa yang dinyatakan dengan prinsip *kailadulatan baina aghniya'i minkom*. Semoga kekayaan itu tidak berlegar-legar di kalangan orang-orang yang kaya di kalangan kamu. Inilah satu cabaran besar di mana pembangunan yang perlu dimajukan oleh Kerajaan Negeri Selangor hendaklah menekankan aspek pembangunan spiritual, pembangunan insan dan hingga akan boleh meminggirkan pendekatan-pendekatan mengutamakan golongan-golongan yang kaya sebagaimana yang dipesan oleh Khalifah Umar bin Al-Khattab kepada Gabernornya Abu Musa Anshaari mengatakan bahawa kamu hendaklah memenuhi semoga orang yang berhak tidak terpinggir haknya dan orang tidak mempunyai hak tidak menagih-nagih hak seolah-olah mereka berhak. Jadi inilah satu gambaran masa depan yang saya lihat di Negeri Selangor bahawa kaitan dengan pembangunan, pembangunan fizikal, pembangunan insan adalah berkaitan

dengan pembangunan yang berkaitan dengan semaraknya demokrasi, semaraknya hak kebebasan, semaraknya hak keadilan dan kebenaran di mana manusia diperkasakan untuk terlibat sama dalam membangunkan masyarakat.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian dalam kita membangunkan pembangunan Negeri Selangor dan membebaskan pembangunan Negeri Selangor dalam kerangka *neo liberal capitalism* yang telah ditinggalkan oleh UMNO Barisan Nasional hendaklah kita tekankan konsep *civil society* yang telah saya nyatakan. Bagi saya *civil society* adalah keadaan di mana suburnya demokrasi, suburnya hak kebebasan, wujudnya keadilan, hidupnya keadaan iklim di mana insan yang ada di Selangor dirasakan *being consulted* dengan izin, dirasakan dihargai dan mereka ini merasakan terlibat dalam proses demokrasi akar umbi. Demokrasi ini, *civil society* yang saya katakan ini berkaitan di mana masyarakat tidak merasakan kerajaan terlalu mengongkong. Ini satu perkara yang perlu kita wujudkan dalam konteks pembangunan di mana rakyat merasakan dia diperkasakan, dia dilibatkan dan dengan ini saya menyarankan aspek pembangunan Negeri Selangor dan khususnya dalam konteks pembangunan insan hendaklah memberikan penekanan dalam memajukan, dalam memperkasakan, memberi tempat kepada NGO-NGO, *civil society*, masyarakat di kawasan perumahan, keagamaan, masjid, tokong, gereja, gurdwara dan sebagainya semoga *civil society* ini dapat bergerak dan sekali gus membantu pembangunan dan memacu pembangunan Negeri Selangor. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabakatuh*. Saya mengambil peluang dalam perbahasan ini dalam usul yang dikemukakan. Pertamanya saya juga mewakili rakan-rakan pembangkang di sini, bahawa memanglah hala tuju perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 ini telah dibukukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hala Tuju dengan pihak-pihak tertentu dan kita amat bangga sekali. Kerana apa yang dinyatakan dalam *blue print* ini adalah untuk kebaikan rakyat Negeri Selangor. Oleh yang demikian kita banyak dan kita rata-rata tahu bahawa Negeri Selangor telah maju pada tahun 2005, maka tentulah asas, dari segi infrastruktur, pembangunan, kemudahan dan sebagainya telah pun disediakan dan telah pun kita gunakan pada hari ini dan tentulah kadangkala ia memberi kebaikan-kebaikan kepada dia dan kelemahan-kelemahan yang tertentu yang perlu kita perbaiki dari masa ke semasa. Maka tidaklah perlu kita menuding jari begitu banyak sekali kepada sama ada Barisan Nasional atau pun biar kita dalam Pakatan Rakyat yang ada yang memerintah sekarang ini membaik pulih kelemahan-kelemahan tersebut supaya rakyat tahu bahawa hala tuju 2025 dapat kita jadikan satu panduan. Maka saya ingin menyentuhlah kadang kala kita ni sebagai Wakil Rakyat, masing-masing ada hala tuju dan tujuan dan mempunyai komitmen tertentu, Yang Amat Berhormat Ijok sendiri hari ini berada di Parlimen contohnya, itu yang lain-lain mungkin ada hal tertentu di kawasan masing-masing. Tetapi saya ingin menyentuh beberapa perkara di sini, saya menyentuh kepada apa yang telah kita bincangkan satu daripada mengenai hala tuju kita. Kita tahu ada yang menyatakan bahawa Yang Berhormat Gombak Setia tidak dapat menunaikan fardu asar 10 minit lewat sebelum waktu maghrib, mengambil masa 2 jam setengah kerana infrastruktur atau pun laluan begitu jem sekali daripada Shah Alam. Tetapi kalau kita fikirkan bahawa kita sebagai seorang Islam tepat 4.30 kita habis di sini 2 jam setengah pukul 7.00 memanglah sampai maghrib, kita boleh sembahyang kat sini tidak ada masalah kerana kita tunaikan tanggungjawab kita, dan Allah Taala juga bertanya

kenapa kita lewat sembahyang. Itu satu saya nyatakan dan juga beliau Yang Berhormat bahawa Islam *is a deal*, Islam *is not a religion*, cepat sangat rasanya... *and Islam is away of life*. Sebenarnya Islam adalah agama seperti yang dinyatakan dalam Surah Al-Maidah ayat ke 3 tadi. Begitu juga Surah Al-Imran Ayat 19 *Innaddina indallah hil Islam*. Maka jangan kita nak memainkan agama begitu sahaja kerana kita merupakan satu masyarakat majmuk berbilang bangsa, berbilang kaum dan sebagainya tetapi kita nak tahu bahawa dengan kuasa dalam Pakatan Rakyat teruskanlah membela rakyat kita tahu masalah-masalah tertentu seperti banjir, mungkin saya nak tekankan di sini bahawa di Sungai Kayu Ara baru-baru ini saya minta ambil tindakan dan kerana Tuan Speaker kata dah cukup masa saya akur dan terima kasih.

TUAN SPEAKER : Terima kasih. Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker, keputusan 8 Mac ni telah menunjukkan sokongan dan harapan rakyat terhadap satu kepimpinan kerajaan yang mengambil berat kebajikan rakyat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama jadi saya rasa hal tuju yang dirancang oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor ni haruslah keluar daripada kongkongan perkauman dan lebih berasaskan keperluan rakyat sekarang dan untuk saya akan menyentuh tentang bab merakyatkan ekonomi negeri Selangor yang mana dalam usaha kita merakyatkan ekonomi ini saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor boleh mempertimbangkan agar bekerjasama dengan sekolah-sekolah rendah untuk mendapatkan kumpulan yang kurang mampu supaya kita boleh menawarkan perkhidmatan IT informasi dengan izin kepada budak-budak sekolah supaya mereka dapat akses kepada Internet sejak kecil lagi dan lebih penting kepada informasi yang terkini supaya boleh membawa kepada pembangunan negeri kita. Dan selain itu saya juga mencadangkan bahawa skim ataupun Tabung Usia Emas yang dicadangkan akan dilancarkan dalam Fasa Kedua itu iaitu menawarkan 1,000 ringgit kepada pembayaran perubatan itu adalah satu usaha yang baik tetapi saya mencadangkan supaya ini juga dibesarkan kepada golongan sasaran kepada kumpulan yang berumur 40 tahun ke atas, memandangkan sekarang dengan dasar penswastaan kesihatan yang dilakukan di negara kita, kos perubatan ini telah merupakan satu bebanan yang amat berat kepada rakyat kita sekarang. Dan saya juga ingin menyentuh sedikit bab ekonomi yang mana kita harus pelbagaikan program-program latihan khasnya kepada golongan yang berumur 15 tahun hingga 39 memandangkan mereka merupakan golongan sumber tenaga yang paling utama yang terdiri daripada 43.8% dalam negeri kita yang mana kita boleh mempelbagaikan fokus bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam skil yang mana kita perlu membangunkan golongan guna tenaga yang bukan sahaja *skill base* dengan izin dan *knowledge base* supaya kita dapat bertanding dengan negeri-negeri atau negara-negara seperti Vietnam, Sialan yang mana dalam kita membangunkan ekonomi negeri kita. Jadi itu sahaja cadangan dari saya yang harus yang berharap boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seterusnya Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya menyambut baik matlamat pembangunan Selangor yang menyatakan semua PBT perlu menyediakan danewartakan rancangan tempatan. Subang Jaya telah menunggu sejak Januari tahun ini untuk pendengaran awam, saya menyeru supaya proses ini disegerakan dan pendengaran awam diadakan dalam satu masa yang terdekat. Subang Jaya mengalami kesesakan lalu lintas yang tinggi dan mempunyai penggunaan

kenderaan persendirian yang tinggi. Dua faktor utama kesesakan ini berlaku adalah kerana kepesatan pembinaan lebuh raya yang mengelilingi Subang Jaya dan perkhidmatan pengangkutan awam yang masih rendah. KESAS ada, MPE pun ada NKVE pun ada, LDP juga ujud di sekeliling Subang Jaya. LRT yang akan datang ke Subang Jaya akan mengalami delima kerana Subang Jaya telah padat dengan rumah kediaman dan lokasi yang sesuai untuk lintasan LRT tidak mudah dicari dan mesti melalui sesi perundingan dan pendengaran awam dengan penduduk. Tempat letak kereta yang mencukupi untuk stesen-stesen LRT juga perlu diperuntukkan. *State structure plan* juga dengan izin harus memberi pertimbangan kepada lingkaran LRT yang baru-baru ini dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya harap ini dapat direalisasikan.

Pembangunan perumahan mesti menyediakan kemudahan awam yang lengkap. Subang Jaya tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk warga emas dan golongan orang kurang upaya. Tanah mesti diperuntukkan untuk pembinaan rumah warga emas, klinik awam dan tempat letak kereta yang mencukupi. Saya menjemput EXCO melawati Pusat Komersial SS 15 dan Taipan yang juga memeningkan kepala dengan masalah kekurangan tempat letak kereta. Konsep perumahan *gated guarded, gated community* atau *guarded* jika konsep ini perlu dilihat kembali kewajarannya, saya menggesa supaya langkah ini disegerakan, konsep ini semakin popular di Subang Jaya kerana isu keselamatan penduduk tidak terjamin. Nisbah anggota polis yang ideal adalah 1 kepada 250 sedangkan nisbah anggota polis bagi bandar Subang Jaya adalah 1 kepada 6,800. Oleh kerana konsep ini bergantung kepada keadaan fotografi tapak akses lot bersebelahan, kemudahan dan sebagainya adalah sukar bagi PBT dan juga ADUN membuat keputusan atau memberi sokongan kepada konsep ini. Segala keputusan boleh mencerminkan sistem yang tidak konsisten kerana sekarang ini permohonan dikendalikan secara *case by case basis* dengan izin. Saya cadangkan konsep ini jika disokong oleh kerajaan negeri boleh diterajui oleh PBT dan mungkin kos boleh ditampung oleh PBT melalui cukai taksiran. Ini boleh mengelakkan situasi di mana 85% sokongan penduduk tidak boleh dicapai kerana penglibatan kos. Saya merayu supaya konsep ini diberi perhatian utama oleh EXCO dan segerakan keputusan sama ada sokong atau pun tidak sokong. Jika sokong saya menggesa sekali lagi supaya garis panduan dikaji kembali. Contohnya sekarang ini penghalang hanya boleh diturunkan dari 12.00 tengah malam sehingga 6.00 pagi tetapi di Subang Jaya kes pecah rumah lebih kerap berlaku di siang hari semasa penduduk tiada di rumah. Kepesatan pembangunan sekitar menyebabkan kawasan lapang dan rekreasi sedia ada terancam dan digunakan untuk pembangunan lain. Saya juga menggesa supaya semua kawasan yang sedia ada diwartakan secepat mungkin. Ini adalah untuk mengelakkan pemaju mengemukakan permohonan mengubah cadangan daripada kawasan lapang yang tidak diwartakan kepada perumahan dan guna tanah lain.

Bagi penduduk bukan Islam di mana nisbah kemudahan tempat ibadat mereka berada pada nisbah satu kepada 4931 orang (1: 4931). Satu kekurangan yang cukup ketara boleh dilihat. Di Subang Jaya yang besar ini kita hanya ada satu bangunan gereja, 2 kuil hindu, 1 tokong cina dan 1 tempat ibadat *buddhist association*. Fenomena kekurangan kawasan dan tapak meletak kereta di kawasan perumahan berkepadatan tinggi berlaku kerana setiap rumah kini mempunyai lebih daripada sebuah kereta. Keperluan tempat kereta yang dikenakan ke atas pemaju memang tidak mencukupi, malah ketinggalan, sebab itulah saya menyahut saranan hala tuju ini di mana kajian ciri-ciri dan keperluan generasi akan datang akan diteliti. Masa depan nanti mungkin purata

kenderaan setiap rumah akan berubah lagi. Akhir kata saya menyokong hala tuju perancangan pembangunan ini, terima kasih.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER : Teluk Datuk.

Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE : Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Adalah difahamkan bahawa pelaksanaan kontraktor 'F' telah menyebabkan projek-projek kerajaan tidak dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif. Hal ini disebabkan oleh peranan kontraktor 'F' sebagai orang tengah telah menambahkan kos yang disebutkan oleh pihak kontraktor yang sebenarnya melaksanakan projek-projek. Oleh sebab perlu membayar sejumlah wang kepada kontraktor 'F' pihak kontraktor biasanya melebihi-lebihkan bajet projek kadang kala sebanyak 2 kali ganda. Sebagai contohnya, sebutan kos untuk membina sebatang jalan sebenarnya dapat membina 3 batang jalan. Hal ini mendatangkan kesan negatif terhadap pihak kerajaan kerana berlakunya pembaziran sumber kewangan. Oleh itu Teluk Datuk mencadangkan bahawa projek kecil misalnya di bawah RM20,000.00 boleh diluluskan oleh ADUN bagi kawasan masing-masing. Dengan ini dapat menjimatkan 2 kali ganda kos dengan kualiti dan hasil yang sama. Selain itu, didapati bahawa kerja-kerja seperti pembersihan longkang, pemotongan rumput dan pengurusan sampah

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat, kita sekarang membahaskan hala tuju perancangan pembangunan sampai 2025. Janganlah soal jalan, longkang masuk lagi, itu masuk perbekalan, jangan membuang masa, masa terhad. Silakan.

Y.B. TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE : Baik, terima kasih. Tuan Speaker, walaupun Kerajaan telah diambilkan oleh Pakatan Rakyat, namun didapati bahawa Berkuasa Tempatan masih beroperasi secara tersendiri. Kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan gagal memberikan kerjasama yang secukupnya dengan Kerajaan Negeri serta ADUN. Mereka masih mengekalkan cara dan polisi lama tanpa membuat penilaian semula. Tuan Speaker, isu yang diwar-warkan sejak kebelakangan ini, yang membangkitkan isu-isu sensitif ialah perobohan kuil oleh MPAJ. Kejadian ini merupakan satu bukti terbaik yang menunjukkan kelemahan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam kes ini Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil tindakan secara terburu-buru tanpa kelulusan pihak Kerajaan Negeri sehingga menimbulkan masalah yang tidak diinginkan. Oleh itu Teluk Datuk menyarankan bahawa tindakan yang sewajarnya diambil agar memastikan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan diselaraskan dan diiringi dengan polisi pentadbiran Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, isu yang ingin Teluk Datuk membangkitkan ialah banglo EXCO.....

TUAN SPEAKER : Baik masa sudah sampai.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Seri Muda

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya menyokong penuh dan amat bersetuju dengan pelan perancangan dan juga hala tuju Negeri Selangor pada tahun 2025. Jika dilihat di dalam buku ini memang banyak sekali

perkara-perkara yang menjadi teras kepada Pakatan Rakyat dimasukkan dalam pelan antaranya seperti langkah memperelokkan alam sekitar, pengurusan lalu-lintas, mempertingkatkan tahap kesejahteraan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta pembangunan lestari. Sebanyak 104 rancangan struktur negeri atau RSN telah dikemukakan di dalam buku ini dan dijangkakan akan dilaksanakan. Selain daripada itu, hasrat Kerajaan Negeri mengikuti Rancangan Fizikal Negara atau RSN juga dialu-alukan di mana 36 dasar dan 194 langkah digubal dan daripada jumlah itu sebanyak 8 tema dikenal pasti untuk diikuti oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ke semua ini seperti mana yang kita tengok di muka surat 31 memang dialu-alukan, cuma lagi saya berharap Kerajaan Negeri akan lebih memperhalusi langkah dan juga memperhalusi tentang perancangan ini agar tema yang dikemukakan ini bersesuaian ya. Dan sebagai satu contoh untuk muka surat 40 di mana kalau kita lihat bahawa pembangunan di kawasan-kawasan bandar baru dimasukkan hampir 40 buah bandar. Tetapi saya perhatikan dalam 40 buah bandar ini, tidak ada satu pun yang menyatakan menyebut tentang Kota Raja. Kalau kita nampak 2025 saya menjangkakan Kota Raja ini akan menjadi sebuah bandar yang penting kerana dalam Kota Raja, Parlimen Kota Raja itu sendiri kita mempunyai bilangan penduduk yang lebih daripada 200,000 orang sekarang ini dan

TUAN SPEAKER : Ini bukan pelan rancangan tempatan, ini hala tuju pembangunan Selangor, jadi kalau hujah nak kata Seri Muda ke apa tu kena pergi MBSA.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Ya, saya cuma menyebut sepintas lalu sahaja

TUAN SPEAKER : Ini bukan draf rancangan tempatan jangan selalu, banyak pintas, ni, sila.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : terima kasih, dan cuma lagi saya berharap Kerajaan Negeri akan lebih memperhalusi kepada perkara-perkara yang telah disebutkan dan juga saya mengharap supaya kita tidak ketinggalan dari segi pembangunan yang melibatkan tentang pembangunan pemikiran dan juga budaya di mana kalau kita perhatikan pada tahun 2007 sebanyak hanya terdapat 930 buah buku sahaja yang dipinjam daripada Perpustakaan Negeri dibandingkan dengan jumlah penduduk yang hampir 5 juta orang. Jadi saya mencadangkan supaya pembangunan dari segi kerohanian dan juga budaya membaca ini dapat dipertingkatkan supaya menjelang tahun 2025 pembangunan daripada segi infrastruktur dan sebagainya termasuk juga pembangunan pemikiran dan sebagainya akan dapat menjadi satu teras yang akan membentuk satu budaya baru dalam Kerajaan Negeri, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Teratai

Y.B. PUAN LEE YING HA : Terima kasih. Tuan Speaker, saya ingin menyentuhkan sedikit dasar-dasar pembangunan yang berterusan, dalam bahasa Inggeris *standard development* dengan izin. Saya nampakkan ada banyak program yang dijalankan oleh pihak Kerajaan setelah kita menubuhkan Kerajaan Pakatan Rakyat, dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Negeri Selangor, contohnya menginisiatifkan program-program usia-usia emas. Pelaksanaan program-program tersebut adalah baik untuk kalangan penduduk tetapi nampak dari segi berterusan mungkin ada sedikit kelemahan. Saya ingin mengesyorkan kerajaan supaya membuat penyelidikan yang sempurna pada setiap program-program yang akan dilaksanakan dengan melibatkan semua pakar-

pakar yang ada di negara kita supaya boleh menjamin projek-projek atau program-program tersebut boleh dijalankan secara lancar dan tiada masalah dalam masa akan datang. Sebab masa sangat ringkas saya nak pergi ke cuti bersalin selama 90 hari yang dicadangkan kemungkinan akan dilaksanakan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat,

Y.B. PUAN LEE YING HA : Ya,

TUAN SPEAKER : Kita sudah lepas bajet, ini Pembangunan 2025, ini peringatan saya yang terakhir, kalau lagi ulang tentang perbahasan bajet saya akan hentikan sertamerta.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Ya, sebab kita sekarang bincang pembangunan berterusan

TUAN SPEAKER : Jangan cakap sebab ya, saya dah cakap, saya dah cakap, saya dah buat perintah terus kepada pembangunan.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Ya, pembangunan adalah skim perumahan yang ingin saya sentuh. Rumah yang tidak sepatutnya menjadi komoditi kerana ia merupakan keperluan asas setiap orang. Pembangunan perumahan merupakan tanggungjawab kerajaan dan bukan swasta untuk memastikan setiap penduduk mempunyai tempat kediaman. Dengan ini, saya ingin mengesyorkan kepada pihak kerajaan supaya membina lebih banyak rumah kos rendah di setiap daerah Negeri Selangor untuk disewa dan bukan sewa beli sahaja. Melalui pemerhatian saya, saya mendapati ramai penduduk tidak mampu membayar balik wang yang dipinjam dari bank iaitu satu kelemahan untuk program sewa beli. Kerajaan Negeri boleh merujuk kepada Skim Projek Perumahan Rakyat iaitu PPR yang dilaksanakan oleh DBKL di mana ia mengamalkan kaedah penduduk membayar sewa di peringkat permulaan dan mereka ditawarkan untuk membeli rumah selepas satu tempoh masa yang tetap. Sewa yang telah dibayar pada peringkat permulaan dikira sebagai bayaran ansuran pembelian rumah tersebut. Melalui skim ini, sesiapa yang tidak tinggal di unit yang disewa, tidak akan layak mendapat rumah pada peringkat kemudian. Pelaksanaan projek yang dibincangkan di atas amat bernas kerana rumah bukan alat untuk mencari keuntungan dari sewa tetapi untuk kediaman orang ramai. Sekian sahaja ucapan saya, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sudah sampai masa untuk pihak Kerajaan menggulung dan saya mengingatkan Dewan ini akan membuat keputusan pada pukul satu, dipersilakan.

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, saya tertarik dengan cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah kemiskinan. Saya mencadangkan untuk di masa akan datang, saya telah membaca satu buku problem kemiskinan. Dalam buku tersebut mengatakan banyak kemiskinan-kemiskinan harta benda, kemiskinan ilmu tetapi yang seriusnya ialah kemiskinan jiwa. Di masa akan datang usaha-usaha kena buat bagi memastikan mempertingkatkan kekuatan jiwa bukan dengan cara memberi bantuan atau subsidi. Untuk 2025 saya mengesyorkan supaya setiap-tiap keluarga Negeri Selangor terlibat diri dalam sebagai usahawan. Dengan cara itu mereka dapat mengeluarkan diri mereka daripada kemiskinan. Setiap kali sidang kita jadikan orang miskin sebagai sasaran kita, tetapi apakah usaha-usaha yang kita nak buat untuk meningkatkan mereka. Iaitulah, yang untung dalam memajukan masyarakat kemiskinan

ialah memajukan jiwa-jiwa, *rate* kita supaya besar dan agar mereka melepaskan diri dari kemiskinan.

Keduanya soal, saya setuju dengan cadangan Kampung Tunku untuk menanam hutan bandar. Soal yang saya rasa sangat penting ialah untuk memperkasakan kakitangan awam. Seri Setia menyatakan, supaya ada perasingan yang jelas di antara politik dan pentadbiran, orang politik boleh keluar dan pergi tetapi pentadbiran akan tetap. Oleh itu pada masa akan datang kita mengharapkan satu pasukan pentadbir yang lebih bertrampil yang lebih berkompiten dan berdaya saing. Sebab itu *knowledge* kepada kakitangan awam ini hendaklah ditingkatkan. Kita menggalakkan supaya kakitangan awam terlibat dalam membuat keputusan berbanding ketika terdahulu mereka hanya diarahkan untuk membuat keputusan. Yang akhirnya sekali hala tuju Negeri Selangor ialah ke arah pertanian moden. Negeri Selangor semakin sempit dan sebahagian besar adalah untuk perumahan, namun untuk mempertingkatkan hasil-hasil pertanian, hala tuju Negeri Selangor hendaklah ke arah pertanian moden berasaskan kepada *knowledge*, *research* dan sebagainya. Dengan itu kita akan mempertingkatkan lagi pertanian di Negeri Selangor, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sila Gombak Setia.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Tuan Speaker. Pertama sekali, oleh kerana ada 14 orang yang berucap, yang memberikan input mereka, saya fikir dalam masa 15 minit ini tak mungkinlah adalah untuk menjawab, dan saya fikir sangat penting sebab itu kita masukkan dalam agenda kepada Dewan Undangan Negeri untuk dibentangkan hala tuju ini sudah tentulah kerana ini merupakan tentang membincangkan imej, bentuk, rupa bentuk, gambar Negeri Selangor pada tahun 2025. Jadi dengan itu Tuan Speaker saya meminta oleh kerana kita akan berhenti dalam pukul satu dapat diteruskan sebentar selepas kita berehat makan tengah hari nanti. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada tiga belas-tiga belas orang ye, yang telah memberikan inputnya, tetapi saya nak komen sikitlah ye. Input-input itu kebanyakannya adalah input-input yang bercorak bajet. Ini bukan bajet sebagaimana yang diulang berkali-kali oleh Tuan Speaker, ini *long term the end result, you must put 2025 in front of you, what is going to happen to Selangor will comes 2025* dengan izin, apa dia yang kita nak tengok Selangor 2025. Kalau kita ceritakan pengangkutan, kita bukan cerita pengangkutan dengan kenderaan yang berjalan di Subang Jaya, kenderaan yang berjalan di Kelana Jaya, bukan itu, kita nak cerita kenderaan *more of transportation, the new more of the transportation* pada tahun 2025, sebab itulah yang patut kita bincangkan. Kemiskinan misalnya, Kemiskinan Tegar, Garis Kemiskinan sebab itu kita dah tingkatkan garis kemiskinan kepada RM 1,500. Bila RM1,500 kita dapati 30% rakyat Negeri Selangor ini patut di bantu kerana mereka miskin fasal kita nak pertingkatkan "*quality of life*" mereka. Ini yang patut menjadi perbincangan, bukan tentang jalan sumbat, tentang longkang, tentang itu bukan...Saya minta maaf, saya kena terangkan ...

TUAN SPEAKER : Sebab itu saya kata tak banyak yang perlu digulung sebab yang bangkit tu dah bangkit dibajet, jadi tak payah kita lanjutkan masa. Saya putuskan kita akan buat keputusan pada pukul 1.00 petang. Sila ...

Y.B. DATO' DR. HASAN MOHAMED ALI : Tak boleh ni macam mana 13 minit, tak boleh, tak boleh...

TUAN SPEAKER : Y.B. sendiri setuju tak banyak.. Itu dasar polisi tu, dasar polisi, semasa Y.B. bentangkan tu dah banyak masa, dah banyak , dasar polisi dah. Dan saya tak hendak jadikan ini sebagai tempat ceramah. Banyak ceramah politik. Semua.

Y.B. DATO' DR. HASAN MOHAMED ALI : Saya tak setuju dengan cara begitu, saya pun tak

TUAN SPEAKER : Saya putuskan pukul 1.00 petang. Teruskan...

Y.B. DATO' DR. HASAN MOHAMED ALI : Saya ingat tak payah jawab dah sebab pada saya ini adalah fokus dasar penting ya, dan apa yang kita nak buat untuk 2025 dan sebab ini misalnya kita jawab secara yang begitu sahaja dan tidak menerangkan apa yang ada sebab Sungai Panjang pun komen, Sri Serdang pun komen. Dia kata mana "*detail*"nya memanglah Hala Tuju ni tak ada "*detail*". Hala Tuju ni "*as state monoscool*" yang Hala Tuju sebab itu Tuan Speaker ya, pertama sekali tentang Kampung Tunku , Kampung Tunku banyak sampai 9 butir yang dilahirkan ya, yang disebutkan dan Kampung Tunku sebenarnya menyentuh benda-benda yang dia kata masuk dalam Hala Tuju ini. Jadi saya pun tak mahu menyentuh satu persatu tentang Kampung Tunku ni, tentang jangan lupakan rakyat desa, pembangunan Kampung Baru saya sebut apa yang disebutkan itu bagi GLC, PKNS disebutkan, CCTV juga disebutkan, UNISEL disebutkan, tentang pelantikan Canselor dan sebagainya. Alam sekitar disebutkan, penghijauan seperti di Singapura disebutkan, Kewujudan Bandar Hijau disebutkan, Rancangan Penempatan, Rancangan Kawasan, Rancangan Khas juga disebutkan. Saya nak gulung satu sahaja. Saya nak jawab satu-satu tapi tak mungkin, saya sebutkan begini sahaja. Kita ni dalam Hala Tuju Perancangan Pembangunan ni, yang sangat pentingnya kita nak memantapkan ada 3 pelan rancangan yang sudah ada. Pertama ialah Rancangan Struktur Negeri Selangor hingga 2020. Yang Rancangan Struktur Negeri Selangor ini untuk pengetahuan pembangkang, dan juga Kerajaan, dia menekankan 3 perkara, ekonomi, sosial dan pembangunan fizikal alam sekitar. Itu sahaja. Pada kami, pada EXCO, pada pimpinan Negeri Selangor ini ak cukup. Dan saya mengatakan Hala Tuju Perancangan pembangunan Negeri Selangor ini yang kita bentangkan ini satu-satunya negeri di Malaysia yang meletakkan Hala Tuju ini, satu-satunya. Dan sebab itu saya fikir ya, atas input yang telah diberikan, saya merasakan inilah dia perancangan yang apa pun perancangan rancangan yang saya sebutkan tadi Rancangan 2020 yang saya sebutkan tadi, Rancangan Struktur Negeri kena menjurus kepada hala tuju. Rancangan Tempatan, kena menjurus kepada hala tuju, Rancangan Penempatan Khas pada PBT-PBT, kena terus tuju kepada hala tuju. Pembantu Rancangan Fizikal Alam Sekitar kena tuju terus menuju kepada hala tuju dan akhirnya Rancangan Kawasan Khas mesti juga dituju kepada hala tuju. *In orther word umbrella concept* pembangunan *umbrella* ialah hala tuju. Yang lain adalah sub *umbrella-sub umbrella* yang kecil-kecil, yang disebut-sebut itu ialah titisan-titisan hujan yang tidak dapat ditampung *umbrella* dia punya *sub-sub umbrella* dalam kontek kita merancang pembangunan Negeri Selangor hingga tahun 2025. Sebab itu tentang CCTV itu pun saya tak mahu jawab saya ni dah banyak ditimbulkan dalam bajet tetapi tentang PKNS yang disebutkan ya. Saya sukalah yang Kampung Tunku menyebutkan bagaimana misalnya pemilikan. Ini penting hala tuju yang akan datang, pemilikan orang Melayu di kawasan bandar berapa peratus lagi kita hendak. Kalau mengikut yang disebut oleh Kampung Tunku tadi 75% yang sepatutnya diberikan kepada Bumiputera tetapi tidak sampai ke tangan Bumiputera. Tangan Bumiputera hanya dapat 25%. Ini kena bangunkan yang ini kita kena rancang. Macam mana supaya sebenarnya kalau ikut pensejaraan dalam penstrukturan semula dan penyusun lapis masyarakat orang

Melayu sekurang-kurangnya memiliki 30% daripada kekayaan sama ada di bandar di luar bandar di Negeri Selangor ini mesti dikhususkan kenapa tidak tercapai. Saya nak mengatakan *I put all the blame* kepada UMNO dan Barisan Nasional. Sebab apa UMNO Barisan Nasional, kontraktor-kontraktor yang Kelas A sampai yang ke Kelas F pun mereka nak sapu. Sampai yang inden-inden pun mereka nak sapu. Mana nak dapat kepada rakyat, mana nak dapat kepada orang miskin. Macam mana kita nak susun masyarakat, macam mana kita nak pertingkatkan kekayaan merakyatkan sebab itu Tan Sri Menteri Besar telah mengatakan kita nak Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor ertinya dalam hala tuju ini pada tahun 2025 tidak ada rumah yang usang, tidak ada anak yang tidak pergi sekolah, tidak ada estet-estet yang anaknya tidak meneruskan pelajaran ke sekolah menengah. Tidak ada Kampung-Kampung Baru yang anak-anak disebutkan semalam hanya sebagai penyedia kepada tenaga-tenaga kerja murahan yang disebut oleh Kampung Tunku.

Yang kedua yang nak saya sebutkan tentang Meru membangkitkan. Tentang kesyukuran Islam, yang ini saudara-saudara. Saya nak menyebutkan perancangan yang syumul Ilmihaldun yang banyak menulis tentang perancangan negeri, perancangan bandar ini menzahirkan satu bentuk perancangan yang *globalised* yang makro sifatnya yang *farcing* dia punya apa yang nak disampaikan oleh Ulmihaldun tentang perancangan yang mesti lihat oleh perancang bandar, perancangan negeri. Yang ini kita masukkan intinya dalam Hala Tuju Pembangunan Perancangan Pembangunan 2025. Saya nak menyebutkan Dato' Speaker, apa yang nak kita rancangan ini Meru ialah supaya perancangan kita nanti menjadi "*Development of Knowledge*" kita *knowledge* sebab itu KUIZ kita nak perkasakan. KUIZ Insya-Allah kita akan bantu untuk menjadikan Universiti Penuh dalam masa tahun-tahun yang terdekat ini. Dana kita mesti memberikan sokongan dan dukungan sebab di Selangor ini yang kita Kementerian Pendidikan jaga tentang pelajaran pendidikan yang berkaitan dengan Kementerian. Tetapi di Negeri Selangor kita ada peruntukan khas yang diberikan kepada Tadika, peruntukan khas yang diberikan kepada Nurseri, peruntukan khas yang diberikan Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan juga ke Universiti. Tetapi Universiti kita tidak diperkasakan atas beberapa sebab misalnya UNISEL tak dapat bangun, tak dapat perkembangan sekolah-sekolahnya nak buat sekolah perubatan, nak buat sekolah tentang sains gunaan nak buat sekolah mengenai kejuruteraan, nak buat sekolah mengenai *hospitality*, nak buat sekolah mengenai akademi sukan tak dapat dijalankan sebab kerana perancangannya tak masuk dalam hala tuju sebagaimana yang kita nak sebutkan. Sebab itu sama ada UNISEL sama ada INPENS, sama ada KUIZ, sama ada yang lain-lainnya di Negeri Selangor ini *those institution must go along with the spirit of the* hala tuju yang kita bentangkan dalam perancangan pembangunan Negeri Selangor 2025 ini. Kalau di luar daripada itu, dia bukan perancangan namanya. Perancangan *has to be as be cuted with my one purpose* macam okestra begitu kalau misalnya dia punya *batten* diangkat oleh dia punya ketua okestra kalau kita nak bunyi *trumpet*, dia akan berbunyi, begitulah harmoninya perancangan dengan holistiknya perancangan yang dipersembahkan melalui perancangan pembangunan 2025. Kemudian Kota Damansara, Kota Damansara hendakkan perimbangan antara pertanian dengan perindustrian perkilangan dan sebagainya. Saya tak fikir kita nak imbangkan saya pun tak tahu macam mana dia punya nisbah pengimbangan itu. Tetapi faktornya Negeri Selangor ni *urbanised* Sepuluh tahun daripada sekarang kemungkinan 90% daripada Selangor ini adalah menjadi urban area 90%. Bila 90% jadi sudah menjadi EXCOLah, tanggung jawab EXCO untuk menentukan. Kita mengatakan *certain, certain percentige of learn youth has got the* ada orang nak cakap ke .. oo hendaklah perancangan pertanian itu hendaklah dikhususkan untuk pertanian

dan kita nak mengatakan saya sangat suka dan untuk perancangan hala tuju yang akan datang, pertanian adalah perdagangan, apa pertanian itu perdagangan, pertanian itu perniagaan. Saya ingat itu satu konsep yang sangat baik dan dalam konsep hala tuju ni, saya menyokong penuh selama ini di bawah pemerintahan Perdana Menteri yang lalu, Perdana Menteri adalah orang di Malaysia ini yang di antara yang tak yakin langsung dengan pertanian. Apa dia kata "*import* sahaja beras sebab menanam padi tidak *economic*, *import* lagi *economic* daripada menanam padi. *And there for we keep in importing to the tune of RM12 billion food staff*, makanan kita import daripada mana daripada Siam. Siam siapa, *neighbour* kita, *next neighbour* sebab itu dalam perancangan pembangunan, speaker 2025 saya mengharapkan kita dapat melahirkan sesuatu yang bererti kepada generasi yang kita akan tinggalkan. Jangan lupa perancangan hala tuju pembangunan 2025 ni mungkin saya tak hidup pada masa tu 17 tahun daripada sekarang. Speaker pun saya rasa tak berapa nak hidup masa tu dah. Ini untuk generasi yang akan datang. *We are planning the future. We are planning the future generation and there for your thinking must be generational* inilah yang kita nak masukkan. Kemudian saya pergi sedikit kepada Seri Setia. Seri Setia bagus, konsep yang dibawanya ialah the *renewal energy*, sangat penting. Kita sudah kehilangan anergy dalam apa pun sama ada solar pun sama ada petroleum, sama ada arang batu dan sebagainya. Kita dah cuba semua di Malaysia ini tetapi *research* yang sungguh-sungguh pada cool, sungguh-sungguh kepada solar *energy*. Saya rasa masa dibuat secara *as soleted here and there* dalam perancangan hala tuju 2025 Negeri Selangor ini tak de pilihan lain *we done have are the alternative but go to the renewable anergy* sebab itu saya ingat macam solar kalau misalnya air. Air bawah tanah ada "*ground water*" air bawah tanah ni. Benda-benda macam nilah dan *recycle* benda-benda 3R ni konsep 3R. Apa dia *Reduce, Reuse, Recycle* ini dia konsep untuk 2025. Dan sebab itu PBT-PBT kena pergi tengok macam mana German buat, macam mana Switzealand buat, macam mana Australia buat. Macam mana konsep reduce. Macam mana konsep *recycle* dapat dibuat. Inilah pemikiran 2025. Inilah pemikiran hala tuju. Inilah pemikiran untuk melihat the *subra development* yang mesti berlaku di dalam Negeri Selangor ini. Kemudian saya nak pergi kepada Taman Medan. Taman Medan sebagai seorang wanita, begitu kesah, begitu mengambil perhatian kepada generasi yang akan datang, tentang jenayah, tentang keganasan harta benda, kemudahan awam yang tidak cukup tetapi saya *introducedkan* satu konsep namanya *transitive planning*. *Transitive planning* ini ialah kita merancang sesuatu dengan *benefactory* kita yang kebanyakan rakyat sama ada orang China, sama ada orang India, sama ada orang Melayu kita turun kepada mereka dan mereka naik berjumpa dengan kita. Kalau ini berlaku namanya *transitive planning* dan inilah yang kita nak lakukan sebab itu yang disebut oleh salah seorang Y.B. tadi tentang pendengaran awam. *Public hearing* yang kita nak buat alhamdulillah kita ambil macam mana CER, CARR projek yang berlangsung di Rawang sampai sekarang kita tak putus, fasal apa kita tak putus, kita hendakkan seluruh rakyat diberikan peluang untuk mengemukakan pendapat dan pandangan mereka. *Carrefour* punya projek Kota Damansara, tak putus, ada orang mengatakan kenapa leceh sangat, kenapa lambat sangat, betul... Kita boleh *inpose planning* daripada atas inpose ke bawah. You suka, you buat you tak suka pun you kena buat. Tapi kita Pakatan Rakyat kita tak ambil pendekatan itu, pendekatan yang kita ambil tak lain dan tak bukan supaya kita syer dengan rakyat. *Common base common understanding that is commonality in term of fikiran in term* fitrah kita yang inilah tunggak kepada perancangan hala tuju kita yang akan datang.

TUAN SPEAKER : Y.B. panjang lagi,

Y.B. DATO' DR. HASAN MOHAMED ALI : Saya ingat dalam 10 minit lagi.

TUAN SPEAKER : Memandangkan yang ucapan tadi berisi, saya bagikan 10 minit lagi selepas waktu rehat ni. Kalau tak berisi saya potong terus ya.

Y.B. DATO' DR. HASAN MOHAMED ALI : Memang, berisilah saya harap. Macam Speakerlah berisi membuat keputusan tu.

TUAN SPEAKER: Ya, terima kasih. Baik, jam sudah 1.00 tengah hari maka saya tangguhkan Dewan hingga 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula. Dipersilakan Yang Berhormat Gombak Setia. Sepuluh minit seperti mana yang saya janjikan.

Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya cubalah untuk melimitkan kepada sepuluh minit, kok lebih pun seminit, begitulah. Saya nak pergi ke Batu Caves. Batu Caves telah menimbulkan serupa juga tadi Batu Caves telah menyentuh rasa saya tentang hal perancangan pembangunan ini agaknya lebih tepat iaitu tentang pelan perancangan yang syumul, realistik, perancangan yang *urban*, kemudian tu yang juga menyentuh tentang pelajar-pelajar di universiti yang patut diberikan *exposure*. Ini pun saya rasa ada kaitan langsung dengan ...

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, tentang *urban, urban* boleh saya kait saya tanyakan. Tuan Speaker kalau kita lihat pentadbiran di dalam kawasan di negeri Selangor kita ini terdapat dua kategori. Satu di bawah Majlis Perbandaran yang dianggap sebagai kelas pertama di segi pentadbiran kerana di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran ini banyak kemudahan-kemudahan, masalah rakyat nak diberikan perhatian dan peruntukan. Satu lagi pentadbiran di bawah Pejabat Daerah melalui Penghulu dan Ketua Kampung yang boleh disifatkan sebagai Kelas Kedua, Kelas Bawah kurang mendapat perhatian dan peruntukan dan ketinggalan. Oleh kerana di negeri Selangor ini dah tak banyak penduduk kampung, mereka ni dah masuk *urban* atau *semi urban*, tidakkah kemungkinan pentadbiran kedua-dua tempat ini di bandar dan di kampung ini atau *semi urban* ini diletakkan di bawah satu pentadbiran sahaja dalam mana peruntukan diberi secara saksama antara dua pihak ertinya tidak lagi menjadi dua kategori kedudukan. Kalau tidak kampung ini terus ketinggalan sebab peruntukan dia kecil dan dianggap sebagai Kelas Dua. Terima kasih.

Potong dua minit Tuan Speaker. Tambah dua minit.

Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI : Ok yang tentang itu saya rasa *arrangement* yang ada sekarang ini Yang Berhormat Bangi ya, saya rasa dah cantik dalam kawasan Perbandaran, PBT di luar Perbandaran Majlis Daerah dan sebagainya. Di luar daripada itu, kita ada Mukim, kita ada kampung, saya rasa dah cantik dah. Sistem *legacy* yang ditinggalkan oleh British kalau tuan-tuan tengok, saudara-saudara Pembangkang tengok ya, tradisi yang ditinggalkan oleh British, tradisi yang ditinggalkan oleh Belanda, tradisi yang ditinggalkan oleh Peranchis, tradisi yang ditinggalkan oleh Sepanyol mana-mana pun tradisi yang ditinggalkan oleh Inggeris itulah dari segi Perancangan Bandar, Perancangan Negeri adalah di antara yang terbaik di antara *modelity modelity* itu. Jadi sebab itu, kita tak bercadanglah saya rasa nak meminda sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Walau macam mana pun kita mengambil perhatianlah, kita mengambil perhatian dengan apa cadangan tersebut. Kang kalau tak ambil perhatian, kan tak tidur malam pulak. Jadi yang yang saya nak saya sebutkan, saya nak sebutkan seluruhnya kepada teman-teman yang menanyakan soal sihat di dalam bandar, soal keselesaan di dalam bandar, ada satu konsep namanya kehidupan yang segar atau dalam bahasa Inggerisnya *conviviality, conviviality*.

Conviviality ini makna hidup yang segar, bandar sepuluh tahun yang akan datang, tujuh belas tahun yang akan datang, isterinya segar, suaminya segar, anaknya segar, *neighbour hood* nya segar, kedainya segar, ekonominya segar, ini dipanggil *conviviality*. Dan dalam *conviviality* ini bandar ataupun negeri dikatakan *place for solace*. *Solace* ertinya kerehatan. Seronok kita, minum-minum teh, minum-minum teh limau, pandang-pandang isteri, pandang-pandang suami, senyum-senyum, lalu Sekinchan makan jagung, ha itu dia konsepnya. Yang kedua, dipanggil *place for companion ship*. *Companion ship* maknanya kita hendak hala tuju rancangan pembangunan negeri Selangor, kita hendak menggalakkan *companionism* ini. *Companionism* ini maknanya semangat nak berkawan, nak berkawan, nak berkawan, orang Cina berkawan dengan Melayu, orang Melayu berkawan dengan India maka akhirnya perpaduan Selangor ini dibandingkan perpaduan di Malaysia ini dah tujuh puluh, lima puluh tahun tak bergerak-gerak pembangunannya bahkan regresif pembangunannya kita hendak pembangunan Kesatuan Penduduk yang betul-betul progresif di bawah konsep *conviviality* ini. Kemudian itu *place for romance*, *romance* ini bukan-bukan, jangan maksudnya lelaki perempuan, anak muda, yang tua-tua pun *romance* jugak. Sijangkang ini boleh tahanlah saya tengok, apa ni bukan Sijangkang, Sekinchan minta maaf. Sijangkang pulak kena. Orang paling alim dalam Dewan ini kena. (Ketawa). Kemudian tu, *place for domesty city*, *domesty city* maknanya kita ni walaupun kita kaya tetapi hati kita seronok melihat orang miskin, kita nak bantu, kita kaya tak sombong, kita kaya tak mengasingkan diri, ini namanya *domesty city*. Kemudian itu, *place for neighbourliness*. *Neighbourliness* maknanya inilah masalahnya tahun 2023, saya harap Negeri Selangor ini di antara negeri yang paling ke hadapan dalam hal kejiranan ini. Apa erti kejiranan, konsep kejiranan yang definisi dan ditafsir semula dan di konsepsi semula sesuai dengan impian Selangor, negeri idaman, negeri sejahtera, negeri bahagia, negeri berkeadilan, ha itu dia. Kemudian itu akhirnya tentang di bawah *conviviality* ini dipanggilkan *place for civic life*. Itu yang dikatakan masyarakat madani, Hulu Klang melahirkan masyarakat madani bahkan Sekinchan pun ada menyebutkan tentang masyarakat madani, ini yang nak kita lahirkan. Dato' Seri Anwar Ibrahim rasa saya sudah hampir dekat dua puluh tahun, dah menulis pun mengenai masyarakat madani ini. Tetapi dia tulis dalam suasana UMNO, akhirnya orang UMNO tak faham, benda itu pun mati. Tetapi kalau ditulis dalam zaman kita sekarang ini, saya yakin idea itu akan diambil, DAP akan ambil, akhirnya kalau betul-betul UMNO akan ambil, MCA akan ambil, MIC akan ambil, yang tak ambil PPP sahaja. Kemudian yang berikutnya saya nak pergi yang berikutnya kepada Sekinchan. Sekinchan ini sistem pengangkutan awam saya pun dah sebutkan tadi, saya ingat tak perlulah. Sistem pengangkutan awam ini tak banyak berlaku di Sekinchan. Jadi kita terus Hulu Klang. Hulu Klang ini pembangunan insan. Saya nak sebutkan pembangunan insan ini, para pembangkang yang dimulihkan, di bawah UMNO dan Barisan Nasional, insan ini tak dianggap sebagai *walaqod holaqnal insana, fi ahsani takwim, thumma rodadnahu athalatha filin*. Insan daripada kajian yang terbaik tetapi atas sifatnya, tak sesuai dengan kehendak Allah diturunkan serendah-rendahnya. Jadi, dalam rancangan pembangunan 2025, walakod *holaqnal insana, fi ahsani takwim*, insan itu daripada kejadian yang baik-baik. Insan itu daripada kejadian yang Maha Agung, yang Maha Kudus ha ini, saya menyebutkan Kudus ini nanti orang kata Pak Kudus pulak, bukan, bukan, bukan. Ha. Kemudian saya nak menyebutkan soal yang disebutkan juga oleh Hulu Klang itu tadi tentang *New Liberal Capitalism*. Ini konsep ya, *new liberal capitalism* ini UMNO. Ini UMNO, kapitalis totok ini UMNO. Yang eksploitasi, *Capitalism* ini ada setengah orang mengatakan *exploitation*. Jadi, yang *exploitation* yang sebegini, kalau kita tengok kontraktor-kontraktor UMNO, pemimpin-pemimpin UMNO, bayangkan kita punya Eurocopter, mujurlah Eurocopter itu ditanggihkan. Orang Brazil beli Eurocopter itu setengah

daripada apa yang dibayar oleh Malaysia. Jadi, saya fikir orang UMNO tak bolehlah nak menuding jari kepada kita sebab kalau kita tengok pepatah orang-orang Cina mengatakan ikan itu busuk daripada kepalanya. Ha, itu dia. (Ketawa) ok . Kemudian saya nak pergi juga kepada konsep *civil society*, itu pun Hulu Klang sudah membangkitkan konsep *civil society* tadi. Tapi apa yang saya nak sebutkan dalam hal pembangunan insani paling tidak di Malaysia untuk tahun 2027 ini, 2025 apa yang nak kita nak promosikan ialah dari segi pendidikan lima perkara ini, mesti kita akan lakukan. Pertama ialah pendidikan diri, *self training, self development*. Kita hendak rakyat di Selangor ini akan berjumlah hampir 6 juta orang ini dalam saban masa, saban ketika memperbaiki diri, *self development, self teaching, self learning*. Yang kedua ialah yang dikatakan pendidikan yang formal, pendidikan yang formal daripada nursery, tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, universiti yang saya sebutkan KUIS misalnya UNISEL, INSPENS adalah di antara institusi-institusi yang mesti diperkasakan dalam kita nak mencapai matlamat 2025. Kemudian itu yang dikatakan sistem pendidikan yang informal. Informal ini ialah pendidikan daripada bapa kita, daripada emak kita, daripada Penghulu, daripada orang tua-tua, orang alim dan satu lagi ialah *family based informal education*. Ajaran-ajaran daripada emak bapa kita, dan saya menanggapnya sebagai orang-orang emak bapa kita ini orang yang ada *wisdom*, orang yang ada hikmah, orang yang ada kebijaksanaan dan bagi anak-anak yang bernasib baik, mereka akan mendapat pendidikan yang wajar daripada kedua-dua ibu bapa yang mempunyai kekuatan akhlah yang hebat seperti itu. Kemudian, yang akhirnya pendidikan melalui teladan. Ini adalah satu bentuk pendidikan, sebab itu bila disebutkan tentang teladan, pemimpin, saya sebagai pemimpin, Menteri Besar sebagai pemimpin, EXCO sebagai pemimpin, ADUN dan Ahli Parlimen sebagai pemimpin kita mesti menunjukkan contoh yang terbaik, akhlak yang terbaik. Zaman Nabi Muhammad S.A.W, kebanyakan orang-orang bukan Islam ketika itu, masuk Islam bukan kerana ajarannya, masuk Islam kerana pancaran akhlak yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad, para sahabat dan tabii-tabiinya. Jadi sebab itu orang-orang Islam, pemimpin-pemimpin mesti menunjukkan akhlak yang baik, akhlak dengan isteri, akhlak dengan anak, tak boleh bergaduh dengan isteri, tak boleh bergaduh dengan anak, akhlak dengan mertua, akhlak dengan bapa, akhlak dengan emak. Sebab itu tadi, Sri Muda ada mencadangkan supaya diadakan begitu juga Taman Medan mencadangkan supaya diadakan kursus-kursus khas Kursus Keibubapaan, Kursus Kekeluargaan. Saya yang dulu-dulunya pernah terlibat selama tiga puluh tahun dalam kursus-kursus yang sedemikian dah tulis dah 41 buah buku dah saya tulis tentang hal-hal yang sedemikian, barangkali ini adalah di antara resipi, *syllabus*, kurikulum yang mesti di *apply* kan kepada keluarga Cina, keluarga India, keluarga Melayu dan kita mesti melahirkan satu bahan yang sesuai untuk semua. Dan saya nak mencadangkan kepada EXCO, Insya-Allah saya dah berbincang dengan Y.B EXCO kita daripada Kota Anggerik , kita dah bincang, macam mana caranya kita nak melahirkan satu kekuatan keluarga kita dengan memberikan penekanan kepada pimpinan keluarga kepada pendidikan kekeluargaan. Kemudian yang akhirnya, kita nak kepada Paya Jaras. Paya Jaras tadi, inilah masalahnya, susah nak saya katakan Paya Jaras ini. Dia katakan saya kenapa tak sembahyang asar dekat sini, dah tahu nak ada banjir, dah tahu hujan, dah tahu jalan itu akan jem, ha inilah masalahnya. Saya keluar daripada sini sebelum asar lagi, keluar daripada sini, kerana jemnya dua jam setengah. Dan saya pun tak tahu jalannya begitu tapi saya nak sebut perbincangan ini hala tuju ini bukan cerita sembahyang asar, sembahyang maghrib, sembahyang isyak' ni, bukan itu dia. Tapi itu penting, itu penting, jangan silap pula, bukan saya mengatakan sembahyang itu tak penting, penting. Tapi kita membincangkan dalam konteks perancangan pembangunan. Bukan ambil tadi itu, nak mainkan nak politikkan apa yang saya katakan, bukan itu dia. Jadi Paya Jaras pun tak berapa ada di sini, Sg Panjang

pun tak pernah ada, Sri Serdang pun memang tak pernah nampak, Air Tawar tak manis-manis airnya, nak mengacau air sekarang ini. Dan begitu Sementa langsung hilang, langsung hilang, Sementa entah di mana, saya tak tahulah Sementa. Ok, kemudian yang Rawang merakyatkan ekonomi Negeri Selangor sudah saya sentuh tadi *skill based* dan *knowledge based*. Subang Jaya, pendengaran awam, saya dah ulas. OKU dan sebagainya, kekurangan tempat letak kereta. Satu lagi saya hendak mengakhiri Tuan Pengerusi dalam masa satu dua minit lagi, dia ada satu konsep lagi iaitu *urban regem theory*. *Urban regem theory* ini ialah melihat segala kemudahan-kemudahan, kemudahan-kemudahan awam yang dikatakan tadi dalam *gated community*, *garded community* dan sebagainya dan berbagai-bagai lagi kemudahan yang disalurkan kepada satu sumber, ha disalurkan kepada satu sumber untuk tujuan-tujuan koordinasi disebutkan sebagai *urban regime theory* dan teori ini dari segi falsafahnya mempunyai kebaikan-kebaikan dan kalau dapat diubahsuai mengikut kehendak, mengikut suasana untuk perancangan negeri Selangor tahun 2025 khususnya, barangkali sebagai idea daripada *urban regime theory* ini dapat digunakan. Dan Teluk Datuk saya rasa tak masuklah Teluk Datuk, kontraktor kelas F ini kita dah bincang dalam bajet, Sri Muda pun tadi mengemukakan soal-soal tentang hal-hal bajet, Teratai pun saya rasa tentang hal-hal mengenai bajet. Apa pun saya nak mengakhirkannya Tuan Pengerusi ya, Tuan Speaker supaya yang pertama sekali saya nak buat item sahaja. Rancangan pembangunan, hala tuju rancangan pembangunan 2025 ini adalah merupakan perancangan *supra*. *Supra planning development*. *Supra planning and development for the purpose of us* letakkan satu batu asas yang kukuh bagi kita menggerakkan pembangunan Selangor ini supaya lebih terancang. Dan saya nak ulang yang kedua, satu-satunya negeri yang adanya perancangan hala tuju yang sedemikian ialah Negeri Selangor. Boleh *check* negeri-negeri yang lain. Negeri-negeri lain pun sudah saya semak belum ada lagi perancangan yang dibuat dengan kita membuatnya dengan kata-kata mereka, mereka akan ikut kita punya format. Macam mana caranya mereka akan ikut untuk menjadikan hala tuju perancangan ini di negeri masing-masing. Nombor tiga saya nak sebutkan. Perancangan inilah perancangan jangka panjang. *Long terms*. *fifteen years, seventy years is a long terms* dan kita akan masukkan sebahagiannya dalam Rancangan RSN 2020 dalam rancangan penempatan khas, dalam rancangan tempatan, penempatan, tempatan PBT-PBT dan sebagainya. Dalam rancangan-rancang fizikal, fizikal *national development* dan sebagainya. Seluruhnya akan disalurkan dalam bentuk rancangan yang rancang hala tuju rancangan pembangunan, rancangan pembangunan 2025 ini akan menjadi payung utama kepada perancangan-perancangan itu. Saya sebutkan tadi, bila dia jadi payung utama saya harap JKK peringkat yang paling rendah, JKKK harus menyusuri perancangan ini. Yang tinggi mukim, penghulu, harus menyusuri perancangan ini. Yang lebih tinggi lagi Majlis Daerah ketuanya harus menyusuri perancangan ini. Yang tinggi lagi PBT semua Dato Bandar Dato Bandar, semua YDP-YDP, semua setiausaha-setiausaha, Timbalan-Timbalan YDP harus dapat bersedia menyediakan *mental prepare Ned, mindset* yang baik untuk kita sama-sama memikul tanggungjawab bagi kita meletakkan batu asas yang kukuh kepada perancangan pembangunan 2025 ini.

Yang Kelima, perancangan pembangunan jangka panjang ini menghendaki seluruh tenaga, seluruh tenaga ini maksudnya *resources, animaid an animaid* yang bernyawa dan tidak bernyawa seluruh nya digabungkan tenaga di bawah pimpinan Tan Sri Dato' Menteri Besar bersama-sama kita EXCO dan sebagainya untuk mengangkat martabat perancangan pembangunan supaya tujuh belas tahun daripada sekarang kita meletakkan satu batu asas yang kukuh kepada *generasi* yang akan menggantikan kita. *The next generation* yang akan menggantikan kita pada masa akan datang. Yang

Keenam yang ingin saya sebutkan bahawa perancangan pembangunan ini tujuh belas tahun yang akan datang 2025 ini sudah tentunya menghendakkan *resources-resources*. Sebab itu saya sangat bersetuju untuk membincangkan *alternatif resources*. Saya sangat bersetuju untuk membincangkan *renewble resources*, saya sangat bersetuju untuk membincangkan sumber-sumber lain, sumber –sumber yang akan datang sebagaimana Tan Sri selalu menyebutkan, Tan Sri Menteri Besar selalu menyebutkan, sumber-sumbernya mestilah datang daripada sumber akliah. Bagaimana kita dapat fikir, berfikir, berfikir macam kerajaan Singapura, macam kerajaan-kerajaan yang lain di Eropah dan sebagainya yang *simingly the don't have resources and yet* dia menjuarai pembangunan, dia menjuarai perancangan pembangunan dalam dunia ini. Jadi yang keenam yang saya nak sebutkan daripada inti daripada apa yang saya persembahkan tadi, saya nak memberikan satu peringatan. Bahawa dari segi manusianya perancangan pembangunan insannya akan Insha-Allah di rancangkan di antara manusia dengan tuhan, antara manusia dengan manusia, antara manusia dengan alam, alam persekitaran, alam semula jadi dan sebagainya. Manusia yang kita rancangkan itu hasil daripada perancangan tujuh belas tahun 2025 ini akan lahir manusia yang akan berada di satu *the higher level of humanity, the higher level of humanity in terms of akhlak, interm of morallity*. Apa sifatnya, bersyukur. Saya teringat satu hari lepas EXCO Tan Sri Menteri Besar bagi tahu, macam mana kita nak lahirkan orang. Orang yang dah ada dia menolak. Nak bagi pada dia, dia menolak. Berilah kepada mereka yang tidak berada. Ini namanya Qanaah. Qanaah namanya. Macam mana kita nak beri *for higher level, higher development of morallity ini, higher values* ini yang mesti ada pada masyarakat Negeri Selangor. Tak kisah bangsa, tak kisah keturunan, tak kisa agama mestilah ada *higher values* ini. Kemudian seperti redha, seperti taat, seperti Qanaah, seperti tawakal, seperti sabar, seperti ikhlas dan jujur, seperti taubat. Ini adalah merupakan *higher values* yang sama-sama kita akan terajui dan saya berharap insya-Allah supaya mudah-mudahan supaya Allah SWT memberikan kekuatan kepada kita dan kekuatan kepada semua. Mari kita jadikan negeri Selangor ini negeri yang seronok diduduki, negeri yang seronok didiami, negeri yang aman, sejahtera, negeri yang berkebakikan. Sebagaimana Allah SWT telah memberi tahu kita kalau kita tidak jaga Negeri Selangor ini apa dia kala (**ayat Al-quran bahasa Arab**). *Jika sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, mestilah kami melimpahkan berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka yang mendustakan kami, kami akan seksa disebabkan perbuatan mereka*. Saya mengakhirkannya dengan memetik satu *phrase* daripada apa yang diucapkan oleh Tan Sri Dato' Menteri Besar semasa membentangkan bajet nak menjadikan negeri Selangor ini “ *Baldatun toiibatun warrabur gaffur*” negeri yang aman, negeri yang sentosa, Allah mengampunkan pimpinannya, Allah mengampunkan pegawai-pegawainya, Allah mengampunkan penduduknya, Allah mengampunkan yang miskin, Allah mengampunkan yang muda, Allah mengampunkan yang tua. Inilah matlamat kita. Tidak lain dan tidak bukan untuk mendapat reda dan pengampunan Allah SWT. Maka dengan itu saudara Speaker saya mengakhiri ucapan saya dan kita mengharap dan berdoa ke hadrat Allah SWT dilimpahkannya segala yang terbaik kepada negeri kita dan di atas pundak kitalah letaknya amanah, letaknya kekuatan, untuk menjunjung dan memartabatkan negeri Selangor ini mengikut titah perintah Allah SWT. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi “ bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan hala tuju perancangan pembangunan negeri Selangor 2025 yang dibentangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Ahli-ahli Yang

Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Mesyuarat seterusnya usul cadangan pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bahawasanya mengikut perenggan dua peraturan-peraturan tetap 69 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor membuat ketetapan meminda peraturan-peraturan tetap Dewan Undangan Negeri Selangor seperti draf cadangan kertas Mesyuarat bilangan 22 tahun 2008.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong dan mengikut perenggan dua peraturan tetap 69 usul ini tidak perlu dibahaskan lagi dan dikemukakan masalah ini kepada mesyuarat untuk keputusan sehingga Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan menyediakan penyata kepada Dewan berhubung cadangan pindaan tersebut. Oleh itu usul ini diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan untuk mengkaji dan membincangkannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini satu usul yang berbunyi “ bahawasanya mengikut perenggan dua Peraturan Tetap 69 bagi Dewan undangan negeri Selangor membuat ketetapan meminda peraturan-peraturan tetap Dewan Undangan Negeri Selangor seperti draf cadangan kertas mesyuarat bilangan 22 tahun 2008. “ Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Mesyuarat seterusnya usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kampung Tunku.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin berdiri di bawah Peraturan-peraturan Tetap 26(1) membawa satu usul yang berbunyi “ Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri mengambil langkah memulihkan pilihan raya untuk semua kerajaan tempatan di Negeri Selangor. Tuan Speaker, pilihan raya kerajaan tempatan merupakan manifestasi, demokrasi yang paling asas dan kerajaan tempatan merupakan unit pentadbiran yang paling penting untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Negeri. Adalah amat penting untuk kerajaan tempatan di pilih oleh rakyat melalui pilihan raya demi untuk membantu Kerajaan Negeri.”

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat. Yang Berhormat sebagai pembawa usul kena perkenalkan apa usul itu Yang Berhormat ingin bawakan untuk kelulusan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, ya, usul yang saya bawakan di bawa ialah di bawah peraturan tetap 26(1) yang berbunyi “ bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri mengambil langkah memulihkan pilihan raya untuk semua kerajaan tempatan di Negeri Selangor.” Inilah usul yang dibawa dan hujah-hujah yang ingin saya bawa ialah seperti berikut. Tuan Speaker, pilihan raya kerajaan tempatan

merupakan manifestasi, demokrasi yang paling asas dan saya juga menyebut bahawa adalah amat penting untuk kerajaan tempat dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya untuk membantu kerajaan Negeri Selangor memulihkan keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan di Negeri Selangor. Malangnya pilihan raya ini telah di mansuhkan pada 1 Mac 1965. Perdana Menteri Malaysia pada masa itu Allahyarham Tunku Abdul Rahman pernah berjanji di dewan rakyat, bahawa pilihan raya kerajaan tempatan akan dipulihkan sebaik sahaja keamanan dipulihkan selepas konfrontasi. Dan di sini saya ingin memetik apa yang dinyatakan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman pada hari itu di dewan rakyat. Izinkan saya bacakan teks melalui *handsard* dalam bahasa Inggeris “ *As soon as this peace and quietness has return we will made pays all properation for the local council election*”. Ini adalah apa yang disebutkan oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman melalui *hansard* Dewan Rakyat 1 Mach 1965. Malahan satu suruhanjaya diraja juga telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada akhir 1960an untuk memperbaiki pentadbiran Kerajaan Tempatan dan antara syor-syor yang terkenal ialah ataupun yang terpenting daripada suruhanjaya diraja ini ialah untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan. Malangnya sehingga sekarang selepas empat puluh tahun pilihan raya Kerajaan Tempatan tidak pernah dipulihkan. Hakikatnya pentadbiran Kerajaan Tempatan semakin merosot sehingga rakyat kehilangan keyakinan terhadap Kerajaan Tempatan. Oleh itu kerajaan Pakatan Rakyat yang ada pada sekarang memikul satu tugas yang cukup berat untuk memulakan lembaran baru untuk Kerajaan Tempatan. Sekurang-kurangnya kita bermula di Selangor, iaitu kita berusaha memulihkan keyakinan orang ramai terhadap Kerajaan Tempatan di Selangor dan memberikan kuasa kepada rakyat untuk memilih ahli-ahli majlisnya. Saya adalah difahamkan terdapat halangan perundangan seperti yang termaktub dalam seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976. Iaitu walau apa juga yang berlawanan yang terkandung dalam man-mana undang bertulis, semua undang-undang berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah terhenti berkuat kuasa atau mempunyai kesan. Saya ingin menerangkan juga di sini, bahawa Seksyen 4A senarai negeri, jadual kesembilan perlembagaan persekutuan telah menerangkan bahawa bidang kuasa pentadbiran tempatan termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan sebenarnya merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan juga telah menerangkan bahawa perlembagaan ialah undang-undang utama persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas hari merdeka yang tidak selaras dengan perlembagaan ini adalah tidak sah. Setakat ke tidak selaraskan itu. Maka di sini timbul persoalan sama ada peruntukan seksyen 15 (1) Akta Kerajaan Tempatan Tahun 1976 ini sah ke atau tidak. Kerana ia dibincangkan dengan perlembagaan persekutuan. Tambahan lagi, kalau kita melihat perkara 761 (A) (B) perlembagaan persekutuan kita yang menyatakan lain bahawa kuasa untuk menetapkan antara lain untuk menetapkan kuasa parlimen untuk membuat undang-undang bagi negeri-negeri dalam hal-hal tertentu. Iaitu parlimen hanya boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam senarai negeri. Tetapi hanya seperti yang berikut sahaja. Iaitu A - ini ialah 761(a) bagi maksud melaksanakan apa-apa *treaty*, perjanjian, atau konvensyen antara persekutuan dengan mana-mana negara lain, atau apa-apa keputusan sesuatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh persekutuan. Atau b ini ialah 761(b) bagi maksud menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua negeri atau lebih. Atau dia ada satu lagi sub-seksyen c. Jika diminta sedemikian oleh dewan undangan mana-mana negeri jadi di bawah peruntukan 76 ini parlimen hanya boleh menetapkan undang-undang untuk negeri kalau ada syarat ketiga-tiga syarat di bawah. Ujudnya ketiga-tiga syarat di bawah. Salah satu. Jadi dalam kes ini adalah jelas perkara 761(a) dan (b) tidak boleh diguna pakai kerana ia nya tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan kita hari ini. Apa

yang tinggal ialah peruntukan-peruntukan perkara 761 (c) di mana parlimen hanya boleh membuat undang-undang mengenai perkara apa-apa yang disebut satu persatu dalam senarai negeri jika diminta sedemikian oleh Dewan Undangan Negeri mana-mana negeri. Adakah Dewan Undangan Negeri Selangor atau mana-mana negeri telah bersidang meminta Parlimen pada tahun 1965 untuk meminta semua negeri semasa pilihan raya Kerajaan Tempatan dimansuhkan melalui Seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 ini. Jawapannya tidak, dan saya berharap Kerajaan Negeri dapat meneliti perkara ini secara spesifik dan menetapkan agenda kita untuk memula langkah memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, kerana perlembagaan telah memperuntukkan dengan jelas Pilihan Raya Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan bukan Persekutuan.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyatakan bahawa kita tidak ambil mudah dalam kes ini, kemerdekaan Malaysia bermula dengan sistem alih atau *member sistem* dengan izin, ini diperkenalkan oleh British, kemudian British telah membawa Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di merata-rata tempat di Malaya, di George Town, di Ipoh di Kuala Lumpur malahan Dewan Pemilihan Majlis Tempatan Kuala Lumpur yang memperlihatkan pergabungan di antara UMNO dan MCA pada masa itu yang membawa kepada Barisan Nasional yang ada sekarang.

Dengan cara-cara yang berperingkat ini, Malaya pada pertengahan tahun 1950an telah mampu membina lapisan pemimpin tempatan yang kemudiannya membawa Malaya ke arah *Soft Government* dan kemudiannya mencapai kemerdekaan. Jadi asal usulnya sistem politik kita sebenarnya bermula dengan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Selama ini Pilihan Raya Kerajaan Tempatan merupakan implementasi prinsip demokrasi yang paling asas di peringkat akar umbi, kini rakyat Malaysia telah kehilangan hak berdemokrasi yang paling asas ini.

Kesan-kesan pun yang amat ketara kerana rakyat amat bergantung kepada ahli-ahli majlis sebenarnya untuk menguruskan masalah tempatan mereka, malangnya ahli-ahli majlis kita yang dahulu tidak memegang sebarang mandat daripada rakyat pada halnya kedudukan dan tanggungjawab mereka sangat penting dan cukup berat. Hakikatnya kalau kita lihat sekarang di Malaysia kita ada ADUN, ada Ahli Parlimen longkang yang perlu mengambil tugas ahli-ahli majlis untuk 40 tahun yang lalu. Apabila khususnya Selangor diletakkan di bawah Barisan Nasional, ahli-ahli majlis semasa zaman BN tidak membuat kerja mengambil gaji buta, tapi kerja dilakukan oleh ADUN dan Ahli Parlimen daripada pembangkang.

Tuan Speaker, saya juga ingin mengingatkan kepada Dewan yang mulia ini kita ada satu pepatah Inggeris yang menyebut dengan izin *No tax position without representation* atau kalau kita terjemahkan dalam Bahasa Malaysia bermaksud tiada percukaian tanpa perwakilan. Kita bayar cukai kepada kerajaan tempatan tapi rakyat tidak mempunyai hak untuk memilih wakil mereka di dalam kerajaan tempatan. Saya rasa saya tidak perlu menerangkan secara terperinci apa maksud pepatah ini, tapi inilah prinsip atau semangat yang kehilangan di Malaysia ini.

Tuan Speaker, rakyat menaruh harapan yang menggunung tinggi kepada Kerajaan Pakatan Rakyat untuk menjadikan PBT di Selangor lebih berdaya maju, dan responsif terhadap keluhan dan masalah rakyat. Pilihan Raya Kerajaan Tempatan kebetulannya sebenarnya memberi peluang kepada kita untuk membantu melicinkan pentadbiran kerajaan tempatan. Kini ahli-ahli majlis telah dilantik mereka sudah bekerja, ada yang

bekerja dengan tekun, di peringkat akar umbi, saya juga mendapati tanggungjawab dan tugas mereka adalah sangat berat, dan saya bersimpati dengan mereka kerana elaun yang mereka terima tidak setimpal dengan tugas yang disandang mereka. Pada masa yang sama saya juga mendapati untuk PBT-PBT tertentu adalah amat sukar untuk menaikkan elaun ahli majlis, bukan sahaja PBT kekurangan sumber kewangan, tetapi ahli-ahli majlis tidak memegang mandat daripada rakyat. Ini adalah satu delima, dan delima ini hanya boleh diselesaikan kalau kita adanya Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, di mana ahli-ahli majlis boleh dipilih melalui pilihan raya seperti kita, yang boleh duduk bersidang di sini, membawa masalah rakyat kerana ahli-ahli majlis kalau dipilih melalui Pilihan raya mereka merupakan ahli majlis yang memegang mandat, maka mereka wajarlah diberi elaun yang lebih tinggi, mudah-mudahan elaun ini boleh membolehkan mereka bekerja sepenuh masa.

Saya juga memohon kepada kerajaan supaya kita meneliti perkara ini, kita membuat kajian khususnya kajian-kajian terhadap halangan dan rintangan yang saya sebutkan tadi, kita juga boleh merangka antaranya strategi-strategi dan langkah-langkah untuk membolehkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Saya juga berharap perbincangan harus diteruskan dan dikekalkan dengan ketua-ketua Kerajaan Negeri yang lain untuk berbincang bagaimana kita boleh memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Saya juga dapati ada di kalangan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri daripada Barisan Nasional yang begitu beridam, beria-ia untuk menjadi ahli majlis seperti Yang Berhormat Sungai Burong dalam ucapannya pernah beberapa kali menyebut tentang pilihan raya tentang Ahli-Ahli Dewan Undangan negeri dimasukkan ke dalam ahli majlis. Saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat

Y.B. TUAN MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, boleh saya minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya.. bagaimana Kampung Tunku.

YB. TUAN LAU WENG SAN : Ayat saya terakhir, nanti. Yang Berhormat Sungai Burong boleh mengambil bahagian dalam ucapan, ini adalah ayat saya yang terakhir, kalaulah Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional begitu ingin sangat untuk menjadi ahli majlis sokonglah syor usul saya ini, supaya pilihan raya boleh dibolehkan kalau Yang Berhormat peminat Yang Berhormat boleh mengambil bahagian dalam pilihan raya dan Yang Berhormat boleh masuk dalam ahli-ahli majlis malahan kalau bilangan Ahli Parlimen atau ahli majlis Barisan Nasional mencukupi boleh membentuk kerajaan di tempatan. Jadi itulah antara syor yang saya ingin kemukakan kepada rakan-rakan kita di dalam dewan yang mulia ini. Saya harap usul ini boleh diterima dan sekian saya mencadangkan.

Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. TUAN MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Boleh Tuan Speaker, saya minta laluan.

TUAN SPEAKER : Nak minta laluan, Lain kali kalau Speaker cakap tu, tunggulah.. kita belum habis cakap dah sambung-sambung dah..ha.. silakan..

Y.B. TUAN MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mendapatkan penjelasan sebab tadi telah disebut Sungai Burong dalam isu ini,

sedarkan Kampung Tunku, bahawa apa yang saya bangkitkan mengenai isu ini ialah kerana memberi hak siapa dalam pilihan raya yang ada sekarang ini, oleh sebab dipilih oleh rakyat, maka dia harus diberi suara yang lebih. Jadi mereka seharusnya diberikan hak mengikut undang-undang yang ada sekarang, ha itu dia. Sebab undang-undang yang sekarang meletakkan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan adalah di bawah Pihak Berkuasa Negeri dan kerana itu adalah sewajarnya bahawa wakil rakyat yang dipilih diberikan juga hak kedudukan dalam majlis itu, jadi ini dari prinsip yang saya perkatakan.

Dan untuk penjelasan yang kedua supaya kita masuk pilihan raya sekiranya ada peruntukan pilihan raya Insha-Allah Barisan Nasional akan bertanding dalam pilihan raya, tapi saya suka membangkitkan perkara ini kerana pada masa ini bahawa apa yang kita bincangkan ini adalah di bawah perkara Persekutuan, kalau nak pinda kena pinda dulu Undang-Undang Persekutuan Akta 171, jadi kita berbahas kat sini, saya rasa kita hanya menyatakan hasrat sahaja dan membazirkan masa. Adalah lebih baiknya Ahli-Ahli Parlimen yang telah dipilih menyuarakan di dalam Parlimen mengenai isu yang dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, lain kali saya bagi peluang minta penjelasan, minta penjelasan, kalau nak berhujah nanti, berbahas la..

Y.B. TUAN MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih. Tuan Speaker, kadang-kadang *break* ni bila ditekan dia terlajak sikit, tapi tak sampailah lampu merah,

TUAN SPEAKER : Bukan caranya, kenalah betul, bukan, kalau nak cabar bidang kuasa ni bangun berbahas, gunakan peluang yang diberikan bukan minta penjelasan begini, itulah saya katakan saya bagi peluang untuk semua orang tapi jangan salah gunakan peluang yang saya berikan, saya bukan tak bagi tuan bercakap, ini pun tak faham pun, susahlah saya. Sila duduk. Terima kasih. Silakan. kalau nak jawab.

YB. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih juga kepada Tuan Speaker kerana tegurannya saya rasa kita kena terima dengan hati yang terbuka, cuba saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Sungai Burung, saya tidak bersetuju kalau kita katakan perkara ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan kita sebagai ADUN kita yang duduk di Kerajaan Negeri ini tidak ada hak, saya rasa ini adalah satu kenyataan yang saya tidak boleh setuju, kita ada hak Kerajaan Tempatan terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri malahan ianya seperti yang diterangkan oleh saya tadi.

Peruntukan Perlembagaan juga menyatakan bahawa ianya terletak di bawah pentadbiran negeri mengapa kita tidak ada hak bersuara berbincang mengenainya. Ini bukan sesuatu yang membazirkan masa, ini ialah sesuatu yang melibatkan kebajikan seluruh rakyat Selangor 5 juta orang bukan sedikit. Yang Berhormat saya juga ingin memaklumkan bahawa apabila kita membincangkan perkara ini di Dewan yang mulia ini adalah satu cara macam mana kita membawa perkara ini supaya ia boleh diteliti oleh kerajaan dan kita akan lihat macam mana kita boleh berusaha ke arah itu.

Tentang sama ada ADUN boleh mempunyai hak untuk duduk di dalam ahli majlis sebagai ahli majlis atau tidak saya rasa mitos ataupun kepercayaan bahawa akan mempertingkatkan prestasi kerajaan tempatan itu adalah bukan sesuatu yang *fixed* ya, yang tetap, sebab di negeri-negeri yang lain semua negeri-negeri seperti Selangor,

ADUN-ADUN dahulu boleh duduk di dalam majlis tempatan bukan semua, setahu saya hanya di Selangor dan juga mungkin negeri yang tertentu sahaja. Tapi prestasi Kerajaan Tempatan di negeri Selangor dan negeri-negeri lain hampir sama sahaja, ini bermakna kita telah kehilangan satu mandat, apa yang dikatakan saya tadi adalah mandat, mandat itu yang dipegang oleh ahli majlis kalau mereka dipilih melalui pilihan raya, dan mandat ini adalah diperlukan kerana ahli-ahli majlis bertanggungjawab kepada rakyat tidak seperti sekarang ahli-ahli majlis dilantik bertanggungjawab kepada *political* bos, bos politik mereka bukan kepada rakyat.

Jadi saya rasa bersyukurlah kerana kalau semenjak kita mengambil alih tampuk pentadbiran kerajaan Negeri Selangor kita telah melantik ahli-ahli majlis dan ada datang di kalangan NGO, ada yang bekerja dengan kuat, saya tidak boleh menafikan ada segelintir yang prestasi mereka di bawah, tidak memuaskan hati tapi kebanyakannya mereka adalah *under grown* dan saya rasa itu adalah sesuatu yang kita telah lakukan untuk membolehkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan tempatan, tetapi apa yang diperlukan lagi untuk jangka masa yang panjang ialah kita perlu memberikan orang kata '*the third vote*' undi ketiga kepada mereka.

Ini adalah sesuatu yang pernah berlaku di negara ini, kini kita telah kehilangannya dan usaha kita ialah memulihkannya, ini bukan sesuatu yang baru Yang Berhormat, 40 tahun yang lalu Pilihan Raya Kerajaan Tempatan pernah diadakan mungkin pada masa itu Yang Berhormat belum membuang undi di peringkat majlis tempatan, tetapi itu adalah apa yang telah berlaku pada masa itu, dan saya rasa adalah muktamad untuk kita bangkitkan perkara ini di mana-mana sahaja yang kita boleh, bukan kerana Dewan ini Dewan Negeri kita tak ada kuasa untuk bincang itu, tak ada kuasa untuk bincang ini, jadi kita buat pilihan raya pilih ADUN untuk apa? ADUN, Ahli Parlimen dipilih kerana mereka mewakili rakyat untuk membangkitkan perkara-perkara yang melibatkan bidang kuasa mereka di peringkat-peringkat majlis ini di dewan ini, jadi itulah apa yang kita

Y.B. TUAN MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker boleh dapatkan penjelasan.

TUAN SPEAKER : Nanti dulu, duduk dulu,

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Bangi minta penjelasan..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker saya sudah habis, saya rasa itulah yang ingin saya ucapkan dan saya beri peluang kepada rakan-rakan yang lain untuk memberi hujah mereka. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Tunggu dulu, tunggu dulu, duduk, pembawa usul dah bawa usul jadi, ikut peraturan kena ada penyokong bukan tanya soalan, ada penyokong ini, ya.. Kota Damansara, menyokong.

Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Tuan Speaker, saya ingin menyokong usul Kampung Tunku. Ingin berpendirian bahawa menjadi hak rakyat untuk mengundi ahli-ahli majlis tempatan seperti di Majlis Daerah, Majlis Bandaran ataupun Dewan Bandar Raya, Majlis Perbandaran kerana tindakan Majlis Tempatan melibatkan kehidupan mereka khususnya dari segi kebersihan, kutipan cukai, mengeluarkan lesen, perumahan, perniagaan, perindustrian, pertanian. Seperti yang dikatakan tadi rakyat

yang membayar cukai berhak menentukan masa depan mereka, kini rakyat tempatan menjadi mangsa oleh tindak tanduk Majlis Tempatan.

Pengundian ahli-ahli Majlis Tempatan bukanlah perkara baru seperti apa yang diperkatakan Kampung Tunku sudah wujud 1952 lagi, zaman British lagi, pada 1955, sudah wujud 250 Majlis Tempatan dan Luar Bandar, tetapi pada 1965 pihak majlis tempatan dibatalkan dengan alasan konfrontasi seperti yang disebutkan tadi, lebih penting lagi kerana kerajaan masa itu, ingin merampas balik kuasa Majlis Tempatan kerana pada masa itu boleh katakan keseluruhannya ditadbirkan oleh pembangkang dan masyarakat ataupun golongan kiri, khususnya *sosial france (kurang jelas)*.

Seterusnya pemilihan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada masa itu, menganugerahkan jawatan ini kepada kroni-kroni mereka, sahabat handai, keluarga dan siapa sahaja yang dia ingin membalas budi, maka timbullah masalah di mana ahli majlis ini tidak bertanggungjawab pada rakyat tempatan kehendak rakyat, bermakna juga mereka hanya mengikut perintah parti mereka bukan mengikut kehendak mereka akhirnya berlakulah apa kita nampak seperti penyelewengan, keangkuhan, pecah belah, pecah amanah, kurang cekap dan rebutan antara satu dengan lain untuk mendapatkan projek yang besar-besar dan ini sumber keuntungan. Maka itu juga, kita dapat melihat bahawa rakyat menjadi mangsa seperti kutipan sampah yang tak betul, pengeluaran lesen dilambat-lambatkan mengikut orang-orangnya sahaja, pembangunan yang tak tersusun, tidak mengikut *Local Agenda 21* aduan yang tidak dilayan, dan lain-lain lagi.

Tuan Speaker, pada Mac, 8, 2008, kuasa rakyat telah menentukan haluan untuk 5 Kerajaan Negeri termasuk 1 Wilayah dan tugas kita adalah untuk memperkasakan lagi rakyat, memberi peluang untuk mereka melibatkan diri dalam pembangunan di sekitar tempat kediaman mereka supaya pandangan mereka dapat didengari kerana pengalaman saya baru-baru ini pun juga ada masalah apabila suatu projek naik, rakyat tidak dirunding maka timbullah masalah di mana kita terpaksa membuat apa yang dipanggil *damage control* dengan izin. Pilihan Raya Majlis Tempatan ini juga akan menjamin tuntutan rakyat diutamakan, suara rakyat didengar, demokrasi diperjuangkan dan kita berjanji pada masa pilihan raya bahawa kita akan usahakan untuk mendapatkan untuk pilihan raya Majlis Tempatan. Kalau tidak kita berbalik kepada takuk lama dan pasti akan berlaku. Walaupun akan timbul percanggahan antara apa yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri dengan Persekutuan, pada kami ini adalah secara teknikal kerana teknikal kita boleh gerakkan Majlis Tempatan di tempat di mana Pakatan Rakyat telah menguasai. Dan saya percaya telah dikatakan bahawa kita bayar cukai, kita menentukan hak haluan pembangunan dan juga tuntutan kita.

Rumusannya Tuan Speaker, kami syorkan untuk mengadakan Pilihan Raya Majlis Tempatan. Dengan ini kami berharap bahawa rakyat dapat menikmati apa yang dikehendaki di dalam kawasan-kawasan masing-masing. Tidaklah mengemis, tidaklah merayu-rayu dan kerana Ahli Majlis tidak bertanggungjawab pada diri mereka. Semoga Kerajaan Negeri menjadikan Pilihan Raya Majlis Tempatan sebagai satu realiti. Terima kasih.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih, Tuan Speaker. Kajang ingin menyokong usul daripada Y.B. yang mengusulkan iaitu daripada Kampung Tunku iaitu kita nampak seperti yang dinyatakan selalu oleh Tuan Speaker juga, dulu-dulu, sekarang-sekarang. Kita nampak, dulunya, dulunya campuran, campur tangan politik dalam pelantikan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan memang mereka yang mengongkong, mengongkong dan juga memonopoli dan mengaut kekayaan yang ada pada negeri kita dan khususnya ya ada projek-projek, tender-tender semuanya mereka monopoli dan mengaut untung. Jadi keadaan ini kita sudah, itu sudah dulu. Jadi yang dulu kita bangkitkan untuk mengingatkan kita. Jadi sekarang dah lain. Sekarang kita sudah nampak kerajaan baru selepas baru selepas pilihan raya kita sudah nampak perubahan yang jelas sekali, yang memang prihatin pada rakyat dan juga memberi peluang pada rakyat untuk mengambil bahagian dalam keputusan kerajaan. Kita kata selalu pihak NGO sentiasa menegaskan iaitu dengan izin iaitu *empowerment*. Di mana kuasa diberi pada rakyat untuk membuat keputusan.

Dulunya ada dikatakan *off the people we are the government of the people by the for the people but now we add another one back to the people*, ia dengan izin. Iaitu kita sekarang kembalikan kuasa itu pada rakyat. Dalam keadaan ini kita sudah nampak seperti pengusul tadi menyatakan kita ada rintangan-rintangan kita hadapi kerana ada akta-akta yang menindas rakyat daripada Persekutuan. Jadi apa yang kita buat selepas kita mengambil alih beberapa negeri khususnya di Negeri Selangor, kita telah melaksanakan dasar di mana kita ada satu peralihan, peralihan di mana kita akan sampai ke satu masa bila tibanya pemilihan pada peringkat PBT, maka, maka ia akan ada satu kesinambungan yang begitu licin. Iaitu waktu peralihan sekarang ini kita melaksanakan satu-satu dasar di mana walaupun Ahli Majlis belum, belum dipilih tetapi ia sudah dikembalikan kuasa kepada rakyat. Ia dianggotai oleh sebahagian daripada ahli politik dan sebahagian daripada NGO yang mewakili rakyat dan juga profesional-profesional yang memang boleh membantu dalam membuat keputusan.

Jadi dengan keadaan peralihan ini, kita merayu pada kerajaan kita dalam peralihan, proses peralihan selanjutnya kita boleh adakan satu *road map*, dengan izin. Satu jadual masa di mana pelaksanaan untuk sampai kepada tahap yang akhir ada pemilihan. Jadi kita harus ada satu *road map* di mana kita ada rancangan bagaimana berperingkat-peringkat sampai akhirnya kita mencapai pemilihan pada peringkat PBT. Jadi kita boleh misalnya kita boleh mula dengan selepas kita ada peringkat peralihan Ahli Majlis pemilihan sekarang ini, kita boleh mula dengan ada pemilihan di peringkat di bandar raya, Dewan Bandaraya kita. Seperti di Petaling Jaya, di Shah Alam di mana ia merupakan satu Majlis Bandaraya. Di mana *mayomya* ataupun YDPnya boleh dipilih oleh setiap anggota dalam Bandaraya itu. Dan ini memang kita nampak yang lebih lagi di bawah Barisan Nasional iaitu di Kerajaan Persekutuan di mana Bandaraya seperti Kuala Lumpur kalau di tempat-tempat negara yang lain kesemua *mayomya* dipilih, dipilih oleh setiap rakyat di dalam bandar raya itu. Tetapi di Bandar Raya Kuala Lumpur ini kita nampak tidak ada. Walaupun rakyat sudah pilih Ahli Parlimen dia daripada Pakatan Rakyat dan kita memenangi hampir semua kerusi di situ tetapi kuasa pentadbiran untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih dinafikan oleh Barisan Nasional. Ini dia budaya penafian, budaya penafian ataupun*sindrom* dengan izin Barisan Nasional yang tidak menghormati hak rakyat. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya menyokong usul yang dibawa oleh Kampung Tunku dan saya juga menggesa Kerajaan Negeri mengambil langkah memulihkan pilihan raya untuk semua Kerajaan Tempatan di Negeri Selangor. Banyak persoalan telah timbul mengenai pemilihan Ahli-Ahli Majlis. Persoalan mengenai *political appointment* dengan izin telah menimbulkan rasa kurang senang hati di kalangan segelintir rakyat. Untuk menangani persoalan seperti ini saya rasa pilihan raya untuk Kerajaan Tempatan merupakan penyelesaian yang paling sesuai. Pilihan Raya Kerajaan Tempatan akan memusnahkan sebarang aduan mengenai *rewards system* dengan izin dan boleh memastikan calon yang benar-benar berkelayakan dan tahu isu semasa di kawasan tempatan mendapat jawatan Ahli Majlis. Kerajaan Negeri juga harus memberi fokus dan perhatian yang utama dalam menangani sebarang halangan sama ada di sisi undang-undang ataupun halangan lain supaya Pilihan Raya Kerajaan Tempatan boleh dikembalikan secepat mungkin. Dengan adanya Pilihan Raya Kerajaan Tempatan saya percaya imej PBT dan Ahli-Ahli Majlis boleh dibaik pulih dan kualiti servis boleh dipertingkatkan. Akhir kata saya juga menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya, SPR supaya memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri merealisasikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Ia, terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya juga ingin sokong usul dari Y.B. Kampung Tunku supaya memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Tuan Speaker, mungkin terdapat YB-YB yang duduk di Dewan yang mulia ini bersetuju bahawa salah satu penyelesaian bagi meningkatkan, meninggikan prestasi PBT adalah Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Mengikut prinsip demokrasi yang kita mengamalkan sekarang, anggota-anggota bagi PBT yang diberikan kuasa politik untuk memutuskan penggunaan pelbagai pendapatan terutamanya cukai pintu hendaklah dipilih oleh penghuni-penghuni di kawasan berkenaan melalui pilihan raya. Tun Salleh Abas selaku bekas Ketua Hakim Negara telah menulis dalam bukunya bertajuk Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia bahawa kerajaan bercorak demokrasi ialah kerajaan yang tertakluk kepada persetujuan rakyat. Dan di sebaliknya kerajaan yang berpandukan corak pemerintahan kuku besi tidak membenarkan pilihan raya diadakan. Sebenarnya Pilihan Raya Kerajaan Tempatan telah dijalankan di negara kita mengikut Perkara 113 (4) Perlembagaan Persekutuan Malaysia, sehingga ke tahun 1965. Jikalau kerajaan kita tidak ingin dilabelkan sebagai kerajaan kuku besi jadi makalah harus Pilihan Raya Kerajaan Tempatan diadakan semula di semua negeri termasuk Negeri Selangor Darul Ehsan kita. Jadi saya ingin mengesyorkan satu komiti ditubuhkan untuk mengkaji cara-cara dan butir-butir pilihan raya, memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya minta pihak Kerajaan untuk memberi penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya berterima kasih kepada Kampung Tunku dan rakan-rakan lain yang mengusulkan supaya terlaksana satu demokrasi yang menyeluruh. Walau bagaimanapun, kita dan mereka mesti mengetahui tentang rintangan-rintangan yang bakal kita hadapi dalam usaha melaksanakannya dan untuk bagaimana memantapkan usaha-usaha ini. Tetapi tidak menyekat untuk memulakan usaha yang penting ini. Jadi saya juga menerima cadangan daripada Teratai yang hendak bincangkan dalam mesyuarat EXCO supaya satu jawatankuasa kecil yang mengandungi ADUN dan juga Ahli EXCO untuk berbincang tentang cara kita hendak melaksanakan dan menggunakan kesempatan untuk berbincang dengan rakan-

rakan negeri Pakatan Rakyat yang lain, cara kita ingin melaksanakan. Saya faham Kampung Tunku sudahlah tentu hendak perkara ini berlaku semalam tetapi ini bukan suatu perkara yang boleh kita lakukan dengan cepat kerana terdapat undang-undang Persekutuan dan proses-proses pilihan raya yang kita mesti mengenal pasti kawasan-kawasan pilihan raya.

Terutama daripada segi *zoning* dan tempat-tempat tersebut. Ini pun masih lagi oleh sebab kita ditinggalkan lebih 30 tahun tentang perkara ini. Oleh sebab itu tak ada usaha-usaha tersebut. Walau bagaimanapun, ada Kementerian sekarang, Kementerian *Local Government* yang boleh kita minta dan tiap-tiap tahun ada perjumpaan antara Kerajaan *Federal* dengan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri dan Ahli-Ahli EXCO Majlis Tempatan untuk mengadakan perbincangan.

Salah satu kertas kerja yang boleh dilakukan oleh jawatankuasa ini ialah menyediakan kertas kerja untuk dibincangkan di majlis perjumpaan antara Kerajaan *Federal* dan Kerajaan Negeri. Jadi, saya berharap kita dapat meneruskan usaha ini dan akhirnya dari semasa ke semasa bukanlah semua majlis perbandaran dapat kita jadikan untuk pilihan raya sebab ada kosnya yang juga kita perlu kaji. Kemudian, kita hendak buat berperingkat-peringkat dan biasanya pilihan raya ini untuk kawasan bandar raya yang agak sesuai untuk kita ambil sebagai projek contoh sebelum kita mencuba kesemua daerah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat .sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Negeri mengambil langkah memulihkan pilihan raya untuk semua Kerajaan Tempatan di Negeri Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul di bawah peraturan tetap 26 (1) oleh Y.B. ADUN kawasan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekinchan berdiri di dalam Dewan yang mulia ini untuk membawa satu usul di bawah peraturan tetap 26(1) yang berbunyi seperti berikut "bahawasanya Dewan yang mulia ini mengutuk dengan sekeras-kerasnya kelakuan Y.B. Sungai Panjang yang membuat kenyataan palsu dan berunsur fitnah terhadap Y.B. Kinrara (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor) kononnya beliau mengetuai bantahan terhadap suara azan masjid di Puchong dan Kota Damansara. Mengutuk dengan sekeras-kerasnya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya ingin menarik perhatian 36(6).

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : 36 peraturan 36(6) mengatakan seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada ke atas sesiapa ahli lain. Oleh itu, saya memohon kepada Tuan Speaker agar usul ini ditolak.

TUAN SPEAKER : Ini adalah satu usul yang dibawa. Ini bukan satu ucapan usul. Jadi, perlu dibincangkan. Kerana di bawa secara usul.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tapi Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ini usul-usul ini menyentuh perihal ahli-ahli dewan ini dan usul ini mencadangkan supaya mengutuk kepada ahli-ahli Y.B. dalam dewan ini dan ini adalah merupakan satu sangkaan jahat di bawah peraturan 36 dan ini melanggar peraturan 36(6).

TUAN SPEAKER : Ya. Yang Berhormat sila duduk. Sila duduk. Kalau ucapan kalau seseorang itu membuat ucapan dan membuat sangkaan jahat, itu memang tidak dibenarkan di bawah peraturan 36(6). Tapi ini adalah melalui satu usul, itu dibenarkan. Seperti mana di mana keputusan Speaker adalah muktamad, tetapi boleh dicabar melalui usul. Itu lain bezanya. Jadi silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mengutuk dengan sekeras-kerasnya perbuatan keji akhbar Utusan Malaysia yang menyiarkan berita-berita palsu, penulisan-penulisan berunsur ganas dan perkauman terhadap Y.B. Kinrara (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri) pada 10.9.2008, 12.10.2008 dan 17.10.2008 menyeru semua pihak menghayati semangat perpaduan dan muhibah yang selama ini dijunjung oleh semua rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan menjauhi diri daripada perbuatan yang boleh memudaratkan kestabilan masyarakat. Tuan Speaker, berikutlah hujah-hujah yang saya bawa untuk usul ini. Dalam dewan yang mulia ini saya ingin menyatakan kekesalan dan kekecewaan saya terhadap beberapa insiden yang berlaku pada mutakhir ini di mana susulan kenyataan palsu yang diberikan oleh Y.B. Sungai Panjang merangkap Ketua Pembangkang menerusi akhbar Utusan Malaysia pada 8 September 2008. Izinkan saya baca petikan “bekas Menteri Besar Dato’ Seri Dr. Mohamad Khir Toyo membuat desakan agar usaha pihak yang dipercayai didalangi salah sebuah parti yang membentuk Kerajaan Negeri membuat petisyen membantah azan di Puchong dan Kota Damansara. Bagi UMNO kita mahukan Kerajaan Negeri bertegas jangan mudah mengalah kerana apa yang kelihatan ketika ini, Parti Keadilan Rakyat seolah-olah mengalah, membiarkan sahaja perkara itu berlaku. Manakala PAS pula tidak memainkan peranan.” Ini dalam keluaran 8.9.08. Tambahan pula dalam penulisan *blog* www.Dr.MohamadKhirbinToyo semasa menjawab pertanyaan seorang pengunjung yang bernama saudara Sinatra tentang perkara tersebut pada 9 Julai 2008 yang lalu. Y.B. Sungai Panjang telah memberi respons dengan ungkapan seperti berikut “memang betul ada petisyen dari kaum Cina Kinrara yang meminta diperlahankan suara azan. Petisyen ini disokong oleh Y.B. Teresa Kok.” Saya ulangi petisyen ini disokong oleh Y.B. Teresa Kok bagi orang yang luar tu biar boleh dengar. Ini dia luahan kenyataan palsu. Hakikat rentetan daripada kenyataan tersebut, satu laporan polis telah dibuat Ahli Parlimen Kota Raja Y.B. Dr. Sit Mariah bt. Ahmad pada 12 September 2008 di Ibu Pejabat IPD Dang Wangi yang menyatakan dengan tegas kenyataan Y.B. Sungai Panjang itu kononnya ada usaha pihak tertentu menyediakan petisyen membantah suara azan adalah berniat jahat dan berunsur fitnah. Tuan Speaker, hakikat sebenar memang tidak pernah Y.B. Kinrara merangkap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor memberi sokongan kepada mana-mana pihak yang membantah suara azan. Kelakuan Y.B. Sungai Panjang yang membuat kenyataan palsu dan berunsur fitnah ini lebih dahsyat daripada membunuh dan tidak bertanggungjawab serta tidak beretika.

Menurut ajaran Islam hukum dan dosanya cukup berat dalam kes ini. Ekoran itu pada 12 September 2008 sekitar pukul 11.20 malam, Y.B. Kinrara telah ditahan di bawah seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ISA. Tidak pernah dalam sejarah kita Tuan Speaker seorang Ahli Parlimen wanita dari kawasan Seputeh merangkap ADUN Selangor kawasan Kinrara dan juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang memegang portfolio pelaburan ditahan di bawah ISA. Ini satu rekod baru kejayaan semangat Malaysia boleh. Sebelum beliau ditahan pada hari yang sama juga merupakan satu lagi rekod di mana seorang lagi wartawan kanan wanita dari sini juga dari Pulau Pinang juga ditahan di bawah akta zalim akta ISA. Tuan Speaker, menurut kenyataan akhbar, Y.B. Kinrara selepas dibebaskan pada 19 September 2008 semasa beliau ditahan tujuh hari dalam akta ISA beliau telah disiasat mengenai kenyataan palsu Y.B. Sungai Panjang kononnya beliau mengetuai petisyen terhadap bantahan suara azan di Masjid Bandar Kinrara. Maknanya punca utama penahanan Y.B. Kinrara adalah kerana tuduhan dan kenyataan palsu Y.B. Sungai Panjang yang tidak bertanggungjawab. Sepatutnya sebagai bekas Menteri Besar selama lapan tahun, adalah tidak wajar sama sekali perwatakan sedemikian ditonjolkan. Tuan Speaker, sehubungan itu sebelum ini kita sering kedengaran Y.B. Sungai Panjang sewaktu menjadi Menteri Besar selalu memberi amaran kepada rakyat agar jangan sekali-kali cuba mempolitikkan agama kerana ia bisa menimbulkan ketegangan kaum. Tetapi dalam konteks suara azan ini jelas kita nampak Y.B. Sungai Panjang bukan sahaja cuba mempolitikkan agama malah sengaja cuba melakukan provokasi dan membakar sentimen agama di samping itu melabelkan Y.B. Kinrara sebagai seorang ahli politik perkauman, anti Melayu dan juga anti Islam supaya rakyat akan benci dan marah terhadap beliau. Tuan Speaker, Y.B. Sungai Panjang mengharapkan rakyat akan naik angin dan bangkit menyatakan bantahan terhadap Kerajaan Pakatan Rakyat yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat, DAP dan PAS. Tujuan dan motif Ketua Pembangkang sangat jelas agar rakyat terpengaruh dengan sebarang dakyah dan fitnah mereka kononnya Parti Keadilan Rakyat dan PAS sudah diperkudakan dan didominasi, didominasi oleh DAP. Orang Melayu dan Islam sudah dikikis hak mereka dan seterusnya dipinggirkan. Ini tujuan mereka. Tuan Speaker, demi kepentingan politik dan bangsa masa depan Y.B. Sungai Panjang beliau sanggup gadaikan semua kepentingan rakyat dan negara. Harapan rakyat agar rakyat akan bangkit menolak pimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat dalam pilihan raya akan datang. Tambahan pula selepas Utusan menyiarkan artikel palsu yang berunsur fitnah oleh pengarang Zaini Hassan yang mendakwa memetik sumber daripada Y.B. Sungai Panjang. Akibat daripada artikel dan serangan berubi-tubi itu oleh akhbar Utusan dan disokong oleh beberapa NGO kononnya yang proksi UMNO akhirnya kejadian Y.B. Kinrara sudah ditahan di bawah ISA. Seperti apa yang telah saya nyatakan tadi agenda Y.B. Sungai Panjang dan Utusan Malaysia seolah-olah mahu menunjukkan kepada dunia luar dan pelabur asing bahawa kepimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor mempunyai pemimpin yang ekstrem dan mengancam keselamatan negara sebab ditahan di bawah ISA dengan harapan pelabur akan lari daripada Selangor. Ini agenda Y.B. Sungai Panjang. Walau bagaimanapun, Utusan Malaysia yang merupakan bidang rasmi UMNO bersama-sama pengarangnya Zaini Hassan dan juga Dato' Jamil Waliya (penulis cerpen) yang berunsur hasutan dan juga Y.B. Sungai Panjang selaku Ketua Pembangkang kesemuanya beragama Islam. Saya dimaklumkan seorang Islam yang beriman dan bertakwa pasti tidak sanggup melakukan perbuatan keji dan fitnah tanpa segan silu sedangkan dalam Islam itu sendiri sentiasa menyuruh umatnya jangan berlaku zalim dan mesti adil terhadap bukan Islam. Tuan Speaker, ini sangat murni. Kedudukannya dalam Islam ia tidak boleh dipermainkan apatah lagi seruannya dilarang. Justeru itu, kami termasuk Y.B. Kinrara selaku ahli besar Pakatan Rakyat Negeri

Selangor walaupun kami bukan Islam tetapi keprihatinan dan rasa hormatnya terhadap kesucian agama Islam tetap kami dokong demi perpaduan kaum dan keharmonian serta kesejahteraan negara kita. Tuan Speaker, selepas Y.B. Kinrara dibebaskan dalam tahanan ISA tidak lama kemudian 12 Oktober bersama hari Ahad Mingguan Malaysia, kalau hari biasa Utusan Malaysia. Hari Ahad Mingguan Malaysia telah menyiarkan satu lagi penulisan cerpen yang berjudul politik baru Y.B. Jay. Politik baru Y.B. Jay. Jay tu maksudnya Josephine. Ini mengaitkan dengan kesemua cerpen ini berunsur hasutan dan ada kait dengan Y.B. Kinrara. Dalam penulisan cerpen hasutan tersebut beliau seolah-olah mempunyai agenda politik yang tersirat, berniat jahat, meniupkan semangat api perkauman dan akhirnya mencetuskan ketegangan kaum, lebih parah lagi sekiranya mesej yang tersirat diterjemahkan secara realiti maka kemungkinan Y.B. Kinrara dibunuh secara berani mati dengan menggunakan pistol jenis 'Revolver' (dengan izin) akan terjadi. Kenapa saya berkata begitu? Tuan Speaker, saya baca sedikit petikan "Y.B. Jay menghulurkan tangan, tiba-tiba Y.B. Jay tergamam dan berdiri kaku. Dia tidak percaya dengan apa yang dilihatnya. Tergenggam erat pada tangan anak muda yang seolah-olah mahu membalas salam tangan yang dihulur iaitu sepucuk pistol sejenis 'Revolver' yang betul-betul diacukan ke arah dada Yang Berhormat Josephine, tanpa berkata apa-apa, anak muda itu melepaskan beberapa das tembakan salah satu daripadanya tepat mengenai jantung Yang Berhormat Josephine dia rebah ke lantai. Dan seterusnya satu lagi petikan sewaktu pemeriksaan dibuat ke atas mayat anak muda. Anak muda itu kemudian bunuh diri yang tidak dikenali terselit sehelai nota yang ditaip rapi yang ditulis dalam bahasa Kebangsaan bukan bahasa Jawa, bahasa Kebangsaan, sebab Yang Berhormat Sungai Panjang Jawa, Jawa, ini bahasa Kebangsaan dia tulis. Berbunyi seperti berikut:-

"Yang Berhormat Josephine adalah ancaman terhadap keharmonian lebih baik riwayatnya ditamatkan supaya masyarakat berbilang kaum boleh tinggal aman damai di negara bertuah ini. Saya berkorban untuk masa depan".

Tuan Speaker,

Artikel yang seperti ini adalah menggalakkan pembunuhan berani mati seperti di Lebanon, di Pakistan dan sebagainya. Di Malaysia ni 50 tahun merdeka tidak pernah ada tulisan-tulisan seperti ini menggalakkan pembunuhan berani mati. Inilah niat jahat Utusan Malaysia.

Tuan Speaker,

Dalam proses cipta hasutan Dato' Chamil Wariya seolah-olah langsung tidak berhasrat mempamerkan Islam sebagai agama yang tidak menggalakkan persefahaman, permuafakatan dan menghukum seorang yang bukan beragama Islam tanpa unsur siasatan secara terperinci. Sedangkan dalam Islam memang menyuruh umatnya membiar memberikan keadilan kepada semua manusia tanpa ada sebarang bentuk penindasan ataupun diskriminasi. Justeru itu dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin memetik satu firman Allah, dari surah An-Nisa' 58 yang bermaksud seperti berikut:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia Allah menyuruh kamu menghukumnya, menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhnya itu memberi

pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu sesungguhnya Allah sentiasa mendengar dan sentiasa melihat”.

Oleh yang demikian, berasaskan petikan tersebut keadilan itu mesti diberikan kepada semua umat manusia tanpa sebarang penindasan. Manakala penulisan kesusasteraan yang dijadikan dalam konteks ini sebagai medan untuk menabur fitnah dan benih kebencian antara berbagai-bagai kaum. Sepatutnya seorang penulis yang ‘senior’ wajar er... yang berpengalaman dan berpemikiran, mempunyai kemahiran sosial yang tajam dan matang mestilah memupuk ke arah perpaduan dan kesejahteraan rakyat dan bukan menulis cerpen yang seperti ini mengaibkan seseorang dan berunsur hasutan agar satu pembunuhan berani mati berlaku.

Sementara itu saya juga mendapati wujud satu konspirasi yang terancang untuk mensabitkan Yang Berhormat Kinrara, kepada umum bahawa beliau memang anti Melayu, anti Islam, komplot jahat ini bermula daripada Yang Berhormat Sungai Panjang, yang mengeluarkan kenyataan palsu pertamanya;

Berunsur fitnah, kemudiannya dihasut oleh Akbar Utusan Malaysia melalui pengarang Zaini Hasan dengan artikel bertajuk “Azan, Jawi, JAIS, UiTM dan Ba, Alif, Ba lah.. pada 10 hari bulan Sembilan 2008. Selepas itu tiba giliran Dato’ Chamil Wariya yang menulis cerpen bertajuk “Politik Baru Yang Berhormat Josephine” pada 12 hari bulan Sepuluh 2008 .

Tuan Speaker,

Kesemua watak yang terlibat dalam rancangan konspirasi tersebut mempunyai hubungan antara satu sama lain dalam konteks ini hubungan yang paling intim adalah Yang Berhormat Sungai Panjang dengan Dato’ Chamil Wariya kerana pada bulan Ogos tahun 2004 sebuah buku yang bertajuk, yang bertajuk “Dari Sungai Burung ke Bukit Megawati”. Ia yang berkisarkan perjalanan politik Dr. Mohamed Khir bin Toyo iaitu Yang Berhormat Sungai Panjang, yang ditulis oleh Dato’ Chamil Wariya. Jadi ini hubungan cukup intim tak ada orang tulis Sekinchan, ha... ini orang tulis Sungai Panjang, ada orang tulis Tan Sri ker... ada orang tulis Gombak Setia, tak ada, tulis Sungai Panjang perjalanan politik daripada Sungai Burungnya sampai lah ke Bukit Megawati. Hubungan intim antara Dato’ Chamil Wariya dengan Yang Berhormat Sungai Panjang. Jadi mereka buat satu rancang konspirasi. Berasaskan bukti yang saya nyata jelas menunjukkan kepada kita Yang Berhormat Kinrara telah disasarkan. Tujuan mereka untuk mengaibkan, mengaibkan bukan sahaja Yang Berhormat Kinrara juga mengaibkan kerajaan Pakatan Rakyat yang baru lapan (8) bulan memerintah. Kononnya kita punyai ‘terrorist’ dan pelabur jangan datang.

Tuan Speaker,

Kita Pakatan Rakyat selepas lapan (8) bulan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Tan Sri memang rapat, sokongan padu daripada rakyat, sokongan padu semakin padu, jadi Yang Berhormat Sungai Panjang cuba gunakan kenyataan palsu, benda yang tidak berlaku ini untuk mencemarkan imej Pakatan Rakyat dan tujuan dia tidak lain tidak bukan adalah untuk meraih sokongan kononnya beliau adalah Pendekar Orang Melayu, untuk meraih sokongan dalam pemilihan Ketua Pemuda UMNO akan datang. Ini, ini motif beliau. Antara motif, jadi Tuan Speaker, jadi saya, saya ingin mencadangkan, saya ingin meminta Yang Berhormat Sungai Panjang, minta

maaf secara terbuka kepada Yang Berhormat Kinrara dan seterusnya meminta maaf secara terbuka kepada rakyat Malaysia dan rakyat negeri Selangor khususnya kerana perbuatannya yang tidak beretika, berunsur fitnah, mengeluarkan kenyataan palsu. Sekiranya tidak saya cadangkan kalau boleh, kalau boleh Yang Berhormat Sungai Panjang dirujuk kepada Jawatankuasa Khas dan Kebebasan Dewan untuk disiasat untuk ditindakkan selanjutnya. Dan pada masa yang sama kita Pakatan Rakyat tidak pernah anti surat akhbar mana-mana ya... Kita memang komited memperjuangkan dan mendukung kebebasan akhbar tetapi kebebasan itu jangan sekali-kali disalah guna untuk menanam bibit-bibit kebencian dan unsur-unsur keganasan serta seterusnya menimbulkan ketegangan kaum dan memudaratkan kestabilan masyarakat di negara kita. Akhir sekali saya mohon usul saya ini dipersetujui. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, penyokong. Ya, silakan Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Terima kasih Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Sekinchan. Cuma saya nak menambah sedikit Insya-Allahlah, itu yang saya sebutkan pagi tadi bahawa Islam itu, mesej ataupun risalah yang dibawa oleh Rasulullah adalah berdasarkan Al-Quran dan juga sunah adalah satu jawapan kepada banyak masalah pada zaman-zaman dulu kontemporari ataupun yang akan datang.

Di dalam surah Al-Maidah tambahan daripada surah Nisa' yang disebut oleh Y.B. Sekinchan. Allah menyebut di dalam surah Al-Maidah ayat ke 8 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan kebenaran kerana Allah, menjadi saksi yang adil dan janganlah sekali-kali kebencian mu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana keadilan itu lebih dekat dengan takwa. Dan bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

Kalau kita membuka sirah nabi, sirah para sahabat, kita tengok bahawa selepas Rasulullah s.a.w. ada empat (4) Khulafa' Al-Rashidin, yang menggantikan tempat beliau. Yang akhir sekali ialah Khalifah Ali bin Abu Talib, pernah suatu ketika Sayidina Ali menjadi Khalifah Islam yang dia punya tanah jajahan lebih besar lah daripada Malaysia ni... ya... Dia jumpa seorang Yahudi, orang Yahudi ini memakai baju, baju perang dia yang dia kehilangan dan dia tahu tu yang orang Yahudi sudah ambil lalu dia mendakwa orang Yahudi ini di dalam mahkamah ketika itu mahkamah itu diadili oleh seorang Hakim Islam yang bernama Syuraish lalu bila dia bawa dalam kehakiman, berkatalah hakim ini kepada khalifah itu dan dia kata wahai khalifah kita kata sekarang ini PM lah, Perdana Menteri lah Khalifah ini tetapi dia lebih besar lagi dia punya jajah, dia kata 'Wahai khalifah Ali bin Abu Talib kemukakan kepada kami apakah bukti-bukti yang kamu mendakwa bahawa baju besi itu adalah kepunyaan kamu? Ketika itu Sayidina Ali tidak boleh menjawab. Dia tidak boleh buktikan walaupun dia tahu baju itu adalah dia, tetapi dia tidak boleh buktikan. Dia kata "tuan hakim, saya tidak boleh membuktikan", maka hakim kata "oleh kerana kita berpegang kepada kaedah dalam Islam *Al-Bainahatul Almudait Wal Yaminul Wal Aman Ankaraa*", seseorang yang mendakwa mesti membawa bukti yang kukuh dan orang yang didakwa hendaklah bersumpah kalau bukti tu dah ada, jadi oleh kerana kamu tidak boleh bawa bukti kata tuan hakim, "kes ini dibuang" ha... kes itu dibuang, jadi orang Yahudi itu terkejut. Dia kata "saya tak boleh bercakap, dah payah bercakap katanya, kes ini dibuang, baju itu adalah baju kamu,

tetapi Yahudi kata saya hairan dia kata, sebab yang datang adalah seorang Khalifah, seorang yang paling nombor satulah dalam kerajaan ketika itu tapi apa yang saya nampak memang baju ini saya ambil dia kata, ini memang baju Khalifah, saya ambil dia kata. Sebab saya ingatkan selama ini Sayidina Ali ni memang di kalangan pahlawan yang hebat sebab itu kita ada tongkat Ali ha... Jadi dia kata kat saya ingatkan baju inilah yang menyebabkan Sayidina Ali ni kuat,. rupa-rupanya bukan dia kata. Jadi tapi saya ambil baju ni, tapi oleh kerana hari ini dia terkejut dia kata, orang Yahudi itu terkejut saya pulangkan balik baju ini, dia kata. Sebab saya nampak keadilan dan dia masuk Islam. Dan Sayidina Ali, oleh kerana dia masuk Islam Sayidina Ali beri baju tu kepada Khalifah tersebut. Saya nak betulkan sikittlah apa yang disebut oleh apa nama ... daripada Sekinchan sebenarnya Dr. Hatta selaku Bendahari PAS Pusat telah pun mengeluarkan bagi pihak Pakatan Rakyat tentang isu ini dan juga kita memang mengeluarkan dalam Harakah. Di mana kami mengecam apa yang telah dibuat oleh Sungai Panjang ni dan juga apa yang telah kenyataan palsu yang dikeluarkan dan seperti itu juga dia juga menyatakan bahawa akhbar ini menyemarakkan anti perkauman dan mencetuskan ketegangan. Dengan itu, saya menyokong Usul ini.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian Usul ini telah pun disokong, saya buka Usul ini untuk dibahaskan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, perbahasan ah.... berkenaan dengan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Panjang ini, Kampung Tunku turut menyokong dan juga ingin menambah sedikit tentang apa yang telah dibincangkan sebentar tadi. Dalam kes sebenarnya azan masjid ini telah disebutkan dua (2) buah masjid yang telah terlibat iaitu Masjid Bandar Kinrara Seksyen 5 dan Masjid Kota Damansara. Dalam kes masjid Kota Damansara terdapat tuduhan bahawa terdapat tekanan bukan masyarakat bukan Islam memaksa masjid tersebut menutup azan ini adalah apa yang dibangkitkan dalam tulisan-tulisan *blog* Yang Berhormat Sungai Panjang. Dan ini adalah tidak benar dan juga ada laporan bahawa Ustaz Haji Hasan Basri, Nazir untuk masjid tersebut menyangkal tuduhan ini kerananya berlaku akibat kerosakan teknikal sistem pembesar suara masjid yang masih dalam proses ujian oleh pihak Kontraktor dan mana tau Kontraktor ini Kontraktor Kelas "F" UMNO ya.. dan tidak menjalankan tugas dengan baik ya... Jadi azan tidak boleh berfungsi oleh kerana pembesar suara masih rosak. Beliau juga menyatakan bahawa Masjid Kota Damansara hanya baru dua (2) minggu digunakan sahaja jadi ini adalah salah satu fakta yang ingin saya ketengahkan. Untuk kes Masjid Bandar Kinrara Seksyen 5, Ustaz Abdul Rahman Nazir iaitu Nazir untuk masjid tersebut, menyatakan bahawa Yang Berhormat Kinrara tak pernah datang ke masjid belum pernah melangkah masuk ke dalam masjid untuk mengetuai sebarang bentuk demonstrasi dan '*petition*' yang dikatakan itu merupakan '*petition*' yang ditulis oleh penduduk-penduduk berdekatan terhadap penggunaan pembesar suara semasa mengadakan ceramah bukan azan, semasa mengadakan ceramah, kuliah subuh dan kuliah maghrib, pada awal pagi dan malam, ianya langsung tidak menyentuh tentang azan. Ini telah dijelaskan oleh seorang *blogger* yang bernama, ini nama dia agak perlu diberi perhatian "Pembela Melayu", dia kata 'Pembela Melayu' pun kata macam ni, jadi saya rasa sepatutnya tak ada masalah lah tetapi masalah baginya ialah masalah hujah-hujah fitnah daripada Sungai Panjang. Dan Pembela Melayu dalam *blog*nya telah memperjelaskan perkara ini tetapi Yang Berhormat Sungai Panjang tidak mengambil hirau dan terus memfitnah dan menyebabkan Yang Berhormat Kinrara hampir-hampir di tahan di Kem Kemunting ya... Jadi ini dalam menjelas menunjukkan bahawa apa yang dilemparkan itu adalah fitnah semata-mata dan saya rasa Dewan ini harus mengambil satu ketetapan untuk

mengkritik tindakan yang tidak bertanggungjawab ini kerana dengan tulisan oleh Dato' Chamil Waria, buku telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat Sekinchan tadi, saya ingin menambah sedikit Biodata Dato' Chamil Wariya, kalau kita melayari laman web <http://jamilwariah.com> adalah laman web. Kita telah melihat Biodatanya Buku Biodata dia dan beliau merupakan seorang wartawan yang banyak terlibat dengan media aliran utama seperti RTM, TV3, Utusan Malaysia dan banyak lagi yang kita telah tahu media-media ini mempunyai hubungan yang rapat dengan UMNO dan Barisan Nasional khususnya UMNO dan adalah tidak hairan dan saya setuju dengan hujah daripada Yang Berhormat Sekinchan, mungkinkah ini satu konspirasi. Kalau kita lihat buku ini, buku ini sudah edisi kedua. Yang Berhormat Sekinchan ini bukan buku pertama, buku edisi kedua maknanya telah ditulis dua kali. Begitu intim, intim sehingga melebihi hubungan di antara Jamil Waria dengan Muhammad Taib, bekas Menteri Besar Selangor dan saya ini adalah satu, satu, satu aspek yang kita tidak boleh melupakan, saya rasa kita tidak perlu menghalang mana-mana sasterawan, karyawan, hartawan untuk menulis apa yang difikirkan betul bagi dia tetapi kalaulah tulisan itu melibatkan pembunuhan berani mati, *chalisrisma*, keganasan saya rasa itu adalah sesuatu yang perlu ditegur, bukan saja ditegur malahan perlu dikutuk dan dilarang sama sekali dan saya rasa kita mengambil iktibar daripada peristiwa-peristiwa ini. Rakyat Malaysia haruslah bersatu padu menolak sebarang agenda perkauman dan *extremist* yang cuba dibawa-bawakan oleh anggota-anggota di dalam Barisan Nasional dan saya meminta supaya usul ini disokong dan diluluskan dan kita menetapkan supaya kenyataan-kenyataan ini ditutup dan tidak diterima, dinafikan sama sekali. Jadi itulah apa yang saya ingin sampaikan. Sekian sahaja terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, saya ingin berucap untuk menyokong usul ini di mana kesan daripada perbuatan yang dilakukan oleh Sungai Panjang sebagaimana yang telah dibuktikan oleh rakan-rakan kita dalam Dewan bukan hanya merupakan satu fitnah tetapi membawa bencana seseorang daripada kita ditahan tanpa bicara di bawah ISA. Jadi berlaku fitnah kemudian menggalakkan suatu kuasa yang rakus mencabul hak asasi manusia. Dan ini lagi satu bukti tentang kezaliman UMNO Barisan Nasional dengan menggunakan kuasa. Dalam kes Memali 1985, Ibrahim Mahmud (Ibrahim Libya), adalah usul yang telah dibawa oleh UMNO Bahagian di Kedah iaitu di Baling untuk membawa usul agar beliau diambil tindakan di bawah ISA. Hari ini ucapan-ucapan yang dilakukan, tulisan-tulisan yang dilakukan oleh pemimpin UMNO Selangor telah mengakibatkan Pihak Berkuasa mengambil satu langkah mencabul hak asasi anggota Yang Berhormat kita.

Saya ingin menegaskan menggunakan isu azan, menggunakan isu agama kemudian mendesak pihak berkuasa menggunakan akta yang zalim, mencabul hak asasi seorang rakyat Malaysia, pemimpin negeri Selangor bukan beragama Islam adalah satu perbuatan yang memalukan. Dia amat memalukan saya, sebagai seorang Islam saya amat malu dengan perbuatan yang cukup jelek ini di mana undang-undang yang zalim ini di atas nama pemimpin UMNO yang beragama Islam yang menggunakan konsep Islam Hadhari membenarkan pencabulan hak asasi terhadap orang bukan Islam. Benar apa yang dikatakan oleh Sekinchan tadi, Islam melarang umatnya menghina dan menganiaya, menzalimi orang yang bukan Islam khususnya. Ini sudah berlaku dan ini bercanggah dengan apa yang sudah kita bincangkan dalam Dewan yang mulia ini, beberapa hari kita bercakap tentang belanjawan, tentang bina insan, tentang pembangunan insan, tentang hala tuju negeri Selangor, kita mahu membangunkan

masyarakat Islam, masyarakat Selangor dengan thaqafah Islam, kebudayaan Islam. Hari ini, ini adalah satu cabaran yang dilakukan oleh pemimpin UMNO Barisan Nasional di Negeri Selangor. Dalam keadaan kita telah meluluskan usul untuk memansuhkan ISA. Kerajaan Negeri Selangor merupakan kerajaan negeri pertama yang berjuang untuk memansuhkan ISA. Dalam konteks ini di Selangor dengan peristiwa yang berlaku kepada Y.B. Kinrara, mereka mengadakan kempen di depan kita, memanggil anak-anak kononnya jamuan Hari Raya, masuk ke rumah pemimpin-pemimpin mereka di Gombak dengan syarat sebelum masuk kena tandatangan petisyen, sokongan untuk memperjuangkan, diteruskan ISA. Inilah satu pencabulan hak asasi yang cukup ketara.

Untuk rekod dan catatan Dewan saya ingin merakamkan bahawa Islam melarang ISA di atas dasar pencabulan hak asasi kerana berlaku di situ tahanan tanpa bicara. Islam menentang penahanan tanpa bicara di atas empat (4) sebab. Pertama, sebab-sebab yang digariskan oleh Al-Quran dan Sunah. Sekurang-kurangnya terdapat 20 prinsip Al-Quran dan Sunah yang dilanggar oleh kerana amalan penahanan tanpa bicara di bawah ISA.

Keduanya, Islam melarang penahanan tanpa bicara kerana dia bercanggah dengan amalan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. dan para sahabat oleh khalifah-khalifahnyanya. Dalam kes yang terkenal, kes Rasulullah menangani kes Hatib bin Abi Bdlitta'ah, dalam kes yang terkenal Rasulullah S.A.W. menangani kes Umamah bin Uthal, dalam kes terkenal di mana Khalifah Umar menangani kes Hurmazun dan dalam kes yang terkenal bagaimana Khalifah Ali menangani golongan khawarij membuktikan bahawa Islam melarang dan menegah amalan menahan tanpa bicara.

Ketiganya, Islam melarang penahanan tanpa bicara Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah kerana ia bertentangan dengan ulama dari dulu sampai sekarang. Ulama-ulama daripada Mazhab Hanafi, Maliki, Ahmad dan Shafie semuanya menolak berlakunya penahanan tanpa bicara. Kalau adapun dalam Mazhab Hanafi menegaskan penahanan tanpa bicara boleh dibenarkan atas kes-kes yang terbukti khusus dalam maksiat seperti minum arak, terbukti orang itu minum arak, orang itu nak pergi ke bar, tangkap dulu, itu tak apa. Itu pun merupakan satu pandangan yang minoriti. Tetapi dalam kes yang berkaitan dengan hak kebebasan, keadilan tidak ada penahanan tanpa bicara.

Keempatnya, Tuan Speaker, Islam melarang penahanan tanpa bicara di atas dasar ijmak. Saya ingin menegaskan pada tahun 1948, *United Nation* (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) telah meluluskan apa yang dikatakan sebagai *Universal Declaration of Human Right* di mana telah berlaku perbahasan yang hebat di kalangan dunia Islam. Walau bagaimanapun terdapat faktor-faktor persamaan dipersetujui terdapat termaktub di dalam *United Nation Charter of Human Right* itu menegaskan tidak ada penahanan tanpa bicara. Jawapan kepada itu negara-negara umat Islam pada tahun 1981 di bawah *Islamic Concil of Europe* di London telah meluluskan satu charter yang dinamakan *Islamic Declaration of Human Right* yang menegaskan secara tuntas, secara mutlak, secara muktamad bahawa tidak ada penahanan tanpa bicara.

Dengan empat bukti ini Tuan Speaker, kita membuktikan bahawa apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk memansuhkan ISA adalah satu perkara yang sangat tepat dan inilah yang kita syorkan dalam usul ini agar dalam usul yang sejelas ini kita menentang perbuatan yang dilakukan oleh Sungai Panjang kerana bukan hanya dia mencetuskan fitnah tetapi dia telah menyebabkan berlakunya pencabulan hak asasi dan

telah menyebabkan sebahagian daripada masyarakat di Negeri Selangor ini masih beranggapan bahawa ISA adalah undang-undang yang digunakan untuk menjamin keselamatan negara pada hal ISA adalah undang-undang yang terkandung di dalamnya membenarkan kerajaan menahan rakyat tanpa bicara dan undang-undang inilah bertentangan dengan Islam dan bertentangan dengan Undang-undang Antarabangsa dan saya yakin bertentangan dengan mana-mana agama di dunia. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sekinchan berkaitan dengan Yang Berhormat Sungai Panjang yang mana terutama sekali berikutan daripada tindakan yang telah beliau lakukan di blok beliau, telah menimbulkan satu suasana syak wasangka di kalangan masyarakat berbagai kaum yang ada di negara kita. Saya membawa contoh di kawasan saya, ada masjid Kompleks Tabung Haji di Kelana Jaya yang mana apabila ada seorang bilal tersilap memperlahankan speaker kemudian kecoh mengatakan ada campur tangan daripada pihak Pakatan Rakyat untuk memperlahankan azan yang berada di surau tersebut atau di masjid tersebut. Jadi ini menimbulkan satu suasana yang mana sekiranya ada masalah dengan *PA System*, ada masalah dengan azan orang akan terus memikirkan seolah-olah ada campur tangan politik di kalangan kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor dan ini saya rasa suatu keadaan yang tidak sihat telah dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Panjang.

Di samping itu juga, saya merasakan tindakan begini yang mana telah menimbulkan salah faham, syak wasangka dan kecelaruan di kalangan masyarakat bukan satu tindakan yang tidak sesuai bagi seorang Yang Berhormat yang menganggotai Dewan yang mulia ini dan dipilih untuk mewakili rakyat. Jadi kita perlu mengambil tindakan yang tegas dan berpendirian menunjukkan bagaimana Dewan yang mulia ini tidak boleh menerima tindakan sedemikian. Dan saya juga merasakan bagaimana apabila dianjurkan tindakan ISA diambil ke atas Yang Berhormat Kinrara telah menunjukkan sikap hipokrit kita bagaimana sekiranya di Amerika Syarikat apabila ada tahanan-tahanan Al-Qaeda ditangkap di Guatemala Bay dan sebagainya kita mengecam dengan selantang mungkin tetapi apabila perkara ini terjadi di negara kita, kita menyokongnya dengan berbagai alasan. Jadi saya merasakan sesuai dengan usul yang telah diluluskan oleh Dewan sebelum ini yang mana kita mengecam tindakan ISA kita juga kena menghantar mesej yang jelas bagaimana setiap anggota Dewan yang mulia ini perlu menunjukkan contoh yang baik kepada seluruh rakyat sekalian. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Tuan Speaker, terima kasih Tuan Speaker. Oleh kerana usul, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sekinchan dan disebabkan usul ini melibatkan ADUN Sungai Panjang yang selaku Ketua Pembangkang saya cadangkan Tuan Speaker berilah semua ADUN Pembangkang ini satu kursus macam mana hendak jadi seorang ADUN Pembangkang yang efektif dan berkualiti tinggi.

TUAN SPEAKER : Itu kalau dia nak datang. Hari ini pun dia nak membela diri pun dia tak hendak. Jadi bagaimana nak pergi kursus.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Ada akta .. itulah Tuan Speaker. Itulah masa dulu kita ada dua ADUN Pembangkang tapi suara pembangkang kuat dalam Dewan, sekarang kita ada sepuluh ganda, dua puluh ADUN Pembangkang tapi langsung tak ada suara di sini.

Peranan parti pembangkang mengikut Tun Dr. Mahathir, beliau berkata peranan parti pembangkang penting dalam sistem demokrasi. Kalau parti pembangkang itu banyak lagi bagus kerana ia dapat memberi kesan yang lebih baik pada kerajaan bagi menilai keputusan dan tindakan yang dibuatnya. Tadi Sungai Burung mengatakan usul pilihan raya Kerajaan Tempatan membuang masa, apa buang masa langsung tak meluangkan masa dalam sidang Dewan ini. Apa yang kita lihat sekarang masa Dewan sidang mereka tak hadir, tak menilai keputusan dan polisi kerajaan tetapi sibuk membangkitkan isu perkauman di luar Dewan.

Saya menggesa Dewan ini mengambil tindakan tegas terhadap ADUN yang membuat kenyataan palsu dan berunsur fitnah terhadap ADUN yang lain dan sekali gus membawa kesan negatif terhadap kerajaan Pakatan Rakyat dan dalam kes ini pelaburan Negeri Selangor. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Saya ingin menyokong usul yang dikemukakan oleh Y.B. Sekinchan dan saya nampak isu ini bukan sahaja tindakan yang cuba memecahbelahkan rakyat yang berbagai kaum ini malahan ia merupakan tindakan penangkapan ini Y.B. Kinrara atas, bawah ISA ini telah membazirkan duit rakyat yang telah melantik wakil-wakil rakyat sebenarnya untuk melaksanakan tugas untuk mentadbir negeri tetapi dalam beberapa hari itu kita boleh kira berapa nilai pelaburan yang telah kita rugi disebabkan Yang Berhormat Kinrara ditahan dalam lokap dan tidak dibebaskan. Jadi saya menyeru kita bukan sahaja kena mengkritik tindakan Y.B. Sungai Panjang dan saya menyerulah kepada wakil-wakil pembangkang yang telah keluar tadi supaya mereka jangan mengulangi apa kononnya mereka nak buat perubahan tapi jangan lagilah mainkan sentimen perkauman ini. Kalau tak ada saya rasa mungkin dalam masa akan datang bukan sahaja 20 orang mungkin akan kurang kepada 5 orang sahaja pembangkang dalam Dewan ini sekiranya mereka mahu memainkan sentimen perkauman ini lagi dan saya menyeru kepada pihak Kerajaan Negeri kalau dapat bolehlah kita tuntutan kerugian yang disebabkan oleh penahanan Y.B. Kinrara ini sebab saya difahamkan seperti penjelasan Y.B. Kinrara sehari selepas penahanan beliau sepatutnya beliau berjumpa dengan beberapa ahli pelabur tetapi disebabkan penangkapan ini beliau tidak dapat berjumpa dan akhirnya mendatangkan kerugian kepada negeri kita. Adakah ini tugas atau tindakan yang patut dilakukan oleh seorang Ketua Pembangkang yang juga dulu sebagai Menteri Besar untuk negeri Selangor. Beliau seharusnya sedar betapa pentingnya pelaburan untuk pembangunan ekonomi. Jadi ini juga salah satu langkah ataupun tindakan yang saya nampak derhaka kepada negeri kita sebab ia menghalang pelaburan asing untuk masuk ke negeri kita.

Jadi itu saja dan saya menyeru semua yang menyaksikan debat kita sepanjang ini boikotlah Utusan Melayu sebab merupakan satu agen untuk menyebarkan unsur-unsur sentimen perkauman dalam masyarakat kita yang majmuk ini. Sekian saja ucapan saya terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ada kenyataan daripada pihak kerajaan. Silakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, oleh sebab Kerajaan Negeri dan EXCO sudah melantik peguam mengenai rencana yang ditulis dalam *Utusan Melayu*, maka Kerajaan Negeri *reserve the rights* dahulu. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak hendak membincangkan tentang isi kandungan tetapi Kerajaan Negeri bersetuju supaya kita menyeru semua pihak menghayati semangat perpaduan dan muhibah yang selama ini dijunjung oleh semua rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan menjauhkan diri daripada perbuatan yang boleh memudaratkan kestabilan masyarakat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi 'bahawasanya Dewan yang mulia ini mengutuk dengan sekeras-kerasnya kelakuan Yang Berhormat Sungai Panjang yang membuat kenyataan palsu dan berunsur fitnah terhadap Yang Berhormat Kinrara, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor kononnya beliau mengetuai bantahan suara azan di Puchong dan Kota Damansara. Mengutuk dengan sekeras-kerasnya perbuatan keji surat khabar Utusan Malaysia yang menyiarkan berita-berita palsu, penulisan-penulisan berunsur ganas dan perkauman terhadap Yang Berhormat Kinrara, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 10 September 2008, 12 Oktober 2008 dan 17 Oktober 2008. Menyeru semua pihak menghayati semangat perpaduan dan muhibah yang selama ini dijunjung oleh semua rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan menjauhkan diri daripada perbuatan yang boleh memudaratkan kestabilan masyarakat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan mesyuarat seterusnya usul untuk menangguhkan dewan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertama, benarkan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana dapat mengendalikan perbincangan dan perbahasan dewan yang begitu tertib. Saya juga berterima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang pada awalnya menunjukkan kesungguhan tetapi Barisan Nasional sekarang sudah tidak ada padahal awalnya menunjukkan kesungguhannya untuk bersama-sama mencari jalan agar dapat menjamin pentadbiran Negeri Selangor ini diurus dengan cekap dan mantap. Saya juga berterima kasih kepada ahli-ahli EXCO yang bersama-sama mengikuti dan berbincang dan menyertai perbahasan, dan ini merupakan satu tanda ataupun satu taraf yang kita perlu jaga supaya kita dapat menggunakan dewan ini sebagai tempat bertukar idea dan pemikiran supaya kita dapat berjalan ke satu arah yang lebih baik lagi. Saya juga sempat membaca penyata rasmi yang dilakukan pada tahun lepas termasuk nama Tuan Speaker. Tetapi ada disebut oleh Sungai Panjang mengenai kualiti perbincangan masa ini dia kata kualitinya tidak faktual tetapi apabila saya baca yang dibuat di sini saya fikir memperlihatkan pertarungan antara dua atau tiga. Dua sahaja ke atau tiga?

TUAN SPEAKER : Dua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dua sahaja ahli pembangkang dengan seluruh Dewan. Dan jawapan yang saya tengok tak ada yang ilmiah sangat sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli EXCO kita Dato' Hasan Ali mengenai hala tuju. Saya pun tak nampak ke mana tujuhnya. Tetapi lebih baik saya tidak mengkritik kerana rakan-rakan mengingatkan saya ada dosanya mengata orang. Jadi saya rasa selepas Dewan ini kita mestilah melaksanakan fasa yang pertama kita sudah bincangkan dan fasa yang kedua kini dalam pelaksanaan. Dan pelaksanaan inilah yang menentukan sama ada kita berjaya atau tidak. Dan pelaksanaan ini mestilah ada peraturannya. Kita mesti ada perancangan, kita ada pelaksanaan dan kita ada *follow up* jadi masalah-masalah rakyat ini bukan hanya kita berjumpa di peringkat awal tetapi kita juga mesti ada *follow up* lepas tu kita mesti ada *re-evaluate*. Maknanya kita menilai semula sama ada kesan yang kita lakukan atau sebaliknya.

Kita sudah membuat *trade mark* merakyatkan ekonomi Selangor dan *trade mark* kita ini ahli-ahli EXCO dan saya hendak diukur sama ada kita boleh melaksanakan *trade mark* kita ini. Dan orang mula menggunakan merakyatkan ekonomi. Jadi ini merupakan cabaran bagi kita dan saya berharap EXCO-EXCO dan saya hendak berbincang cara kita dapat melaksanakannya, bagaimana kita hendak meyakinkan bahawa rakyat di negeri Selangor melihat apa yang kita janjikan. Saya ingin menggunakan masa dalam dewan yang mulia ini, saya sudah membangkitkan dan menerangkan mengenai pandangan saya tentang ekonomi dunia dalam keadaan keruncingan dan pergolakan pasaran modal, pasaran saham dan institusi kewangan. Dan di Parlimen saya sudah menerangkan tentang kemelesetan ekonomi ini dan dijangka berlaku di Amerika dan England sudah lebih 99% dan di Eropah juga keadaan itu berlaku. Boleh jadi Malaysia belum sampai keadaan tersebut tetapi dijangkakan biasanya dalam masa 6 bulan keadaan ini boleh melanda negara-negara Asian.

Antara sebabnya adalah permintaan, oleh sebab kegawatan atau kejatuhan ekonomi Amerika, Eropah dan sebagainya. Permintaan barangan pembuatan mula berkurang. Maknanya, apabila permintaan barangan pembuatan mula berkurang, mengakibatkan gudang-gudang atau industri pembuatan di negeri kita. Saya ada membahaskan dalam Parlimen tentang televisyen, VCR dan elektronik yang bakal menerima bencana tersebut. Dan saya bukan ingin nak menakutkan perkara ini. Tujuan saya supaya kita bersedia supaya kita dapat hindarkan perkara ini dan antara kesan yang terpenting dalam struktur ekonomi yang saya nyatakan ini, bukan kejatuhan ekonomi seperti 1999. 1999 ekonomi merupakan kegawatan kewangan yang hanya berpusat di Asia tetapi tidak seluruh dunia. Tetapi kali ini seluruh dunia. Seperti dalam keadaan tahun 1971 apabila satu dunia ekonominya kuncup dan akibat yang paling besar sekali adalah *employment* (penggunaan guna tenaga) dan saya mengharapkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri perlu bekerjasama. Jadi, saya mencadangkan dalam Parlimen supaya kerajaan persekutuan memanggil kerajaan-kerajaan negeri supaya berbincang cara kita untuk memangkinkan lagi ekonomi kita dalam keadaan tersebut. Pembinaan prasarana yang kita lakukan, pelaburan dalam sektor pertanian supaya petani-petani meningkatkan produktiviti dan seterusnya dan menyiapkan kerja baharu bagi menampung jika terdapat kekurangan permintaan pekerjaan dalam industri pembuatan.

Dan, hal itu sudah saya nyatakan dalam perkara kedua di Parlimen mengenai usaha supaya kita hendak memanggil *small and medium enterprises* supaya kita dapat berbincang kerana merekalah yang bakal menerima kesan yang hebat sebab mereka

tidak cukup modal. Mereka juga merupakan industri kecil-kecilan dan mereka bakal menerima akibat jika keadaan ini meluas. Maka, saya mencadangkan dan saya menerangkan negeri Selangor sudah mengadakan perbincangan awal dan gambaran yang diberikan mereka agak rendah. Oleh sebab itu kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri mestilah bekerjasama supaya memberikan kita semua suatu kepercayaan.

Perkara ketiga, saya ada menyatakan tentang penjagaan duit kita supaya jangan modal-modal di dalam negeri kita terlepas keluar. Ini boleh mengurangkan, antara lain kekuatan mata wang kita. Sebagai contoh saya menunjukkan kepada Parlimen tentang usaha kerajaan untuk menahan kejatuhan saham dengan memberikan pinjaman duit EPF sebanyak RM 5 bilion kepada *value capital* untuk membeli saham di pasaran saham. Saya dapati ini amat meragukan dan menakutkan tentang tindakan. Apa yang berlaku walaupun pinjaman itu hanya daripada EPF ke *value capital* tetapi apabila *value capital* membeli saham di pasaran saham untuk menahankan saham itu, kebanyakan orang yang menjual saham tersebut merupakan pelabur-pelabur yang mengurus dana dari luar negeri.

Dan apabila mereka sekarang dalam kesukaran di London dan New York, sudah tentu mereka hendak menjual saham ini dan apabila penjualan saham-saham ini dibeli oleh *value capital* dan wang yang RM 5 bilion itu dipegang oleh pengurus-pengurus dana tersebut, wang itu pasti mengalir keluar daripada Malaysia dan ini boleh memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada nilai wang Malaysia, iaitu kalau boleh jadi 3.20 ke 3.50 ke 3.70. Saya diminta untuk tidak sebut perkataan ini sebab semua orang takut tetapi saya nak terangkan *flow*. Sebab itu beberapa perkara mesti dilakukan. Saya percaya negara Malaysia ini mempunyai sumber-sumber yang boleh kita urus dengan lebih cekap dan lebih tertib dan kita mesti menjaga semua guna tenaga rakyat Malaysia ini dengan sewajarnya. Kita mesti beri *priority* kepada rakyat Malaysia dan kita boleh cuba kurangkan tanggungan hubungan ataupun daripada usaha untuk menggunakan pelabur asing ini dan dengan cara itu kita dapat menyelesaikan masalah-masalah ekonomi.

Jadi saya harap di dewan yang mulia ini bukanlah saya nak memberi takut tapi kita mestilah bersedia dengan hala tuju kita ada, bajet kita ada, kumpulan wang kita ada tetapi kita lebih kemas, lebih tertib dan kurangkan mengata dan seterusnya teruskan bekerja. Jadi saya berharap dengan ini kita dapat memulakan era baharu walaupun saya rasa ini memerlukan pengurusan yang lebih *steady*. *When the things get rough* (dengan izin) *when the things get tough* maknanya *the tough get going*. Jadi, kita perlu bekerja kuat dan menyediakan lawatan-lawatan untuk mengambil pelabur-pelabur asing agar menunjukkan kita lebih disiplin, dan lebih sesuai. Semua guna tenaga negeri boleh diarahkan untuk membuat produktiviti dan akhirnya kita berjaya mengatasi keadaan yang ada di sini.

Akhir kata sebelum saya menamatkan penjelasan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh kepimpinan dan kakitangan Kerajaan Negeri yang sedia memberi sokongan bagi kita agar menghasilkan beberapa idea dan usaha pelaksanaan dan kita terus ingin mempertingkatkan diri supaya tidak lagi rasa selesa di tapak yang *low level of expectation*. Sebab, kita punya jangkauan mestilah lebih tinggi daripada sini kalau nak jadi negara maju, nak jadi *world class*. Kalau nak jadi *world class* maknanya kita mesti bersaing di peringkat Olimpik. Bererti kalau nak jadi *world class* kalau kita masih yang melakukannya berlari 100 meter dalam masa 12 *second* maknanya kita tidak di undang ke

Olimpik walaupun kita ingin bertanding dengan kaum wanita. Itu kita boleh perhatikan status kita di tahap mana. Oleh itu, terima kasih Tuan Speaker. Akhir kata, marilah kita berdoa kepada Allah SWT agar menunjukkan rahmat-Nya untuk kita semua dan kita hendak berjaya sebab kita percaya apa yang kita buat dengan jujur dan ikhlas pasti diberikan petunjuk yang terbaik. Dengan ini persidangan ini berakhir di sini. Dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang ditetapkan kelak. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Penyokong.

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua-Ketua Jabatan yang telah memberikan kerjasama bagi melicinkan perjalanan bagi persidangan dewan pada kali ini. Terima kasih juga kepada Setiausaha Dewan dan Penolong Setiausaha Dewan serta kakitangan Dewan termasuk Pelapor-Pelapor yang telah bekerja bertungkus-lumus untuk menyediakan penyata rasmi sepanjang mesyuarat ini. Oleh itu saya berharap semua Yang Berhormat dapat menyemak kembali draf penyata yang akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke pentadbiran Dewan dengan kadar segera agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Tahniah juga saya ucapkan kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar kerana berjaya membentangkan bajet untuk kali pertama di Dewan ini dan juga tahniah saya ucapkan pada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang telah menunjukkan kesungguhan dan begitu aktif menyertai semua perbahasan dan dalam persidangan kali ini selama 7 hari dan juga tambahan masa 6 jam sebanyak 53 soalan telah pun berjaya dibentangkan untuk dijawab oleh EXCO dan dalam tempoh 7 hari 6 jam tersebut 5 Rang Undang-Undang dan juga 6 usul telah pun diluluskan. Ini merupakan satu rekod yang membanggakan kita. Satu rekod yang mengagumkan. Dengan kata-kata itu, saya menangguhkan persidangan pada hari ini ke satu tarikh yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.34 petang)